



Semua pejabat kerajaan, kaunter khidmat dibuka

Operasi tertakluk pematuhan SOP ketat

Kuala Lumpur: Kolej kerajaan dan swasta membuka semua pejabat kerajaan, termasuk kaunter perkhidmatan awam, diluluskan beroperasi berkuatkuasanya hari ini.

Operasi pejabat kerajaan dan swasta akan dibuka semula pada hari ini (12 Februari) dengan mematuhi SOP ketat. Semua pejabat kerajaan dan swasta akan dibuka semula pada hari ini (12 Februari) dengan mematuhi SOP ketat. Semua pejabat kerajaan dan swasta akan dibuka semula pada hari ini (12 Februari) dengan mematuhi SOP ketat.

Sokongan penjawat awam pulih semula ekonomi negara

NATIONAL OIL, MALAYSIA DAY CELEBRATIONS

PM: UNITE IN THE SPIRIT OF 'MALAYSIA PRIHATIN'

Prime Minister Anwar Ibrahim said that the support of public servants is crucial to the recovery of the national economy. He urged all Malaysians to unite in the spirit of 'Malaysia Prihatin'.

Penjawat awam bawa citra indah kerajaan

Public servants are urged to bring a good image of the government through their actions and service to the community.



MEDIA JPA 2020

Liputan • Berita • Semasa



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
Blok C1-C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia

MEDIA JPA 2020

Hakcipta Terpelihara © 2020
Jabatan Perkhidmatan Awam

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat persetujuan dan izin bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Pasukan Editorial:
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Perpustakaan Negara Malaysia

Media JPA 2020
ISBN 978-983-9187-73-1


MEDIA JPA 2020

PRAKATA

Penjawat awam sebagai muka depan kerajaan memainkan peranan penting dalam memacu enjin pembangunan negara dan memastikan dasar-dasar kerajaan dapat dilaksanakan serta disampaikan secara efisien. Komitmen tinggi dan kolaborasi yang mantap dalam kalangan penjawat awam menggerakkan mereka sebagai satu entiti yang utama dalam mendepani arus cabaran negara.

Penyaluran komunikasi massa yang baik amat diperlukan dalam sesebuah organisasi terutama dalam menyampaikan informasi atau maklumat kepada pemegang taruh atau khalayak umum. Dalam konteks ini, media berperanan sebagai pengantara dan medium yang terpenting dalam menyediakan akses dan informasi tersebut. Perhubungan media merupakan teras kepada tunas disiplin perhubungan awam dan secara tidak langsung, ia dapat mengukuhkan bidang komunikasi korporat dalam menghubungkan organisasi bersama kumpulan sasar.

Media JPA 2020 memaparkan koleksi liputan berita JPA di media massa. Koleksi berita ini meliputi landskap perkhidmatan awam seperti pemerksaan perkhidmatan awam, kebajikan penjawat awam, perkhidmatan yang ditawarkan, program-program anjuran JPA mahupun isu-isu perkhidmatan awam yang lain. Selain itu, prakarsa yang disediakan oleh kerajaan untuk mempraktikkan norma baharu dalam sektor perkhidmatan awam pada masa kini turut dipaparkan dalam kompilasi ini.



“ Setiap anggota perkhidmatan awam perlu mempunyai DNA sebagai penjawat awam, merentas skim perkhidmatan dan pangkat. Penjawat awam perlu mempunyai sifat kebersamaan dan rasa tanggungjawab terhadap amanah yang diberikan bagi memastikan reputasi perkhidmatan awam di tahap yang tinggi.

Dari segi hala tuju sektor awam, transformasi perkhidmatan awam memerlukan cara baharu dalam menyampaikan perkhidmatan. Bagi memastikan transformasi berjaya, kerajaan perlu bergerak seiring dengan perubahan yang berlaku.

”
YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(Sinar Harian, 13 September 2020)



ADIB

Kandungan

01

Statistik Liputan Berita 2020

04

Norma Baharu Perkhidmatan Awam

- Prosedur Kerja Perkhidmatan Awam
- KPI Baharu Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah
- Reformasi Pentadbiran Awam – EAC
- Pendigitalan Perkhidmatan Awam

20

Pengukuhan Perkhidmatan Awam

- Nilai dan Kepercayaan Penjawat Awam
- Kepentingan Perkhidmatan Awam
- Integriti Penjawat Awam
- Kekal Neutral
- Kajian – Polisi Pengoptimuman Sumber Manusia
- Pemerkasaan Bahasa Kebangsaan

44

Pandemik Covid-19

- Penjawat Awam Bekerja Dari Rumah
- Kepatuhan Arahan dan Peraturan

- Surat Kebenaran Bertugas
- Pejabat Kerajaan Kembali Beroperasi
- Hargai Peranan *Frontliners*
- Halang Tugas Penjawat Awam
- Tabung Covid-19

68

Kebajikan Penjawat Awam

- Bantuan Khas Aidilfitri
- Bantuan Khas Covid-19
- Elaun Khas *Frontliners*
- Insentif Waris Penjawat Awam
- Elaun Sementara - BIPK
- Kajian Semula GCR
- Kajian Semula Sistem Saraan

84

Kenegaraan dan Penjawat Awam

94

Pembangunan Modal Insan

- Program Tajaan JPA
- Biasiswa Yang di-Pertuan Agong

104

Lensa Media



STATISTIK

LIPUTAN BERITA

2020

Semua pejabat kaunter khidmat dibuka

Operasi tertakluk pematuhan SOP ketat



digariskan ialah saringan suhu badan sebelum memasuki premis pejabat kerajaan, selain penyediaan cecair pembasmian kuman dan pelaksanaan nyah cemar secara berkala.

banyak 70 peratus. Beliau berkata, keputusan berkuat kuasa serta-merta itu bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada perniagaan dan rakyat tidak terjejas, seteru pertumbuhan negara.

Kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan sudah dibuka kepada orang ramai, semalam dan ia akan diikuti pejabat atau kaunter perkhidmatan awam jabatan kerajaan lain.



ALAYSIANS have been urged to liven up the spirit of the National Day and Malaysia Day celebrations, named "Malaysia Prihatin" (Malaysia Cares), not only in the fight against Covid-19 but also in efforts to revive the economy.

okongan persemula ekonomi

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ketat untuk mengawal penyebaran virus corona. Menteri Kewangan, Tengku Zaheeruddin, was a strong proponent of the economic stimulus package.

Malaysia pada usia 60 tahun. Beliau berkata, Malaysia adalah negara yang berbilang budaya dan berbilang kaum. Beliau berharap, dengan berikhtisab, Malaysia akan terus maju dan berkembang.



Dr Muhammad Abd Hadi Bunyamin

Kedua, muncul ikon penjawat awam yang penuh berkhidmat dalam memerangi wabak COVID-19. Beliau berkata, beliau bangga dengan penjawat awam yang berkhidmat dengan penuh semangat dan dedikasi.


Pertama, penjawat awam negara menyerlahkan semangat berkhidmat apabila berhadapan dengan penjawat awam negara yang berkhidmat dengan penuh semangat dan dedikasi.

Kini, negara telah mencatatkan kejayaan dalam menangani wabak COVID-19. Beliau berkata, beliau bangga dengan penjawat awam yang berkhidmat dengan penuh semangat dan dedikasi.


Kita lihat sahaja semua ketua barisan hadapan negara yang telah berkhidmat dengan penuh semangat dan dedikasi. Beliau berkata, beliau bangga dengan penjawat awam yang berkhidmat dengan penuh semangat dan dedikasi.



LIPUTAN MENGIKUT SENTIMEN



LIPUTAN MENGIKUT JENIS MEDIA



JUMLAH LIPUTAN : 1,231 ARTIKEL





NORMA **BAHARU** PERKHIDMATAN AWAM

Era norma baharu telah mengubah landskap perkhidmatan awam. Perkhidmatan awam kini perlu mengurangkan prosedur cara kerja dan lapisan dalam membuat keputusan bagi mempercepat penyampaian perkhidmatan awam tanpa melanggar prinsip-prinsip integriti.

Penjawat awam juga dituntut untuk mengamalkan digitalisasi dalam perkhidmatan kerajaan bagi memastikan penyampaian yang lebih pantas dan cekap, di samping memenuhi keperluan pelanggan dan pemegang taruh.

'Permudah, jangan kecewakan'



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu sektor awam berperanan memudahkan cara, bukannya mengecewakan dengan kerenah birokrasi dan masalah pentadbiran yang boleh membantutkan pemulihan ekonomi negara pasca COVID-19. Amalan dan prosedur yang selama ini diguna pakai juga perlu dinilai semula, termasuk cara bekerja.

Muka 2



Permudahkan urusan pulih ekonomi pasca COVID-19

Muhyiddin gesa agensi kerajaan kurangkan kerenah birokrasi lancarkan urusan

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Hazwan Faisal Mohamad dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Agensi kerajaan dan penjawat awam perlu memainkan peranan memudahkan cara, dalam membantu usaha mengembalikan ekonomi negara ke landasan sewajarnya, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri menegaskan, kerenah birokrasi dan masalah pada peringkat pentadbiran, tidak seharusnya menjadi punca membantutkan pemulihan semula ekonomi negara pasca COVID-19.

Beliau mengakui, penjawat awam kini berdepan cabaran dalam menawarkan perkhidmatan, berikutan situasi berubah ekoran penularan COVID-19 yang menyak-

sikan banyak sektor negara ini terjejas.

"Maka, untuk memastikan kita kembali seperti sedia kala, dalam situasi normal baharu ini memerlukan tindakan lebih tersusun, lebih terancang, lebih teratur dengan dukungan setiap peringkat, terutama dalam pentadbiran kerajaan, kerana kitalah pembekal perkhidmatan terbesar di negara kita.

"Perkhidmatan kita ini diperlukan semua pihak, termasuk sektor ekonomi yang terjejas teruk. Apa peranan kita? Peranan kita ialah untuk *facilitate* (memudahkan), *not to frustrate* (bukan untuk mengecewakan).

"Bagi membantu sektor ekonomi kembali ke landasannya, ada amalan dan prosedur yang selama ini diguna pakai, perlu dinilai semula termasuk tempoh kelulusan permohonan dan lesen. Ia juga termasuk cara kerja serta kebenaran kepada ketua agensi dan jabatan untuk membuat keputusan segera," katanya.

7 Julai 2020

PM: Make quick and firm decisions

NATION

Tuesday, 7 Jul 2020

By MAZWIN NIK ANIS



Outdoor meeting: Muhyiddin delivering a speech at the monthly assembly with staff members of the Prime Minister's Department in Putrajaya.

PUTRAJAYA: A positive projection of Malaysia's economy is possible with quick and firm decisions to help in recovery efforts, says the Prime Minister.

Tan Sri Muhyiddin Yassin said civil servants played a critical role in ensuring speed in making the right administrative decisions in the post-Covid-19 era.

"Whether this projection becomes a reality highly depends on our efforts, whether we can make right and quick decisions to help all sectors recover so that the national economy can grow," he said in his maiden address to staff members of the Prime Minister's Department.

Muhyiddin said Malaysia managed to control the Covid-19 pandemic earlier than most countries due to good practices put in place,

which included the movement control order (MCO).

He said the government had rolled out initiatives to help the people and economy weather the pandemic storm, citing the RM260bil Prihatin economic stimulus package.

"We must not let bureaucracy and administrative issues hold us back and see countries still grappling with the pandemic have a faster recovery than us because we are bogged down by bureaucracy," he said.

The World Bank forecast that Malaysia will be among the earliest countries to recover, with a growth rate of 5.6% by the end of 2021.

Teliti semula prosedur, cara kerja

Utusan Borneo Sabah | 7 Julai 2020

Cara lama pentadbiran tidak lagi sesuai dalam situasi pasca-COVID-19

PUTRAJAYA: Prosedur dan cara kerja pentadbiran kerajaan perlu diteliti semula bagi mempermudah urusan pembangunan semula negara dalam keadaan normal baharu pasca-COVID-19, kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata cara lama

Langkah-langkah sebegini adalah sebahagian daripada yang perlu kita fikirkan supaya urusan-urusan untuk memulihkan semula ekonomi negara dapat kita bantu dan selesaikan," kata Muhyiddin pada perjumpaan itu di Dataran Perdana, Perdana Putra, di sini, semalam.

“Jadi cabaran yang kita hadapi amat besar sekali, bukan sahaja di JPM tetapi di semua peringkat jabatan dan Kementerian yang ada termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.”

Tan Sri Muhyiddin Yassin
Perdana Menteri

yang dilaksanakan sejak sekian lama tidak lagi sesuai dalam situasi pasca-COVID-19 yang memerlukan penjawat awam mengubah cara kerja dalam membekalkan perkhidmatan.

Pada perjumpaan pertamanya dengan warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) sejak menerajui kerajaan pada 1 Mac lepas dan selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lepas, beliau berkata lapisan-lapisan dalam membuat keputusan seboleh mungkin perlu dikurangkan dengan memberi kuasa tertentu kepada ketua-ketua agensi dan jabatan untuk membuat keputusan segera.

Katanya Ketua Setiausaha Negara pula boleh menjadi peneraju utama untuk mempermudah sekiranya Kementerian atau agensi mempunyai perkara yang perlu dirunding supaya ia tidak menjadi isu yang boleh dikenakan tindakan juruaudit negara atau agensi-agensi penguat kuasa.

"Ini satu tindakan yang kita tidak dapat elakkan.

Muhyiddin berkata walaupun Malaysia sudah hampir selesaikan COVID-19 lebih cepat daripada sesetengah negara, namun jangan kerana kerenah birokrasi dan masalah di peringkat pentadbiran, negara yang ketinggalan boleh ke depan daripada Malaysia dalam proses pemulihan.

"Ini tidaklah merupakan satu contoh yang baik kerana kita ambil masa lebih lama untuk bantu semua sektor kembali semula seperti sedia kala.

"Jadi cabaran yang kita hadapi amat besar sekali, bukan sahaja di JPM tetapi di semua peringkat jabatan dan Kementerian yang ada termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan," katanya.

Menetik laporan Majlis Tindakan Ekonomi, Muhyiddin berkata walaupun industri sepatutnya dapat bergerak dengan pantas selepas sektor ekonomi dibuka semula, namun keadaannya tidak begitu berikutan pelbagai isu termasuk masalah kewangan seperti modal pusingan yang



TINGKAT EKONOMI: Muhyiddin memberi ucapan pada perjumpaan pertama bersama pekerja-pekerja di Dataran Perdana, di Putrajaya semalam. — Gambar Bernama

tidak mencukupi.

"Maka peranan kita sebagai penjawat awam yang tentu ada kaitan dengan mereka, baik membekal perkhidmatan secara langsung atau terlibat dari segi memberi lesen, agensi yang menguruskan ujian-ujian tertentu atau membuat keputusan kepada permohonan mereka, maka tentulah tugas kita lebih mencabar lagi," katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin menegaskan pentadbiran kerajaan Perikatan Nasional mendukung segala prinsip yang telah diperjuangkan selama ini iaitu mewujudkan sebuah pentadbiran kerajaan yang bersih dan berintegriti.

Bertegas tidak akan berkompromi dalam soal itu, perdana menteri berkata Pelan Antirasuah Nasional yang telah dipersetujui dalam pentadbiran terdahulu turut akan diteruskan dalam pentadbiran kerajaan hari ini.

"Kita mahu menentukkan pentadbiran kerajaan berjalan mengikut 'rule of law' (kedaulatan undang-

undang), atas landasan undang-undang dan menentukan segala perkara yang kita laksanakan tidak dilihat sebagai menyalahgunakan kuasa kita," katanya.

Muhyiddin turut menekankan bahawa urusan pentadbiran kerajaan perlu dibuat secara teratur dan betul terutama dalam urusan kewangan negara agar pembaziran tidak berlaku.

Mengenai perbelanjaan kerajaan, katanya hampir 45 peratus hingga 50 peratus peruntukan pembangunan sudah mula dibelanjakan selepas sedikit terganggu ketika PKP, namun masih banyak yang perlu dilaksanakan sebelum akhir tahun.

"Tentulah yang saya harapkan kerjasama yang rapat antara kita untuk bekerja bersungguh-sungguh... sekiranya ada isu dan masalah tertentu harus kita ke depan untuk berbincang dengan semua pihak, ketua jabatan dan seperti selalu diingatkan jangan bekerja secara silo (sendiri)," katanya. — Bernama

Sektor awam perlu ubah cara kerja

Sinar Harian | 7 September 2020

KSN tetapkan KPI untuk semua KSU kementerian, KP jabatan bagi gerakan ekonomi pasca-Covid-19

PUTRAJAYA

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) untuk semua ketua setiausaha kementerian dan ketua pengarah jabatan bagi memastikan program menggerakkan ekonomi pasca-Covid-19 dilaksanakan mengikut perancangan.

Beliau berkata, jika gagal, mereka perlu memberi sebab dan alasan munasabah untuk dipertimbangkan jawatankuasa yang dianggotai beliau sendiri dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman serta beberapa ahli yang dilantik.

Perkara itu, katanya, diputuskan selepas perbincangan dengan KPPA susulan banyak program atau projek pembangunan yang dirancang tidak dapat di-

laksanakan seperti yang dijadualkan.

“Jadi kalau kita masih bergerak mengikut cara kerja lama, seperti yang dikatakan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kita kluatir program yang ada tidak dapat dilaksanakan seperti yang dijadualkan.

“Untuk itu kita hendaklah bergerak dengan pantas dan berubah daripada cara kerja yang lama,” katanya kepada pemberita semasa melancarkan Program Kelestarian Malaysiaku Indah anjuran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) di sini semalam.

Terdahulu dalam ucapannya, Mohd Zuki berkata, walaupun penjawat awam tidak terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau Covid-19, tetapi mereka tanpa mengira pangkat perlu bersama-sama menggerakkan ekonomi bagi membantu golongan yang terjejas.

“Kalau kita masih lagi bergelut dan terikat, kita gunakan alasan tatacara kerja kita yang lama, maka kita kluatir tempoh yang diperlukan nak gerakan ekonomi akan lebih panjang kerana kita dah tertangguh be-



Mohd Zuki (tiga dari kiri), Mohd Khairul Adib (empat dari kiri) dan Abdul Hamid (lima dari kanan) bersama kira-kira 500 orang penjawat awam memeriahkan Program Kelestarian Malaysiaku Indah di Taman Wetland, Putrajaya semalam.

rapa lama,” katanya.

Ditanya mengenai peningkatan kadar pengangguran, katanya, banyak inisiatif akan dilaksanakan bagi memastikan mereka yang terjejas akibat Covid-19 seperti hilang pekerjaan dapat dibantu.

“Kerajaan memberikan perhatian tetapi saya tidak boleh maklumkan lagi apa tindakan kita. Kita dalam perancangan... ia akan diumumkan nanti bila sampai masanya... dijangkakan

dalam masa terdekat kita umumkan,” katanya.

Mengenai Program Kelestarian Malaysiaku Indah, Mohd Zuki yang juga Penasihat Puspanita berkata, antara komponen utama program itu ialah aktiviti penanaman pokok selaras dengan hasrat kerajaan untuk membentuk ekosistem hijau yang lebih lestari.

Mohd Zuki turut menyertai Pokok Fun Ride bersama-sama Mohd Khairul Adib; Ketua Po-

lis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador; ketua-ketua setiausaha kementerian termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Suriani Ahmad dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Dr Aminuddin Hassim.

Seramai 70 peserta terlibat dalam acara berbasikal sejauh 13 kilometer itu yang dilepaskan oleh Yang Dipertua Puspanita, Puan Sri Norizam Che Mohd Nor. - *Bernama*

Jangan Putus Asa
#Malaysia
Sinar



TEMPOH PKP
18 MAC
2020

174
HARI

KES COVID-19 DI MALAYSIA

9,397
JUMLAH KES

6
KES BAHARU

128
KES KEMATIAN

9,115
KES PULIH

JUMLAH KES
SELURUH DUNIA
26,918,965

1.7 JUTA KAKITANGAN KERAJAAN KENA UBAH CARA KERJA LAMA



Mohd Zuki (depan) turut menyertai fun ride sempena Program Kelestarian Malaysiaku Indah di Taman Wetland, Putrajaya semalam.

KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) untuk semua ketua setiausaha kementerian dan ketua pengarah jabatan bagi memastikan kejayaan melaksanakan program-program menggerakkan ekonomi pasca-Covid-19.

Keputusan tersebut diputuskan selepas perbincangan beliau dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman susulan banyak program

atau projek pembangunan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan seperti yang dijadualkan.

Sekiranya gagal, ketua-ketua jabatan perlu memberi sebab dan alasan munasabah untuk dipertimbangkan jawatankuasa yang dianggotai beliau sendiri dan Mohd Khairul Adib serta beberapa ahli yang dilantik.

Mengikut rekod, jumlah keseluruhan perjawatan perkhidmatan awam di Malaysia sehingga suku ketiga 2019 adalah seramai 1.7 juta orang.

6

“ Kalau kita masih bergerak mengikut cara kerja lama, seperti yang dikatakan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kita khuatir program yang ada tidak dapat dilaksanakan seperti yang dijadualkan. Untuk itu kita hendaklah bergerak dengan pantas dan berubah daripada cara kerja yang lama.” - Kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali kepada pemberita selepas melancarkan Program Kelestarian Malaysiaku Indah anjuran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) di Putrajaya semalam

Kerajaan perkenal KPI baharu buat KSU, Ketua Pengarah

Utusan Malaysia | 7 September 2020

PUTRAJAYA: Kerajaan bercadang memperkenalkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang baharu kepada semua ketua setiausaha (KSU) dan ketua pengarah (KP) di setiap kementerian serta agensi kerajaan.

Cadangan itu dimaklumkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali yang mahu setiap projek kerajaan yang diadualkan dapat disiapkan dalam masa ditetapkan walaupun berdepan ancaman wabak Covid-19.

Jelasnya, KPI itu bagi membolehkan pelaksanaan penilaian yang lebih baik dalam perkhidmatan awam, sekaligus mengubah budaya kerja lama ke arah lebih pantas.

"Saya tetapkan KPI itu kepada KSU dan KP bagi bersamasama menggerakkan ekonomi. Kalau gagal mencapai tujuan itu, mereka hendaklah memberi sebab serta alasan munasabah untuk dipertimbangkan oleh jawatankuasa di peringkat saya dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA)," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Program Kelestarian Malaysiaku Indah



MOHD. Zuki Ali (tengah) yang diiringi Yang Dipertua PUSPANITA, Puan Sri Norizam Che Mohd. Nor (kanan) membuat gimik menanam pokok dalam Program Kelestarian Malaysiaku Indah di Taman Wetland, Putrajaya semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

di Taman Wetland, Putrajaya di sini semalam.

Program itu dianjurkan oleh Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita) dengan kerjasama Majlis Kebajikan dan Sakan Anggota-Arggota Kerajaan (Maksak) serta Ja-

batan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Menerusi program itu, pihak kerajaan menyasarkan sebanyak 100 juta pokok ditanam di seluruh negara bagi menyokong aspirasi kerajaan menghasilkan ekosistem hijau yang lebih mampan.

OLD WAY OF WORKING

New Straits Times | 7 September 2020

KPIs FOR BOOSTING ECONOMY

Ministry secretaries-general and dept directors-general must ensure programmes are implemented, says Zuki

PUTRAJAYA

CHIEF Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali has set key performance indicators (KPIs) for all ministry secretaries-general and department directors-general to ensure programmes to mobilise the post-Covid-19 economy are implemented as planned.

He said if they failed, they should give reasonable reasons and explanations to be considered by a committee, comprising him, Public Service Department (PSD) director-general Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman and several appointed members.

He said the matter was decided after discussions with the PSD following many development programmes or projects that could not be implemented.

"So, if we are still moving according to the old way of working, as Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin has said, we are worried that the programmes will not be implemented as scheduled.

"For this, we must move quickly and change from the old way of working," he said at the launch of the Malaysiaku Indah Sustainability Programme, organised by the National Association of Wives



Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali (front) taking part in the Pokok Fun Ride at the launch of the Malaysiaku Indah Sustainability Programme at Taman Wetland in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

of Civil Servants and Women Civil Servants (Puspanita), here yesterday.

Earlier in his speech, Zuki said even though civil servants may not be affected by the Movement Control Order or the Covid-19 pandemic, they jointly mobilised the economy to help those affected, regardless of rank.

"If we are still struggling and continuing to use our old work procedures, then we worry that the time required to move the economy will take longer be-

cause we have been delayed for long."

When asked about the increase in the unemployment rate, Zuki said several initiatives would be implemented to ensure that those affected by Covid-19, including those who lost jobs because of it, could be helped.

"The government does give attention (to the unemployment rate), but I cannot inform you what our actions are. We are in the planning stage and it will be announced in the near future."

On the Malaysiaku Indah programme, Zuki, who is Puspanita's adviser, said one of the main components of the programme was tree-planting, which was in line with the government's goal of creating a more sustainable green ecosystem.

Zuki participated in the Pokok Fun Ride with Khairul Adib, Inspector-General of Police Tan Sri Abdul Hamid Bador, secretaries-general and Putrajaya Corporation president Datuk Dr Aminuddin Hassim. **Bernama**

Sekat gaji, pangkat jika gagal capai KPI

Sinar Harian | 13 September 2020

KPI ditetapkan untuk bantu rancang semula pertumbuhan ekonomi negara

Oleh JUNHAIRI ALYASA

PUTRAJAYA

Indakan menyekat kenaikan gaji dan pangkat akan dilaksanakan sekiranya ada ketua setiausaha kementerian (KSU) dan ketua pengarah jabatan didapati gagal mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman berkata, KPI tersebut ditetapkan bagi membantu merencanakan semula pertumbuhan ekonomi negara pada pasca-koronavirus (Covid-19).

Jelas beliau, 30 peratus daripada KPI yang ditetapkan adalah berkaitan dengan prestasi perbelanjaan.

"Pegawai, bukan sahaja KSU, yang mendapat markah di bawah sasaran akan menjejaskan kenaikan gaji serta pangkat mereka.

"Mereka yang mencapai markah yang ditetapkan akan menerima kenaikan gaji tahunan. Dalam sektor awam tiada elemen bonus. Jika tidak mencapai sasaran, gaji kekal.

"Inilah mekanisme yang digunakan untuk menetapkan KPI. Jadi KSU perlu memastikan kakitangan mereka mencapai tahap maksimum. KPI ini juga menjadi pendorong kepada KSU bagi memastikan mereka berada di kedudukan teratas serta bersaing dan membuktikan kecekapan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam wawancara *Sinar Ahad* yang dikendalikan oleh Penolong Pengarang Pengisian Berita, Junhairi Alyasa dan wartawan *Sinar Ahad*, Mohd Ridzuan Abu Hassan di Jabatan Perkhidmatan Awam di sini baru-baru ini.

Baru-baru ini, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali menetapkan KPI untuk semua KSU dan ketua pengarah jabatan bagi memastikan mereka menjayakan program menggerakkan ekonomi pasca-Covid-19 mengikut perancangan.

Dalam pada itu, Mohd Khairul Adib berkata, pihaknya juga akan memantau dan memastikan 90 peratus pembayaran oleh kerajaan diselesaikan dalam tempoh tujuh hari manakala selebihnya



MOHD KHAIRUL ADIB

dalam tempoh 14 hari seperti yang ditetapkan.

"Kontraktor atau vendor dapat menggunakan wang tersebut untuk membayar gaji, membeli barang dan perbelanjaan bisnis lain. Ini yang akan menggerakkan semula ekonomi negara," jelasnya.

Ujarnya, beliau dan KSN bersetuju untuk mengubah pemberat KPI bagi memastikan peruntukan kerajaan pada tahun ini dibelanjakan sepenuhnya.

"Kita rasa ini satu KPI yang agak drastik. Jika KSU atau ketua pengarah gagal membelanjakan peruntukan, berti mereka menggagalkan rencana kerajaan untuk merencanakan ekonomi.

"Kalau tidak boleh melaksanakan projek mengikut jadual, ia menunjukkan mereka tidak cekap. KSU kena turun padang," tegas beliau.

Ketika ditanya mengenai nasihat yang boleh diberikan kepada KSU dan ketua-ketua jabatan, Mohd Khairul Adib berkata, mereka perlu turun padang untuk melihat isu berbangkit dan menyelesaikannya dengan segera.

"Kita menggesa KSU memahami perjalanan kementerian masing-masing. Kita menitikberatkan perbelanjaan.

"Dalam KPI, salah satu komponen ialah KPI agensi khusus. Sekiranya tidak tercapai, ia akan menjejaskan markah agregat dan reputasi KSU itu sendiri," katanya.

Mengenai teguran cara kerja lama penjawat awam yang dibangkitkan oleh Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini, beliau berkata, terdapat tiga kategori pekerja dalam setiap organisasi iaitu pekerja, pengurus dan pemimpin.

"Apa yang kita lihat sekarang ini, ramai penjawat awam bekerja berpandukan keadaan SOP lama.

"Dalam keadaan luar biasa sekarang, Perdana Menteri juga menegaskan mengenai kita percepatkan (projek). KSN meminta semua KSU dan ketua pengarah melihat semula SOP lapuk yang banyak lapisan untuk dirangkumkan supaya keputusan dapat dicapai dengan lebih cepat tanpa melanggar peraturan sedia ada.

"Sebab itu saya katakan pengurus ada SOP masing-masing, mereka perlu mengikut arahan manakala pemimpin mencari jalan bagaimana boleh memastikan objektif tercapai tanpa kita kompromikan isu-isu lain," katanya.

KSU ingatkan capai KPI gerakkan ekonomi pasca Covid-19

Sinar Harian | 12 September 2020

SHAH ALAM - Semua ketua setiausaha kementerian dan ketua pengarah jabatan diingatkan untuk memastikan petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan bagi program menggerakkan ekonomi pasca Covid-19 tercapai.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali berkata, mesyuarat pertama mengenai perkara itu telah diadakan baru-baru ini.

"Saya beri ingatan sekali lagi kepada semua ketua setiausaha (kementerian) dan ketua pengarah (jabatan) akan keperluan mereka untuk memastikan KPI yang ditetapkan itu tercapai. Ini (pencapaian KPI yang ditetapkan) adalah antara faktor untuk menggerakkan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sijil keahlian kepada 75 ahli Koperasi KOBUNITI Selangor Berhad dalam satu majlis di sini hari ini.

Pada 6 September lepas, Mohd Zuki menetapkan KPI kepada semua ketua setiausaha kementerian

dan ketua pengarah jabatan supaya program menggerakkan ekonomi dilaksanakan mengikut perancangan susulan banyak projek pembangunan tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual ekoran pandemik coronavirus (Covid-19).

Sementara itu ditanya mengenai cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang mahu Sistem Saraan Malaysia (SSM) untuk penjawat awam digantikan dengan sistem baharu, Mohd Zuki berkata, beliau belum menerima sebarang maklumat mengenai perkara itu.

"Itu mungkin cadangan mereka dan (setakat ini) Cuepacs belum minta lagi kepada kita. Saya rasa belum sampai lagi di peringkat pertimbangan kerajaan," katanya.

Khamis lepas, Cuepacs dilaporkan akan mengemukakan kertas kerja kepada kerajaan bagi mencadangkan sistem saraan baharu menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) untuk penjawat awam. - Bernama

Reformasi Pentadbiran Awam -EAC

astro
AWANI

COVID-19: EAC fokus reformasi pentadbiran awam

Fauzi Suhaimi | Ogos 6, 2020



Mustapa berkata, kerajaan menerusi EAC telah mengadakan beberapa siri bengkel dalam usaha memulihkan ekonomi negara. - Gambar fail/BERNAMA

Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) akan memberi tumpuan kepada beberapa teras utama termasuk reformasi pentadbiran awam dalam rancangan pemulihan ekonomi jangka panjang berikutan wabak COVID-19 yang melanda negara kini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, kerajaan menerusi EAC telah mengadakan beberapa siri bengkel dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

"Adalah diharapkan agar perkara yang dibincangkan ini disenaraikan dalam setiap perancangan kerajaan meliputi Bajet 2021, Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Sederhana dan Panjang serta Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)," katanya ketika berucap dalam Siri Bengkel EAC: Kerajaan dan Institusi Awam pada Khamis.

Turut hadir Pengerusi Universiti Utara Malaysia (UUM), Tan Sri Dr Mohamad Shukor Mahfar dan Pengasas bersama iA Group Sdn Bhd, Datuk Dr Hamzah Kasim.

Dalam pada itu, Mustapa berkata, usaha yang dilaksanakan EAC juga adalah untuk mencari peluang dan langkah baharu yang boleh diperkenalkan serta dipraktikkan untuk mengembalikan kedudukan ekonomi pada tahap yang stabil.

"Perkhidmatan awam merupakan sektor penting dalam kerajaan dan tujuan bengkel ini untuk melihat bagaimana pentadbiran awam mampu bertahan dalam menempuh cabaran masa depan khususnya pasca COVID-19," ujarnya lagi.



Economic recovery plan to focus on public administration reform, says Mustapa

Bernama -August 6, 2020

KUALA LUMPUR: The Economic Action Council (EAC) is focusing on several key points in the long-term economic recovery plan, including reforming public administration in the aftermath of the Covid-19 pandemic that hit the country earlier this year.

Minister in the Prime Minister's Department (Economy) Mustapa Mohamed said the government, through the EAC, had conducted a series of workshops to help revive the economy, where today's workshop, fifth in the series, centred on public institutions and governance.

"Today, we have the fifth workshop aimed at gathering ideas on the economic recovery. We assembled a total of 60 civil servants from various ministries to discuss the challenges we faced today. We also discussed how we

can face the challenges after Covid-19," he told reporters today.

The workshops have so far focused on several issues such as the readiness of the future workforce, empowering the digital economy, preparation for the changing global landscape and improving market and regulation quality.

Mustapa said the government should redistribute civil servants according to the current needs of the sectors during the Covid-19 recovery phase.

"We have to be fair. There are sectors that may require more staff than ever before (Covid-19) and there are also the opposite. We must also train our officers to be skilled now and in the future," he said.



Pembaharuan pentadbiran awam antara fokus EAC dalam pelan pemulihan ekonomi



Ogos 6, 2020



KUALA LUMPUR: Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) menumpukan kepada beberapa teras utama dalam pelan pemulihan ekonomi jangka panjang termasuk pembaharuan pentadbiran awam pasca pandemik COVID-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata kerajaan menerusi EAC, telah mengadakan beberapa siri bengkel dalam usaha untuk memulihkan ekonomi.

Katanya, bengkel yang diadakan hari ini yang menumpukan kepada institusi awam dan tadbir

urus adalah siri yang kelima dianjurkan oleh EAC.

Setakat ini, kata Mustapa, bengkel yang dikendalikan oleh EAC itu menumpukan kepada beberapa isu iaitu kesediaan tenaga kerja pada masa depan, memperkasakan ekonomi digital, persediaan bagi perubahan landskap global dan menambah baik kualiti peraturan dan pasaran.

"Hari ini kita mengadakan siri bengkel yang kelima yang bertujuan untuk mendapatkan idea mengenai pemulihan ekonomi. Kita kumpulkan seramai 60 orang penjawat awam daripada pelbagai

kementerian untuk berbincang mengenai cabaran yang dihadapi pada hari ini.

"Kita turut membincangkan bagaimana persediaan yang boleh kita buat untuk menghadapi cabaran yang mendatang selepas COVID-19," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan kata aluan pada bengkel tersebut, di sini, hari ini.

Beliau berkata antara persediaan dalam mendepani pasca COVID-19 ini, sektor kerajaan harus mengambil inisiatif untuk mengagihkan semula penjawat awam mengikut keperluan semasa dalam fasa pemulihan ini.

"Kita harus berlaku adil. Terdapat sektor-sektor yang mungkin memerlukan lebih kakitangan daripada sebelumnya (COVID-19) dan ada juga yang sebaliknya. Kita juga harus melatih pegawai-pegawai kita untuk mahir dalam bidang kini dan masa hadapan," katanya.

Meskipun pandemik ini memberikan banyak cabaran kepada negara, Mustapa berkata, ia juga telah membuka ruang kepada kerajaan untuk melaksanakan transformasi dari segi perancangan ekonomi dan pentadbiran secara keseluruhannya.

"Ini adalah peluang untuk kita melaksanakan dasar-dasar baharu, landskap global juga telah berubah di mana kebanyakan negara kini sedang melindungi kepentingan mereka, berbanding perdagangan bebas sebelum ini.

"Peluang ini kita akan gunakan untuk pastikan kita ada dasar-dasar yang

mantap seterusnya memastikan Malaysia dapat mengukuhkan lagi kedudukannya," katanya.

Melalui pemantauan berterusan yang dilaksanakan oleh EAC, beliau berkata, sudah terdapat tanda-tanda pemulihan ekonomi yang semakin mantap namun masih belum mencapai ke tahap yang baik.

"Kita melihat kepada beberapa angka yang menunjukkan bahawa ekonomi kita semakin pulih, seperti penjualan kenderaan oleh Proton, yang mencatatkan hasil jualan yang terbaik untuk tempoh lapan tahun, baru-baru ini dan peningkatan pelancongan domestik.

"Kita harus terus menggalakkan lagi pelancongan domestik dan kita berharap agar sektor yang antara paling teruk terkesan oleh COVID-19 ini akan pulih," kata Mustapa.

— BERNAMA

Amalkan mesyuarat dalam talian

Selangor Kini | 13 Mei 2020

SHAH ALAM – Kakitangan awam digalakkan bekerja di rumah kecuali urusan yang memerlukan berada di pejabat, kata perdana menteri.

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kerajaan mencadangkan amalan penggiliran pekerja dan waktu bekerja anjal termasuk bermesyuarat dalam talian bagi mengatasi isu penjagaan anak-anak di rumah.

“Ini normal baharu yang kita mesti amalkan. Mana-mana tugas boleh dibuat di rumah, buat di rumah. Ini lebih baik dan mungkin susun jadual hari bekerja secara selang-seli. Hari ini masuk pejabat, esok bekerja dari rumah,”katanya dalam perutusan sempena Hari Pekerja.

Perdana menteri berkata sektor swasta juga disarankan melaksanakan waktu bekerja anjal iaitu tidak semua staf masuk bekerja pada waktu sama bagi mengelak kesesakan.

Transformasi digital dalam normal baharu

Sinar Harian | 14 Julai 2020

KUALA LUMPUR - Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) memperkenalkan beberapa inisiatif e-dagang, ekonomi gig, pembangunan bakat dan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk memperkasa serta menampung kumpulan sasaran menerusi transformasi digital dalam normal baharu.

Pengarah Penerimgunaan Digital Perniagaan MDEC, Muhundhan Kamarapullai berkata, agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia itu telah mempromosikan pendigitalan kepada PKS sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

“Kami mempunyai inisiatif seperti 100 Go Digital. Kami mendidik ekosistem mengenai maklumat pendigitalan terkini berikutan kami terus memperkasa perniagaan secara digital.

“Baru-baru ini kami mengumumkan Geran Automasi #SMART bagi industri perkhidmatan sebagai sebahagian daripada inisiatif kerajaan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) untuk menyokong PKS melakukan lonjakan digital dalam normal baharu,”



Banyak PKS kini melihat kepada platform digital untuk menangani cabaran ketika berdepan pandemik Covid-19 dan membantu perniagaan mereka mencatatkan keuntungan.

katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan sempena webinar bertajuk Bolehkah Pendigitalan Menyelamatkan Perniagaan Anda? di sini semalam.

Beliau berkata, usaha MDEC diperlukan kerana banyak PKS melihat kepada platform digital untuk menangani cabaran yang mungkin memberi impak negatif kepada operasi dan penjana pendapatan mereka.

Agensi itu sedia maklum bahawa Kementerian Kewangan menganggarkan kira-kira dua juta pekerjaan atau hampir lapan peratus daripada tenaga kerja berada dalam risiko menjelang akhir 2020.

Sementara itu, Ketua Teknologi Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor

(SHRDC), Dr Chua Wen-Shyan yang turut serta dalam sesi webinar itu berkata, fokus utama adalah untuk membangunkan rakyat.

“Manusia atau tenaga kerja adalah aset terpenting. Tingkatkan kemahiran mereka dengan kemahiran diperlukan untuk mempromosi inovasi dan pembangunan dalam syarikat untuk mencapai transformasi digital yang mampan.

Ketua Pegawai Teknologi dan pengasas bersama Plus Solar Systems Sdn Bhd, Ryan Oh pula berkata, galakan kepada pendigitalan mendorong syarikat untuk membangunkan penyelesaian tenaga pintar bagi membantu perniagaan mencatatkan keuntungan.- *Bernama*

Pasca COVID-19: Penggunaan teknologi dalam perkhidmatan awam dipertimbang - KSN

Mei 15, 2020



MOHD ZUKI: Kerajaan boleh mempertimbangkan penggunaan teknologi ini selepas tamatnya COVID-19 supaya boleh menjimatkan lagi peruntukan membina ruang pejabat yang baharu. - Gambar fail

Penggunaan teknologi dalam perkhidmatan awam yang kini menjadi normal baharu ketika negara berhadapan wabak COVID-19 boleh dipertimbang untuk dipraktikkan pasca pandemik itu.

Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Mohd Zuki Ali berkata penggunaan teknologi seperti mesyuarat melalui sidang video telah diperkenalkan dalam sektor kerajaan sebelum ini, namun kini ia digunakan sepenuhnya dan banyak memberikan manfaat ketika wabak COVID-19.


"Dulu kita tidak terfikir tentang keperluan bekerja dari rumah atau mesyuarat secara maya, walaupun telah lama wujud; jadi

kita jangan sia-siakan peluang yang ada ini, supaya normal baharu ini dapat membantu kita untuk memastikan kelancaran dan khidmat kepada masyarakat tidak terganggu.

"Kerajaan boleh mempertimbangkan penggunaan teknologi ini selepas tamatnya COVID-19 supaya boleh menjimatkan lagi peruntukan membina ruang pejabat yang baharu dan tidak memerlukan kos peralatan yang tinggi oleh kerana memerlukan sedikit pegawai untuk hadir ke pejabat," katanya. Beliau berkata demikian ketika hadir dalam program Bicara Naratif Bersama KSN: Norma Baharu yang disiarkan di TV1 RTM, Khamis malam. -- BERNAMA

Pendigitalan perkhidmatan kerajaan percepat urusan

27 Jun 2020



Aspek pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan penting ke arah pengamalan normal baharu dan mengurangkan transaksi fizikal. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Pandemik Covid-19 jelas telah mengubah cara kehidupan dan landskap pengoperasian perniagaan, ekonomi dan bahkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Akibat penularan wabak itu, Malaysia menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menuntut kepada normal baharu cara pengoperasian sektor-sektor ekonomi, sekali gus membuka mata pelbagai pihak mengenai pentingnya aspek pendigitalan

bagi memudahkan urusan, lebih-lebih lagi dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) yang diumumkan 5 Jun lepas, kerajaan Malaysia memberi isyarat bahawa ekonomi negara bersedia untuk pemulihan dan negara perlu mencari dan menggunakan sebaik mungkin peluang-peluang ekonomi yang melibatkan soal pendigitalan bagi melonjakkan daya saingnya.

Perluas e-servis di jabatan kerajaan

Berita Harian | 25 Januari 2020

Satu lagi pendekatan positif Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) apabila berhasrat melaksanakan sistem ujian memandu secara automasi atau e-Testing di seluruh negara bermula Jun ini.

Kita percaya ia rentetan kepada kejayaan JPJ mengendalikan sistem bidaan nombor pendaftaran kenderaan secara dalam talian dikenali JPJebid. Ia bukan sahaja memudahkan, tetapi lebih penting menutup risiko rasuah dalam kalangan kakitangan ketika bersemuka menguruskan permohonan pelanggan.

Jika dilihat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaporkan 46.3 peratus daripada 4,860 individu ditahan sejak 2014 hingga Jun tahun lalu, adalah kakitangan awam. Kita percaya urusan secara dalam talian mampu mengurangkan risiko perlakuan rasuah sebegini, lantas ia perlu diperluas ke lebih banyak sektor kerajaan atau swasta.

Banyak jabatan kerajaan sudah pun menyediakan perkhidmatan elektronik atau e-servis. Namun kita harap, sistem diguna pakai cukup kompeten dan lancar, supaya tidak mengganggu operasi. Selalu kita lihat urusan dalam talian disediakan terganggu kerana masalah sistem. Ini semua harus dibaiki jika kita mahu bergerak ke arah komuniti berasaskan elektronik. Mungkin semua ini akan lebih mudah selepas perluasan teknologi mudah alih generasi kelima (5G) direalisasikan.

E-Payment di semua JPN daerah mulai tahun depan

Utusan Malaysia | 24 September 2020

KUALA TERENGGANU: Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan memperluaskan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai atau e-Payment ke semua pejabat-pejabat daerahnya bermula tahun depan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ruslin Jusoh berkata, perkembangan itu bakal menyaksikan seluruh 225 pejabat JPN di negara ini dilengkapi kemudahan tanpa tunai menggunakan kad debit dan kad kredit dalam urusan pembayaran di kaunter.

Katanya, ketika ini kemudahan e-Payment yang diperkenalkan jabatan itu sejak 2018 hanya terdapat di JPN ibu negeri dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) sahaja.

“Proses pelaksanaan di peringkat daerah telah pun dibuat sekarang dan Insha-Allah, tahun depan kita boleh memulakan kemudahan e-Payment itu.

“Sasaran saya menjelang akhir tahun depan kesemua pejabat daerah mempunyai perkhidmatan tersebut,” katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Kemudahan e-Payment dan



RUSLIN Jusoh memerhatikan Nor Erdaliana Mohd. Saufi membuat pembayaran menggunakan kad debit di JPN Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY.

Sesi Penyerahan Dokumen Pengenalan Diri di JPN Kuala Terengganu di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah JPN Terengganu, Mohamad Nasir Kareem.

Pelaksanaan e-Payment di JPN bertepatan usaha kerajaan dalam meningkatkan pemba-

ayaran tanpa tunai bagi mengelakkan isu ketirisan, rasuah dan kehilangan wang hasil di kaunter perkhidmatan kerajaan.

Ruslin turut menggalakkan masyarakat untuk menggunakan kemudahan e-Payment dalam setiap urusan pembayaran di kaunter.

CIVIL SERVANTS AND NEW NORMAL

Digital-based learning is no longer an option, but a necessity at all times



DR
KAMARUDIN
MIN

THE National Institute of Public Administration, commonly known as Intan, is the principal training arm in providing various management, administration and finance courses for civil servants.

Intan began as a modest training centre in Port Dickson in September 1959, and has gone through several phases of development in crafting and delivering relevant courses.

It adopts a holistic approach by constantly striving to cater for the future needs of the public sector. It does this by expanding its strategic collaboration network with various organisations in the public and private sectors, including premier local and foreign

institutions of higher learning.

In the international sphere, Intan, through the Foreign Affairs Ministry, conducts courses for developing countries under the Malaysian Technical Cooperation Programme. Intan also provides customised courses based on requests from international agencies, which focus on Malaysia's perspective.

The Covid-19 virus that has choked the whole world since its emergence at the end of 2019 has changed our lifestyle and interaction in a variety of ways. This includes in teaching and learning, conduct of administration, business transactions and application of technologies.

For the nearly three and a half months of the Movement Control Order, the public sector ensured the continuity of the delivery of services to safeguard the public interest.

Intan prepared for this well in advance. It catered for the needs of civil servants even prior to the pandemic. Many courses for lower grade staff and premier grade officers have been well designed and offered for immediate application and knowledge enhancement through the EPISA (Public Sector E-Learning) platform, which was developed since 2007.

It is an online training programme for civil servants that encourages training and continuous self-learning anytime and anywhere. Even the newly recruited Diplomatic and Administrative cadets, who have been studying for a Diploma in Public Administration since January, are continuing their programme seamlessly on the online platform.

The deadly virus that prompted the concept of a 'new normal' and altered our daily life did not ex-

empt the public sector.

It propelled us into a new era of digital-enabled environment and accelerated the extensive application of digitalisation and a host of new technologies. The web-based platforms allow us to avoid physical contact with anyone, yet deliver our services effectively and cost-efficiently.

Intan, through the Cluster of Innovative Management Technology Centre, has prepared numerous contemporary courses and management tools in digital and e-learning context for civil servants.

Even meetings, discussions, workshops and other forms of interactions are conducted using different types of multimedia for their ease. To bolster the effectiveness of technology-based applications, the government is establishing an advanced digital learning centre.

Under the new normal, the public sector was induced to adopt the concept of working from home and apply multimedia tools.

Apart from practising new measures such as social distanc-

ing, enhanced personal hygiene and stricter standard operating procedures, Intan is helping civil servants move away from the 'traditional' and 'comfort zone' to a hybrid approach; a combination of remote and face-to-face learning. It is also preparing the public sector for a new era of other eventualities.

The changing environment means that it can no longer be business as usual in the public sector. For that matter, Intan is persistently looking at numerous angles in grooming civil servants to think out of the box in delivering services more effectively in anticipation of other new norms in the coming time.

The virtual dimension is currently dominating the whole world and the Malaysian public sector has no choice but to embrace the reality. In essence, "digital-based learning is no longer an option but a necessity at all times".

kamarudin.min@intanbk.intan.my

The writer is National Institute of Public Administration director

Pemeriksaan EPSA lahirkan penjawat awam kompeten

Apabila kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan CO-

VID-19, amalan norma baharu mula menjadi sebahagian rutin kehidupan rakyat.

Dari perspektif latihan dan pembangunan modal insan dalam kalangan penjawat awam, penjarakan fizikal disarankan Kementerian Kesihatan (KKM) sebagai antara langkah memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 membataskan metodologi latihan secara konvensional.

Justeru, pembelajaran dalam talian dilihat sebagai alternatif terbaik bagi mengoptimalkan keperluan latihan dalam norma baharu.

Secara amnya, pembelajaran dalam talian sudah lama berkembang seiring kepesatan arus teknologi. Perubahan generasi dan evolusi penyampaian maklumat melonjakkan permintaan pembelajaran dalam talian dewasa ini.

Berdasarkan kajian LinkedIn terhadap 6,507 pekerja profesional dari 18 negara pada 2019, 57 peratus responden

menjangkakan lebih banyak masa diperuntukkan untuk pembelajaran dalam talian berbanding konvensional.

Dapatan ini mencadangkan faedah pembelajaran dalam talian signifikan. Medium pembelajarannya seperti Microsoft Teams, Zoom dan Google Meet berfungsi sebagai pemudah cara serta bersifat pelbagai menjadikan suasana pembelajaran lebih fleksibel, kondusif dan efisien.

Pengguna moden terutama Generasi Y dan Z, lebih mengutamakan pembelajaran mikro lebih ringkas, spesifik dan interaktif. Oleh itu, pembelajaran dalam talian mengadaptasikan pembelajaran mikro semakin popular kerana berupaya meningkatkan fokus dan tahap libat urus pengguna.

Dari sudut kewangan, pembelajaran dalam talian jauh lebih ekonomik berbanding pembelajaran secara konvensional. Beberapa perbelanjaan utama seperti kos tenaga pengajar, fasiliti dan bahan kursus dapat dikurangkan ke tahap minimum.

Sebagai tunjang Institusi Latihan Awam (ILA), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sentiasa komited melatih dan melahirkan penjawat awam berpengetahuan, kompeten dan berdaya saing, seiring dengan tuntutan semasa.

Bagi memenuhi hasrat ini, program dan kaedah latihan kepada penjawat awam sentiasa dikaji serta ditambah baik. Antara aspek latihan diberi tumpuan ialah pemeraksanaan pembelajaran dalam talian dalam kalangan penjawat awam. Oleh itu, e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) dibangunkan sebagai sebahagian inisiatif kerajaan elektronik.

Ia menggalakkan pembelajaran mikro dan berorientasikan gamifikasi berjaya menarik minat penjawat awam segenap lapisan. Hasilnya, corak penggunaan EPSA menunjukkan peningkatan konsisten.

Kemuncak penggunaan EPSA dapat dilihat semasa tempoh PKP. Hingga 26 Ogos lalu, 698,382 penjawat awam mendaftar sebagai pengguna EPSA, meliputi 246 kursus dalam talian.

Selain memenuhi keperluan latihan secara individu, EPSA turut memainkan peranan dalam modul pembelajaran gabungan. Sebagai contoh, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), KKM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggunakan EPSA sebagai sebahagian komponen penilaian prestasi dan laluan kerjaya penjawat awam.

Dalam konteks makro, penggunaan EPSA secara menyeluruh memperkasa usaha kerajaan ke arah pendigi-

talan sektor awam secara berterusan.

Terkini, kerajaan melalui Unit Pemoendan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) menyiapkan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 versi Beta yang menggariskan hala tuju pelaksanaan pendigitalan sektor awam.

Pelan ini disediakan sejajar keperluan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) 2030 pada peringkat global, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

PSPSA 2021-2025 memberi fokus kelangsungan kerajaan digital mampan melalui sistem penyampaian perkhidmatan inklusif dan bersepadu kepada semua golongan masyarakat daripada pelbagai kumpulan sasar di pelbagai geolokasi berasaskan konsep 'tiada yang terpinggir' meliputi golongan rentan. Maka, pemeriksaan EPSA amat penting dalam melahirkan penjawat awam kompeten dan sentiasa bersedia mengharungi dunia digital.

Penulis adalah Pengarah Wilayah dan Perunding Latihan Kanan, Unit Penyampaian Perkhidmatan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Utara



Dr
Khairusany
Mohamed
Yusof



Aizal
Mazlan

E - govt and civil service

14 October 2020

AS we move forward towards Industrial Revolution (IR) 4.0, everything is going to be digitalised. The changes are fuelled by technological breakthroughs in fields such as artificial intelligence and Internet of Things.

This also applies to the civil service as Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin recently announced the implementation of the e-government system which could open a more viable path to the transformation of the public service

The idea is in line with the development of technology that will help ease the burden on government servants and help the civil service to be more structured in terms of work process and procedures.

In addition to that, it will boost administration operations and increase productivity as well as promote public service effectiveness.

As for now, it is likely that around 40% of public services can be done online or digitally and the percentage will only go up in the future.

The prime minister has also given assurances that there will be no downsizing of the 1.6 million-strong civil service as a result of the ongoing

implementation of the e-government system

This assurance is a relief to the government servants as the issue of reducing the size of the civil service is always a worry for them, especially at this difficult period when the whole world is battling the Covid-19 pandemic.

"Civil servants can carry out multiple tasks to enhance the delivery of public services," Muhyiddin said.

E-government is a positive milestone and could give vast impact and contribution to the development of the country as a whole

Besides the implementation of online services, the government is also looking into optimising the roles of civil servants to increase the effectiveness of government delivery to the rakyat.

In regards to that, there were recent media reports quoting Public Service Department director-general Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman as saying that the government is drafting the Human Resources Optimisation policy as a replacement for the Civil Servant Rightsizing Policy.

Under the new policy, the 1:20 ratio will be used which is one government officer serving 20 people.

Even though the role of government officers would also be changed as the country becomes a developed country, there will still be differences in term of services needed in the urban area compared to the rural areas, he said.

In a broader sense, it can be clearly said that the role of civil servants is mainly to serve the rakyat and uphold the spirit of berkhidmat untuk negara (serving the country).

To sum up, with this new policy, the government will increase the civil servants' productivity and efficiency while implementing e-government services in line with the technological changes.

Wan Nur Madihah Wan Hazahari is a final year student at International Islamic University Malaysia, majoring in English for international communication.



AZRIN

AZUREE

WONG



PENGUKUHAN PERKHIDMATAN AWAM

Perkhidmatan awam merupakan tulang belakang kepada pentadbiran negara. Peralihan kerajaan baharu tidak mengubah tanggungjawab yang dipikul oleh penjawat awam kerana perkhidmatan awam adalah pihak yang memastikan keselamatan dan kesejahteraan negara.

Penjawat awam perlulah menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran untuk kekal relevan, di samping berpegang kepada prinsip, nilai moral dan integriti.

Percayalah penjawat awam

Noor Mohamad Shakil Hameed



S

ebelum ini kita banyak mendengar berkaitan isu daulah terpendam atau *deep state* membabitkan penjawat awam yang menjadi perbuahan hangat dalam kalangan anggota masyarakat.

Dalam konteks ini daulah terpendam banyak dikaitkan dengan pandangan, persepsi, tanggapan dan juga tuduhan terhadap segelintir penjawat awam yang dikatakan tidak berpuas hati serta cuba mensabotaj kerajaan di peringkat kementerian dan jabatan atau agensi kerajaan yang tertentu.

Walaupun ia tidak pernah dibuktikan namun tetap menjadi igauan ngeri kepada imej penjawat awam dan juga perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

Jadi dengan adanya kerajaan sedia ada ini, besarlah harapan kita agar imej dan persepsi ini dapat diperbetulkan dengan segera.

Tuntasnya, kita mahu kerajaan yang memerintah yakin dan meletakkan kepercayaan yang penuh kepada penjawat awam.

Secara umumnya, daulah terpendam adalah terjemahan langsung kepada frasa *deep state* yang menggambarkan situasi kegagalan pentadbiran awam yang demokratik akibat kewujudan kerajaan dalam kerajaan.

Mengikut tafsiran, kumpulan ini dikatakan mampu mengetepikan keputusan dan kehendak kerajaan semasa dan bertindak sebagai tangan ghaib bagi melaksanakan polisi dan agenda negara di luar proses pembuatan keputusan oleh kepimpinan kerajaan.



Antaranya dan yang paling utama ialah, yakin dan percayalah dengan kesetiaan penjawat awam kepada kerajaan semasa di samping pendirian *apolitical* dan berkecuali mereka.

Hal ini kerana, inilah amalan, budaya dan pegangan semua penjawat awam selama ini.

Walaupun sebagai manusia biasa penjawat awam pasti ada pegangan ideologi politik masing-masing namun yakinlah dalam soal kerja mereka sangat profesional dan berkecuali serta boleh membezakan antara kepentingan peribadi dengan kepentingan awam.

Ringkasnya, walaupun kerajaan dan kepimpinan bertukar ganti, penjawat awam tetap setia kepada kerajaan yang memerintah.

Justeru, besarlah harapan kita agar tidak ada lagi tuduhan mahupun sebarang persepsi

Seterusnya kita juga mohon agar kerajaan yakin dan percaya dengan kemampuan, kemahiran dan pengalaman yang ada pada penjawat awam.

Percayalah selama ini penjawat awam yang membantu melaksanakan segala dasar dan agenda yang diperkenalkan oleh kerajaan baik untuk membangunkan negara mahupun untuk kesejahteraan rakyat.

Penjawat awam memiliki kemampuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyampaikan perkhidmatan berkualiti dan efisien kepada kerajaan dan juga rakyat.

Jangan sesekali pertikai pengalaman yang ada pada penjawat awam.

Sebagai bukti yang paling nyata, jangan lupa tatkala negara berhadapan dengan kemelut politik baru-baru ini dan dalam

keadaan tidak ada jemaah menteri, penjawat awam memainkan peranan yang cukup besar dengan memastikan semua urusan pentadbiran kerajaan dan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat berjalan seperti biasa dan lancar.

Justeru, kita berharap kerajaan boleh mengurangkan lantikan politik sebaliknya yakin dan percaya untuk melantik penjawat awam ke jawatan utama dan strategik supaya mereka boleh membantu pihak kerajaan secara profesional.

Dalam konteks ini penulis amat bersetuju dengan pandangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang baru-baru ini mencadangkan agar anggota perkhidmatan awam dilantik mengisi jawatan ketua perkhidmatan utama di negara kita.

Kerajaan juga perlu yakin dengan tahap integriti dan amanah penjawat awam.

Percayalah majoriti masih menjadikan integriti sebagai perisai dan benteng utama mereka serta tahu membezakan antara yang halal dan haram.

Golongan ini masih berpegang teguh kepada prinsip 'saya yang menjalankan amanah'.

Justeru jangan meragui integriti dan amanah mereka.

>>Penulis adalah Timbalan Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM)

Kita berharap kerajaan boleh mengurangkan lantikan politik sebaliknya yakin dan percaya untuk melantik penjawat awam ke jawatan utama dan strategik supaya mereka boleh membantu pihak kerajaan secara profesional

Hormati tugas penjawat awam

LIDAH PENGARANG || 17 Februari 2020



SEMALAM Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi amaran tegas kepada mana-mana pihak yang cuba menghalang dan mengganggu tugas pihak berkuasa.

Ia ekoran tindakan sekumpulan individu menghalang dan dan melakukan provokasi terhadap 50 pegawai Jabatan Imigresen Malaysia di Batu Caves sehingga menimbulkan ketegangan.

Seseorang yang menghalang tugas penjawat awam boleh didakwa di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda sehingga RM10,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Sebagai iktibar atau pengajaran kepada semua, mana-mana individu yang menghalang tugas penjawat awam perlu dikenakan tindakan berat atau setimpal.

Sekiranya ada masalah, ia boleh berbincang dan diselesaikan dengan baik dan matang kerana mereka juga bertimbang rasa dan boleh bertolak-ansur.

Kepada penjawat awam, hadapi apa juga situasi dengan profesional dan sabar kerana integriti dan kelakuan penjawat awam sentiasa diperhatikan.

Tambahan pula dalam zaman 'CCTV bergerak' pada hari ini, kesilapan dan kesalahan penjawat awam sering dicari.

Perkhidmatan awam di Malaysia

Dr Helmy Haja Mydin || 10 Mac 2020



Sikap sedemikianlah yang memungkinkan penjawat awam untuk bertindak sebagai teknokrat yang profesional dalam meningkatkan prestasi kerajaan dan mengharumkan nama negara tercinta ini di persada dunia.

Sikap itu jugalah yang akan membolehkan penjawat awam menjalinkan hubungan yang akrab dengan semua pihak dalam ketiga-tiga cabang pemerintahan iaitu legislatif, kehakiman dan eksekutif.

Penjawat kerajaan menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dan pada bila-bila masa, aktif dalam memberikan saranan dan pandangan kepada pemimpin eksekutif kerajaan agar mereka sentiasa berada di landasan yang betul.

Ini ditambah dengan pelbagai latihan yang disediakan untuk meningkatkan kemahiran setiap penjawat awam, sama ada di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) mahupun latihan dalam negeri dan luar negara. Ini merupakan pelaburan besar yang kerajaan peruntukkan untuk meningkatkan keupayaan modal insan dalam kalangan penjawat awam di Malaysia.

KERAJAAN di bawah pimpinan Perdana Menteri harus mengiktiraf peranan penting yang dimainkan penjawat awam sebagai sebahagian daripada cabang penting dalam pentadbiran negara.

Malah dalam pelbagai perkara, penjawat awam merupakan enjin dan faktor yang memastikan kelancaran urusan kerajaan meskipun ahli eksekutif dan ahli legislatif tidak dapat atau gagal 'berfungsi' pada satu-satu masa.

Kebanyakan penjawat awam sememangnya cintakan negara dan terus setia berbakti serta mendukung kerajaan yang memerintah biarpun kerajaan bertukar ganti.

Dengan kata lain, penjawat awam adalah 'non-partisan' - tidak cenderung dan tidak berpihak kepada mana-mana parti politik.

Have respect for the civil service

7 February 2020

THE civil service has now become the object of ridicule and odium by fault-finding critics, politicians looking for political mileage and others with malicious intent.

These groups malign the civil service by giving the impression that it is rotten to the core, condemning it for the actions of a few. They accuse the civil service of being bloated, inefficient, corrupt and subservient to the political masters.

The civil service, which comprises all government workers including security personnel, perform crucial functions in the administration of the nation and servicing the needs of the people. They facilitate in organising peoples' lives with respect to housing, travel, sanitation, trade and commerce – in fact, most aspects of the people's existence.

We take for granted these services just because we pay taxes; and we expect civil servants to be at our behest. We tend to forget that they also pay taxes and generate economic activities through their purchases of necessities.

Imagine what would happen if the government trimmed the civil service to half its present size based on the accusation that it is bloated with numerous redundant positions. It would have disastrous consequences, as many would lose their jobs and without an income, they would not be able to put food on the table, pay for shelter and see to the education of their children, among other things.

This would in turn affect consumption, which would adversely affect companies' productivity and profitability or even make them incur losses

that would cause layoffs. This would have a snowball effect.

It is the responsibility of the government to create jobs in both the public and private sectors by providing infrastructure and a conducive environment to generate employment. In fact, it creates employment opportunities through the civil service based not on profit considerations but moral and political obligations.

Actually, the government generates economic spin-offs by employing civil servants. It could recoup some of its expenditure on the civil service through personal income and other taxes paid by civil servants.

Civil servants are paid a pittance compared to private sector employees, yet they shoulder on. Except for a few who are recalcitrant, the rest are on average a dedicated lot.

However, the current civil service inherited from the previous government needs an upgrade in efficiency and fortitude to work for the benefit of the people and not pander to the powers that be.

We should not use the civil service as a punching bag to vent our frustration on or to further our agenda. We should have faith in the civil service and not undermine it because it serves crucial functions in the running of the country, irrespective of the idiosyncrasies of the government.

MOHAMED GHOUSE NASURUDDIN

Ubah cara kerja, pastikan sektor awam kekal relevan

Oleh Dr Musa Ali - April 9, 2020

Lazimnya rutin kerja sebagai kakitangan awam, seseorang itu akan ke pejabat awal pagi. Bekerja pula mengikut waktu pejabat ditetapkan dan kebanyakan masih menggunakan kaedah manual dalam menguruskan proses kerja seharian.

Namun, COVID-19 mengubah itu semua setidak-tidaknya untuk tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

Usaha mengekang penyebaran COVID-19 memperlihatkan betapa pentingnya kakitangan awam di Malaysia. Ia bukan sahaja merangkumi kakitangan Kementerian Kesihatan yang bertungkus-lumus merawat pesakit di hospital, tetapi pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia.

Tidak hairanlah kerajaan mengumumkan elaun khas untuk petugas barisan hadapan dari sektor kesihatan dan petugas lain yang terbabit secara langsung dalam melaksanakan PKP.

Namun, kakitangan awam di Malaysia bukan sekadar bertugas di sektor kesihatan dan keselamatan, sebaliknya ramai lagi seperti di jabatan Kerajaan Persekutuan, negeri, kerajaan tempatan dan badan berkanun.

Krisis COVID-19 memaksa pengurusan organisasi dalam semua sektor pada peringkat global termasuk sektor awam di Malaysia untuk membangun dan meningkatkan dasar serta prosedur membenarkan kakitangan bekerja dari rumah.

Ia bukan baharu dalam mengurus sumber manusia, sebaliknya diamalkan dalam organisasi tertentu terutama di negara maju.

Penulis sendiri pernah bekerja dari rumah sebagai perunding sumber manusia sambilan dengan sebuah agensi ketika belajar di Australia. Malah ketika ini pun, ada rakan strategik Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA) yang mana Ketua Pegawai Eksekutifnya hanya datang ke pejabatnya di London tiga hari dalam sebulan, manakala selebihnya bekerja dari rumahnya di Dundee, Scotland.

Namun, bekerja dari rumah belum menjadi satu budaya diterima kebanyakan majikan di negara kita, apatah lagi sektor awam yang terkenal dengan pelbagai kerenah birokrasi untuk melaksanakan inisiatif seperti itu.

Namun, wabak COVID-19 menyebabkan bekerja dari rumah terpaksa dilaksanakan untuk mengekang pergerakan dan mengawal penyebaran wabak.

Sekarang kita tidak lagi janggal mengguna atau mendengar istilah bekerja dari rumah, mesyuarat atas talian, pembayaran dalam talian dan tandatangan digital.

Dalam sektor pendidikan pula sering digunakan istilah seperti kelas maya, pembelajaran dan pengajaran atas talian serta peperiksaan atas talian yang menggunakan pelbagai aplikasi.

Civil service key to economy re-start

The alternative view
M. SHANMUGAM

starbiz@thestar.com.my



AMONG government departments, the land office is one of the most crowded places. It is widely used by legal firms and ordinary people to go about their business, which range from ordinary payment of quit rent to undertaking a search on information of properties.

Since March 18, the land office is not functioning. The reason is likely due to the huge crowd and high probability of it being a "hot spot" where the Covid-19 infection can spread. Because the land office is closed, business transactions such as buying and selling of properties cannot take place.

Most legal firms are closed or only operating at half pace. The trickle-down effect goes to banks and down to the poor despatch guy who provides services to a few legal firms.

The courts are only hearing new criminal cases while all other applications are put on hold. Existing hearings are all pushed to after May 12. The postponement of the cases may go on longer, depending on the government's guidelines on the movement control order (MCO).

It's not only the closure of the land office and courts that are affecting the workings of the private sector. A slew of other government departments remained closed since March 18 for reasons best known to them.

Towards this end, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin in his Labour Day speech said that most of the economic sectors would open up from May 4. The daily loss to the government is RM2.4bil.

Even restaurants are allowed to open as long as they practise social distancing such as reducing the number of tables, putting clear markers at payment counters, checking temperatures of customers

How the easing of lockdown is taking place overseas

Place	Period of lockdown	Current status
Wuhan	Lockdown on Jan 23 for 76 days. Started to ease on April 7.	<ul style="list-style-type: none"> ■ Social distancing still practised with people required to wear mask in public areas; ■ Public transport back to normal ■ Restaurants and eateries only open for takeaways ■ Cinemas and entertainment outlets remain shut ■ Roadblocks continue to be put up to prevent free movement of people; ■ Schools are poised to re-open on May 6.
New Zealand	Closed borders on March 19 and declared a state of emergency on March 25. Eased conditions on April 27.	<ul style="list-style-type: none"> ■ Schools can reopen but social distancing must be practised ■ Families can meet but must be indoors. Large gatherings not allowed; ■ Restaurants only allowed to handle takeaways; ■ Adults are encouraged to work from home while businesses allowed to open if can provide contactless services; ■ People allowed to drive short distances, exercise and go to beaches as long as within same family.
Italy	Lockdown measures started on March 10. Easing to start on May 4.	<ul style="list-style-type: none"> ■ Schools to remain closed until September ■ Places of worship, entertainment outlets, cinemas remain closed; ■ Some bars, tourist spots and cultural centres allowed to reopen ■ Restaurants open for takeaways ■ Funerals confined to 15 people
Spain	March 16 lockdown started. Easing to start in phases beginning May 2	<ul style="list-style-type: none"> ■ Easing starts in smaller islands; ■ From May 11, restaurants, bars, entertainment outlets and places of worship to open but only with 30% capacity and depending on local situation; ■ Travel between provinces to be allowed in June/July.

Source: StarBizWeek

TheStar graphics

and getting their details.

As for government departments, the Prime Minister had said that it would start operations slowly and heads of departments have to come up with guidelines on operations considering the danger of the virus.

Before the Prime Minister's announcement yesterday, a few departments providing public services have re-opened. But it is only for a few hours in a day to allow people to undertake selected services, a move which is perplexing.

For instance, the Road Transport Department (JPJ) opened its counters from April 29 for some services such as renewal of driving licences and vocational licences, settling of summons and issues related to blacklisting.

The department urged the public to follow the guidelines on social distancing as per the government's MCO. This effectively means that the

number of people allowed to the premises would be restricted, which is only to be expected given the circumstances.

However, why are the counters only open from 8am to 1pm? Shouldn't it be longer or at least until the normal 4pm since fewer people can access counter service at any one time?

One can understand if government departments are cautious and want their front-line staff to minimise contact with members of the public. However, in minimising contact, there is little logic in reducing the hours of counter service, especially in the first few days of opening up as there is a huge backlog.

Moreover, most people are already conditioned to living with the danger of Covid-19.

Come May 12, the country would have been in MCO mode for 56 days. People are well aware of the "Dos

and Don'ts" of social distancing.

People are not going out and about as they please not only because of the restrictions in place. The majority are careful as they don't want to contract the virus. They avoid crowded places and "red areas" where there are high incidences of Covid-19 cases.

Sanitisers are placed in entry and exit points of supermarkets. Going out to public places without a face mask is a big "No". Some supermarkets do not allow customers without a mask.

A common sight outside supermarkets is the long queues waiting to enter the premises, a measure put in place to restrict the number of people entering the premises at any one time. The long queues sometimes act as a deterrent for people to reduce their trips to supermarkets.

Social distancing is practised even in wet markets, which used to be

more crowded than the land office or courts.

Council officers are stationed at entry points to restrict the number of people entering the wet market. People queue up and their body temperatures checked before they are allowed into wet markets.

If one goes inside the wet market, a conspicuous feature is how people generally avoid contact with each other and the stall operators. In most instances, stall operators wear disposable gloves. Customers do not linger around and leave quickly after buying what they require.

Supermarkets and wet markets, places that are normally crowded, have proven to embrace social distancing well.

Why not the likes of the land office and other government departments which are so crucial to support the private sector?

To re-start the economy, the government, which is the biggest employer in the country, has to start operations quickly. Counter services that complement the working of the private sector cannot operate at half pace.

In fact, the land office, courts and other regulatory authorities that issue licences and permits should have started operations earlier, just like the JPJ, instead of waiting for the go-ahead from the Prime Minister.

Millions are collected in land office and other counter departments. Each day of the MCO is costing the government RM2.4bil, not to mention the trickle-down effect.

Malaysia's MCO is not as strict as what other countries had undertaken. For instance, New Zealand announced a state of emergency on March 25 for four weeks where even food deliveries were not allowed.


Malaysia's relatively lax MCO rules have conditioned people to practise social distancing. The majority know what to do when frequenting public places, including government departments.

The views expressed are the writer's own.

Penjawat awam bawa citra indah kerajaan

Malaysia pada usia 57 tahun sejak lahir pada 16 September 1963, mempunyai ciri unik. Tahun ini, Malaysia dan warga global dilanda COVID-19 yang mencipta pandemik seluruh dunia.

Krisis politik juga terjadi pada hujung Februari mengakibatkan tumbangannya kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan munculnya Perikatan Nasional (PN).



Dua peristiwa berlaku serentak ini, menguji ketahanan sistem politik, pentadbiran, ekonomi dan kesihatan awam negara. Hikmah terakam dapat dihurai dengan beberapa perkara.

Pertama, penjawat awam negara menyerlah wibawa tersendiri apabila kekal positif tatkala

negara dilanda krisis politik. Prinsip berkhidmat kepada mana-mana pihak yang memerintah negara dipegang kuat dan menjadi benteng keutuhan pentadbiran, meskipun negara dalam ketidaktentuan politik ketika itu.

Peranan dan keberadaan ketua setiausaha negara (KSN), barisan ketua setiausaha (KSU) di kementerian dan penjawat awam lain amat dirasai pada tempoh seminggu negara dilanda krisis politik.

Perjalanan pentadbiran negara masih baik dan penjawat awam mempunyai kesedaran bahawa negara tetap perlu ditadbir dengan kudrat jentera pentadbiran yang ada demi memasti-

kan negara dan rakyat tidak terkesan teruk dengan krisis politik.

Kedua, muncul ikon penjawat awam yang penuh berwibawa dalam memerangi wabak COVID-19. Ketokohan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah sebagai 'panglima' perang melawan wabak COVID-19 begitu menyinar hinggakan diangkat Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1442 Hijrah.

Pengurniaan darjah kebesaran oleh Yang di-Pertuan Agong ternyata menjadi satu lagi pengiktirafan besar terhadap beliau dan pejuang barisan hadapan daripada seorang ketua negara.

Ketiga, penjawat awam negara sekali lagi menjadi barisan penting dalam memastikan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dilaksanakan dengan

sistematik untuk semua kumpulan sasaran yang terkesan dengan COVID-19.

Pelaksanaan dasar termasuk PENJANA secara segera dan tepat kepada kelompok dan individu yang memerlukan akan dapat memastikan peranan penjawat awam terus terserlah dalam era pasca COVID-19.

Kini, negara pada ambang pembentukan ke-57 tahun, peranan penjawat awam akan perlu untuk terus diperingkat dan diserlahkan.

Lebih ramai penjawat awam berwibawa seperti Dr Noor Hisham diperlukan bagi membawa satu kelas baharu terhadap keupayaan dan kompetensi penjawat awam dalam melaksanakan tugas penuh mencabar.

Kita seharusnya memandang krisis politik dan pandemik sebagai batu lon-

catan untuk merekayasa agenda melahirkan lebih ramai penjawat awam sebagai figura masyarakat.

Namun, tidak semua memiliki keunikan dan kekuatan tersendiri untuk muncul ikon publik. Di sinilah, kekuatan penjawat awam harus digembleng untuk menjadikan masyarakat mengenali mereka lebih dekat.

Ini termasuk menyampaikan idea melalui penulisan dan perucapan, kebersamaan dalam aktiviti kemasyarakatan atau komuniti setempat. Bagi yang beragama Islam, merapati jemaah dengan bersama memeriahkan majlis ilmu di masjid dan surau dan mengimarah rumah ibadah dengan solat berjemaah.

Tuntasnya, penjawat awam memerlukan keternampakan lebih tinggi dalam menjana imej kerajaan yang dekat di hati rakyat.

Tanggungjawab ini tidak hanya dipikul Yang Berhormat (YB) dalam Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN). Penjawat awam sendiri harus memiliki citra atau imej publik berwibawa dan dikenali ramai.

Kita harus mengorak langkah baharu menjadikan sektor awam negara, khususnya penjawat awam, lebih dekat di mata dan hati rakyat, agar padanya tercipta citra indah kepada kerajaan yang mentadbir negara ini.



Penulis adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Sokongan penjawat awam pulih semula ekonomi negara

Pasca pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyaksikan tumpuan banyak diberikan kepada sektor perkhidmatan awam terutama dalam usaha membantu kerajaan melaksanakan pelan pemulihan ekonomi negara yang terjejas teruk akibat penularan COVID-19.

Harapan tinggi itu dizahirkan sendiri Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang meminta penjawat awam memainkan peranan penting dalam

usaha mempercepat pemulihan ekonomi negara.

Selain menghapuskan kerenah birokrasi, Perdana Menteri turut mengusulkan penubuhan jawatankuasa atau pasukan tugas khas untuk meneliti dan mengubah sistem penyampaian penjawat awam yang diguna pakai

selama ini bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi.

Perhatian khusus diberikan Perdana Menteri bukan bermaksud penjawat awam ketika ini berada pada tahap tidak memuaskan, sebaliknya lebih kepada mahu menyuntik semangat kerja agar penjawat awam meningkatkan lagi keberkesanan dalam sistem penyampaian dan urus tadbir ke tahap lebih tinggi.

Harus diakui keberkesanan dalam sistem penyampaian dan tadbir urus baik dalam perkhidmatan awam menjadi pemangkin kepada kejayaan negara keluar daripada kemelut ekonomi tidak menentu ketika ini.

Tanpa faktor ini, sukar untuk sesuatu program dan dasar membantu rakyat dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Dalam hal ini, penjawat awam sen-

tiasa terbuka dengan harapan tinggi kerajaan dan rakyat yang mahu langkah memulihkan ekonomi negara dilaksanakan segera bagi mengelakkan kesan lebih buruk kepada kesejahteraan dikecapi Malaysia.

Pelbagai inisiatif dilaksanakan dalam perkhidmatan awam bagi memastikan perkhidmatan berkesan terus diterima rakyat walaupun dalam situasi kebimbangan mengenai penularan COVID-19 yang masih lagi aktif.

Semua peringkat penjawat awam bermula pengurusan tertinggi seperti ketua setiausaha dan ketua pengarah hingga kumpulan pelaksana diterapkan dengan *mindset* atau corak pemikiran untuk menjadi pemudah cara kepada rakyat.

Kita lihat sahaja semua ketua setiausaha dan ketua pengarah ketika ini ditetapkan dengan petunjuk prestasi utama (KPI) yang perlu dicapai bagi memastikan program menggerakkan ekonomi pascaPKP dilaksanakan mengikut perancangan.

Jika KPI itu gagal dilaksanakan, mereka perlu bersemuka terus dengan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali. Begitu juga semua pen-

jawat awam lain, mereka bukan sahaja dipantau ketua jabatan masing-masing, bahkan dinilai secara terus rakyat yang merasai sendiri kualiti perkhidmatan.

Bagaimanapun, tugas untuk memastikan negara kembali berada di landasan terbaik untuk keluar daripada ketidakpastian ekonomi tidak boleh diletakkan di atas bahu penjawat awam sahaja kerana sokongan daripada semua rakyat amat diperlukan.

Sokongan daripada rakyat adalah keperluan wajib dizahirkan tidak kira dalam masa sudah atau senang.

Mengambil contoh kejayaan petugas barisan hadapan mengawal penularan COVID-19 sebelum ini, usaha itu tentu menjadi sukar dan tidak akan berhasil sekiranya tidak mendapat sokongan serta kerjasama rakyat.

Kepatuhan rakyat dalam mengikuti semua arahan dikeluarkan pihak berkuasa bagi mengekang penularan COVID-19 memudahkan lagi petugas barisan hadapan yang terdiri daripada penjawat awam melaksanakan tugas mereka.

Tugas penjawat awam akan menjadi lebih mudah jika mendapat kerjasama masyarakat dan perkara sebaliknya

akan terjadi sekiranya kerjasama diperlukan itu tidak diberikan.

Berbeza negara luar seperti Indonesia, Amerika Syarikat (AS) dan India, situasi COVID-19 yang melanda negara terbabit masih lagi tinggi disebabkan tiada kerjasama rakyat walaupun pelbagai usaha pencegahan dilaksanakan kerajaan masing-masing.

Itu sebabnya Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) melihat keperluan sokongan daripada semua masyarakat kepada penjawat awam dalam memastikan setiap agenda kerajaan untuk memulihkan semula ekonomi negara dapat dilaksanakan dengan jaya.

Sekiranya ada teguran yang mahu disampaikan kepada perkhidmatan awam, biarlah ia dilihat sebagai mendidik dan jika mengkritik pula biar kritikan itu membina.

CUEPACS akui terdapat kes pelanggaran integriti membabitkan penjawat awam dan sudah pasti rakyat akan berasa kecewa apabila mendengar berita berkenaan.

Apa-apa kesalahan berkaitan integriti atau rasuah sekalipun yang membabitkan penjawat awam, ia tidak mewajarkan keseluruhan perkhidmatan kerajaan dilabelkan sebagai bersalah atas tanggungjawab kes terpercail.

Masyarakat tidak seharusnya menyalahkan keseluruhan sektor perkhidmatan awam hanya disebabkan beberapa kesalahan yang membabitkan sebilangan kecil penjawat awam sahaja.

CUEPACS juga berharap agar penjawat awam harus sedar dan sentiasa menegangi prinsip atau ikrar sebagai penjawat awam.

Penulis adalah Presiden CUEPACS



Adnan Mat



Kudos to the civil service

The Edge | 2 March 2020

Our civil servants deserve a pat on the back for continuing to serve the public during this period of political turmoil following the surprise resignation of Tun Dr Mahathir Mohamad as the country's seventh prime minister last Monday.

When Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah accepted Mahathir's resignation, the appointments of the Cabinet ministers were also revoked.

To say this is not the best time for a political crisis would be an understatement as the world reels from the adverse effects of the Covid-19 outbreak and depressed financial markets on worries of disruption to business activity.

In these uncertain times, kudos to the technocrats at the Ministry of Finance who continued to work on fine-tuning and finalising the RM20 billion stimulus package that was announced on Feb 27 as scheduled. Many had thought this would not happen, given the vacuum created by the prime minister's resignation last Monday.

Meanwhile, the doctors, nurses and officials under the Ministry of Health, together with the Immigration Department, are keeping a close watch on the Covid-19 situation in the country.

While the self-absorbed politicians jostle for power, the good men and women who make up the civil service continue to serve the people and country. Although this is

expected of public servants as they should be non-partisan, they should be praised for conscientiously performing their duties in this unprecedented political situation where there is no Cabinet in place except for an interim prime minister.

Kemelut politik serlah kepentingan institusi awam

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed - Februari 29, 2020


Ketika seluruh rakyat Malaysia menumpukan perhatian kepada persoalan siapa calon Perdana Menteri kelapan, krisis politik ini sebenarnya menyediakan ruang begitu luas kepada masyarakat untuk menyedari kepentingan peranan, kedudukan dan tanggungjawab institusi awam di negara ini.

Adalah menarik untuk kita meneliti kedudukan dan peranan tiga institusi awam yang cukup penting, iaitu Ketua Setiausaha Negara (KSN), Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP).

Hakikatnya sama ada pilihan raya, ahli politik mahupun barisan menteri akan terus silih berganti, namun institusi awam kekal melaksana fungsi seperti biasa. Senario semasa ini sepatutnya menjelaskan bahawa institusi awam mengekalkan pendirian apolitical dan berkecuali, selaras prinsip Rukun Negara, sentiasa menjunjung dan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong.

Institusi paling tinggi ialah KSN, iaitu ketua kepada semua perkhidmatan di negara ini. Institusi KSN antara badan terpenting dalam sistem pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Ia diwujudkan pada 1911 ketika pentadbiran British di bawah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Pelantikan KSN dibuat di bawah Perkara 144(3) Perlembagaan Persekutuan yang perlu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, atas perakuan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dengan nasihat Perdana Menteri. Secara khususnya, KSN memainkan tiga peranan utama, iaitu setiausaha kepada Jemaah Menteri atau Kabinet, KPPA dan Ketua Setiausaha kepada



Jabatan Perdana Menteri (JPM). KSN juga memainkan peranan seumpama 'tembok sempadan' antara kerajaan selaku penggubal dasar dengan pegawai pentadbir yang melaksanakan dasar negara.

Justeru, KSN sangat penting dalam proses pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Dalam hal ini, satu perkara yang ramai tidak sedar ialah KSN bukan sekadar ketua kepada perkhidmatan awam, sebaliknya bertanggungjawab terhadap semua perkhidmatan lain di negara ini secara total seperti syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Melalui peranan dan tanggungjawab signifikan inilah, KSN bertindak memastikan semua operasi berjalan lancar walaupun dalam tempoh krisis politik seperti ini. Oleh itu, ketiadaan Jemaah Menteri tidak seharusnya menjadi alasan untuk mana-mana perkhidmatan sedia ada menghentikan operasi atau perkhidmatan kerana institusi KSN masih kekal utuh untuk mengawal selia keadaan ketika negara berhadapan krisis seperti sekarang.

Satu lagi institusi penting ialah KPPA yang secara khususnya mengawal selia segala

urusan berkaitan penjawat awam. Ini bermaksud penjawat awam ada ketua tetap yang berfungsi memastikan semua urusan agensi kerajaan berjalan seperti biasa walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Oleh itu, sama ada berlaku perubahan kerajaan atau tidak ada Jemaah Menteri, penjawat awam akan terus berkhidmat dengan penuh dedikasi demi rakyat dan negara.

Pengagihan kuasa antara penjawat awam dengan ahli politik sangat jelas. Dalam keadaan krisis politik, rakyat tidak perlu risau kerana penjawat awam terus berdiri kukuh sebagai tulang belakang menjaga dan memelihara kepentingan negara, sekali gus membangunkan negara serta mensejahterakan rakyat.

Penulis percaya rakyat bimbang krisis politik akan menjejaskan kedudukan ekonomi dan kewangan negara. Kita tidak boleh menafikannya kerana ia berlaku di luar kawalan semua pihak. Namun, apa pasti, kita ada satu lagi institusi penting menjaga urusan kewangan dan ekonomi negara, iaitu Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Secara prinsipnya, institusi ini bertindak sebagai peneraju strategik keberhasilan kewangan dan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan mampan demi kemakmuran rakyat dan negara. Walaupun tiada Menteri Kewangan atau Menteri Hal Ehwal Ekonomi buat seketika ini, KSP mampu menjaga urusan kewangan dan ekonomi negara.

Penulis adalah Timbalan Pengarah, Pejabat Strategi Korporat Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Civil service can function without ministers: Experts

3 March 2020

PETALING JAYA: Staff at ministries can still function without their ministers, albeit within their roles as civil servants.

Universiti Sains Malaysia political analyst Dr Sivamurugan Pandian said the civil service is capable of administering and maintaining order within the public administration as Belgium had done so for 541 days without a proper government.

"However, Cabinet ministers need to be appointed to carry out policies. They have authority higher than civil servants. They lead and represent the voice of the ministry as well as the government," he said yesterday.

He added a minister's role is not the same as a civil servant in terms of tackling urgent public issues, as ministers look into policies and direction of their ministries.

He was responding to the Galen Centre for Health and Social Policy, which called for Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin to prioritise the appointment of a health minister.

"The new government must place the response and management of the ongoing Covid-19 outbreak as a matter of the highest priority to protect the health and safety of all Malaysians," said the centre's chief executive Azrul Mohd Khalib.

Universiti Utara Malaysia political analyst Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani said the best way forward is to have ministers to lead



their ministries, but Muhyiddin has to take time to finalise the Cabinet. "There is an urgent need to address economic issues and Covid-19."

However, he said civil servants could implement previous as well as the most recent policies such as the stimulus package.

He added the head of civil servants, such as the Health director-general, could still carry out their usual tasks and engage the media on issues related to Covid-19.

G25 founding member and former Khazanah managing director Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim said the people are now looking to the civil service as a beacon of hope for good governance.

"They expect it to take its own initiative to protect its professional integrity and independence based on the established principle that while politicians come and go, the civil service stays permanent.

" He called on the legal service to ensure that the rule of law continues to operate by proceeding with court trials of those politicians charged with financial offences despite the change in government.

Kerajaan datang dan pergi, perkhidmatan awam kekal

Nasrudin Mohammed
Diterbitkan 27 Feb 2020,

ULASAN | Tugas merancang pembangunan ekonomi khususnya bagi sesebuah negara - terutamanya yang baru merdeka - biasanya dipertanggungjawab ke atas jentera perkhidmatan awam.

Intipati sejarah Tanah Melayu bertunjangan kepada hubungan bersifat kesalingan antara institusi raja/kesultanan dengan rakyat. Ini termasuklah kepentingan institusi kepenghuluan dan pembesar-pembesar daerah sebagai institusi yang membawa misi perkhidmatan daripada raja atau sultan kepada rakyat secara keseluruhan.

Ini merupakan peranan strategik perkhidmatan awam, hingga ke hari ini. Menyusuri sejarah Malaysia, daripada sebuah jentera yang khusus menangani soal-soal kutipan cukai dan pengurusan kemudahan asas, perkhidmatan awam kemudiannya ditransformasi menjadi mekanisme pentadbiran yang penting terutamanya dalam menyokong kelancaran dasar pentadbiran negara.

Dengan tumpuan utama yang diberikan terhadap keberkesanan pelaksanaan dasar awam serta

rancangan pembangunan negara itu, struktur jentera perkhidmatan awam yang menggerakkan pentadbiran negara ini pada zaman pentadbiran Inggeris dahulu dibentuk pada peringkat awalnya berdasarkan dua komponen iaitu Perkhidmatan Tadbir Melayu (Malay Administrative Services) dan Perkhidmatan Awam Tanah Melayu (Malayan Civil Services).

Perkhidmatan Tadbir Melayu menempatkan pegawai tadbir yang terdiri daripada anak tempatan yang berlatarbelakangkan pendidikan, sosialisasi dan latihan pendidikan berfahaman dan beraliran Inggeris.

Secara khusus, jentera pentadbiran ini menumpukan kepada pembekalan modal manusia yang terdiri daripada anak-anak tempatan - khususnya golongan aristokrat - Melayu untuk membantu kerja pentadbiran utama yang dilaksanakan secara menyeluruh oleh pegawai Inggeris yang berada dalam skim perkhidmatan dan pentadbiran yang berasingan, iaitu Perkhidmatan Awam Tanah Melayu (MCS).



Public service ran affairs of state by itself during political crisis

THE public service is the face of the government to its citizens, forming a palpable bond between them. It serves the government with all the loyalty that it can muster as it swore to do. Yet, the public service has long been a punching bag for many ills, as though it cannot do anything right.

Budget deficits are readily blamed on a bloated public service. Poor delivery of services must be because bureaucrats are apathetic. "Street-level" bureaucrats — the front-liners in service delivery — are sometimes accused of being little Napoleons who subvert the intent of the law. If matters do not proceed to one's liking, it must be the work of the "deep state" within.

There is a grain of truth in the brickbats hurled at public servants. After all, a few rotten apples can spoil a bunch.

But "everyone likes a compliment", so wrote Abraham Lincoln to his friend, Thurlow Weed, in 1865, as

Donald Phillips' 1992 book, *Lincoln on Leadership*, mentions. Such was the effect of Lincoln's compliments on others that it provided a strong motivational force in accomplishing their jobs.

So it must have been invigorating for the public service to have been complimented for running the affairs of the state by itself during the recent constitutional crisis. Additionally, one needs to appreciate the great contribution of the public service to state- and nation-building.

In building up the state, the public service plans for development, proposes policies and executes them upon cabinet approval. It perseveres to create a business-friendly ecosystem to enhance a firm's competitiveness, thereby promoting economic growth.

The writer is a professor at the Putra Business School

By Datuk Dr. John Antony Xavier | March 12, 2020



FILE PIX: The Perdana Putra building in Putrajaya. - The civil service carries out the government's mandate with integrity. Pix: NSTP

Penjawat awam perlu pegang teguh nilai integriti

Berita Harian | 15 Februari 2020

Putrajaya: Penjawat awam perlu berpegang teguh kepada nilai integriti bukan saja bagi mengelak terbabit dengan gejala rasuah, malah untuk mendapatkan keberkatan hidup.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, menjelaskan amalan itu perlu dibentuk daripada awal dan diterapkan sebagai jati diri.

"Hanya nilai integriti, kejujuran dan amanah yang kukuh dalam diri seseorang dapat menangkis godaan rasuah dan salah guna kuasa.

"Walaupun memiliki wang yang banyak, hujung tahun dapat bonus dan ada lagi ganjaran lain, tetapi hidup tidak gembira kerana apa yang kita miliki itu tidak berkat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perkongsian Ilmu di Masjid Mahmoodiah di sini, semalam.

Dalam pada itu, Mohd Zuki turut mengingatkan penjawat awam supaya tidak menyebarkan atau berkongsi sesuatu maklumat yang tidak sah.

"Teknologi yang berkembang pesat amat membantu kita sebagai penjawat awam untuk melaksanakan tugas, namun ia juga boleh memberi implikasi buruk kepada kita.

"Jangan sesekali kita menyebarkan maklumat tidak benar atau berita palsu. Jika kita menerima sesuatu maklumat yang belum pasti kebenarannya, periksalah terlebih dulu," katanya.

Sejurus selepas majlis itu, Mohd Zuki menyertai kira-kira 1,500 jemaah menunaikan solat Jumaat di masjid berkenaan.



Hanya nilai integriti, kejujuran dan amanah yang kukuh dalam diri seseorang dapat menangkis godaan rasuah dan salah guna kuasa.

Mohd Zuki Ali,
Ketua Setiausaha Negara

malaysiakini
terkini untuk anda

Integriti Penjawat Awam

KSN: Penuhi harapan rakyat mahu k'jaan bersih, cekap, amanah

Diterbitkan 15 Feb 2020



Ketua Setiausaha Negara (KSN) Mohd Zuki Ali menggesa kakitangan awam supaya memberikan perkhidmatan terbaik dalam memenuhi harapan rakyat terhadap kerajaan.

"Perkhidmatan awam merupakan jentera yang menggerakkan proses, merangka, mengolah dan merealisasikan dasar-dasar negara demi kesejahteraan rakyat.

"Harapan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan yang cekap, bersih dan amanah perlu dipenuhi bagi memastikan kepercayaan yang diberi dapat dibalas dengan mutu perkhidmatan yang terbaik," katanya pada suatu hantaran di media sosial yang menjelaskan aspirasinya dalam memimpin perkhidmatan awam.

Menurut Mohd Zuki dalam menjalankan tugas,

"penjawat awam perlu berpegang kepada konsep neutraliti dan profesionalisme serta menghormati prinsip pembahagian kuasa."

"Ini penting agar kedaulatan undang-undang (rule of law) dapat dipertahan dalam menjunjung Perlembagaan Persekutuan," jelasnya.

Beliau juga menasihatkan penjawat awam supaya sentiasa membantu memudahkan urusan rakyat.

"Saya menyeru supaya semua penjawat awam menjadi pemudahcara dalam urusan dengan rakyat.

"Berikanlah perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Anggaplah diri anda juga adalah seorang pelanggan," katanya lagi.



MOHD KHAIRUL
ADIB ABD RAHMAN

Cabaran membina DNA penjawat awam

13 September 2020

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman menyifatkan kakitangan awam sebagai 'muka depan kerajaan'.

Katanya, kalau buruk perkhidmatan kakitangan awam, maka buruk jugalah imej kerajaan pada mata rakyat.

Dalam wawancara bersama *Sinar Ahad* minggu ini, Mohd Khairul menekankan peri pentingnya kakitangan awam bekerja dengan lebih cepat dan efisien serta tidak boleh lagi mengikut

gaya kerja lama kerana jatuh bangun negara terletak pada tangan mereka khususnya pada zaman wabak Covid-19 ini.

Beliau yang kini berusia 58 tahun juga mahu perkhidmatan awam di negara ini diwarisi individu yang memiliki 'DNA penjawat awam' iaitu berintegriti, pantas dan profesional dalam menunaikan tanggungjawab.

Ikuti wawancara Penolong Pengarang Pengisian Berita *Sinar Harian*, Junhairi Al-Yasa dan wartawan Mohd Ridzuan Abu Hassan bersama anak kelahiran Negeri Sembilan itu di pejabatnya di Putrajaya minggu ini.

Penjawat awam berdepan dengan pelbagai cabaran dan seharusnya mempamerkan ketenangan kerana mereka adalah muka depan bagi kerajaan. Mana-mana pelanggan yang tidak berpuas hati akan berdepan dengan penjawat awam ini dahulu.”

SINAR AHAD: Tan Sri sudah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 32 tahun sejak 1988, apakah perbezaan perkhidmatan awam dahulu dan sekarang?

MOHD KHAIRUL: Fungsi perkhidmatan awam dulu dan sekarang tidak pernah berubah dengan tanggungjawab sebagai tulang belakang negara bagi memastikan negara kekal berdaulat dan kebajikan rakyat terjamin. Baru-baru ini kita lihat berlaku peralihan kerajaan, tetapi ia tidak mengubah tanggungjawab penjawat awam.

Perbezaan dahulu dan sekarang adalah cabaran-cabarannya. Dulu kita lihat perkhidmatan awam banyak tertumpu kepada keperluan komuniti. Kita bina jalan, sekolah, klinik dan sebagainya tetapi seiring dengan era pembangunan, terdapat perubahan dari segi ekspektasi pihak berkepentingan dan rakyat.

Pada masa akan datang, saya melihat penjawat ini akan menghadapi cabaran-

cabaran lain dengan penyampaian perkhidmatan yang berbeza dan berteraskan digitalisasi. Sekarang kita lihat banyak urusan boleh dilakukan secara dalam talian, contohnya, nak pergi bercuti luar negara atau buat tempahan tiket dan hotel. Maka akan tiba masanya nanti penjawat awam juga perlu seiring perubahan semasa. Ekspektasi rakyat ini yang kita panggil kerajaan digital.

Dulu kita kena beratur untuk bayar bil elektrik dan air serta cukai tapi sekarang ia boleh dibuat secara dalam talian dan perlu dikembangkan lagi. Sekarang, 40 peratus perkhidmatan kerajaan dijalankan secara dalam talian. Perdana Menteri arahkan supaya kita tingkatkan lagi. Wabak Covid-19 membuktikan bahawa masyarakat kita bersedia meskipun ada cabaran dan kekangan tertentu. Contohnya ketika PKP, ada guru mengadakan kelas secara dalam talian dengan cabaran seperti talian dan peranti.

Masa PKP telah memperlihatkan penjawat

awam perlu mengadaptasi keadaan di mana perkhidmatan kepada rakyat perlu diteruskan.

Kita menjangkakan pada masa akan datang, kemungkinan kaunter di pejabat kerajaan akan berkurangan kerana banyak proses yang akan dijalankan secara automasi, tiada lagi secara bersemuka

Bagaimana Tan Sri melihat usaha-usaha yang dilakukan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam?

Saya merasakan penjawat awam perlu melaksanakan tugas berdasarkan tiga prinsip utama iaitu integriti, kepatantasan dan profesionalisme. Ini yang saya cuba terapkan sejak mula berkhidmat. Integriti adalah tunjang yang perlu ada dan sentiasa disuburkan. Kepatantasan merujuk kepada agensi dalam melaksanakan tugas manakala sifat profesional bagi memastikan perkhidmatan awam bebas daripada pengaruh mana-mana pihak yang tidak berkenaan.

Tiga prinsip ini penting ditanam dalam hati penjawat awam bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat dapat disampaikan dengan pantas dan berkesan serta menepati apa yang diperlukan.

Ramai yang kata integriti dan profesionalisme itu sama tetapi saya asingkan kerana integriti perlu ada pada semua manakala dari segi profesional adalah kefungsiannya. Kalau dia jurutera, dia jurutera profesional, kalau dia akauntan, dia akauntan profesional tapi dalam semua ini, integriti itu adalah tunjang.

Kepatantasan diperlukan terutama dalam keadaan sekarang. Kita perlu mengubah cara kerja kita untuk membantu rakan-rakan dalam sektor swasta membangunkan semula perniagaan mereka yang terjejas. Di sinilah kita menyeru kepada semua penjawat awam supaya segera bertindak tanpa menjejaskan isu integriti atau melanggar peraturan sedia ada.

Dalam normal baharu ini, prosedur cara

kerja dan lapisan-lapisan dalam membuat keputusan perlu diubah dan dikurangkan bagi mempercepat penyampaian perkhidmatan. Langkah ini penting supaya pemulihan ekonomi negara yang terjejas teruk akibat wabak Covid-19 tidak terbantut.

Dari segi hala tuju sektor awam, transformasi perkhidmatan awam memerlukan cara baharu dalam menyampaikan perkhidmatan. Bagi memastikan transformasi ini berjaya, kerajaan perlu bergerak seiring dengan perubahan yang berlaku. Sebagai contoh, dari segi perkongsian maklumat antara kementerian dan jabatan, ia perlu ditingkatkan. Kita juga cuba pastikan setiap penjawat awam memahami aspirasi dan dasar-dasar kerajaan.

Bagaimana Tan Sri melihat masa depan penjawat awam yang akan mewarisi pentadbiran negara?

Perkhidmatan awam di negara ini berada pada kedudukan yang stabil ketika berlakunya peralihan kerajaan baru-baru ini. Kalau kita lihat dalam pengambilan penjawat awam, kita berpandukan kepada dua kriteria utama iaitu kelayakan akademik dan sahsiah.

Dari segi akademik, hampir semua pemohon memiliki kelayakan diperlukan tetapi yang membezakan mereka adalah sahsiah. Kita perlu pastikan penjawat awam mempunyai DNA atau kecenderungan untuk berkhidmat kerana yang akan kekal dari mula berkhidmat sehingga ke akhir perkhidmatannya adalah sahsiah.

Penjawat awam ini berdepan dengan pelbagai cabaran dan seharusnya mempamerkan ketenangan kerana mereka adalah muka depan bagi kerajaan. Mana-mana pelanggan yang tidak berpuas hati akan berdepan dengan penjawat awam ini dahulu. Jadi mereka ini perlulah mempunyai ciri-ciri yang tertentu sebelum boleh menjadi penjawat awam.

Perlu ada DNA yang merentasi skim perkhidmatan dan pangkat. Mereka perlu mempunyai sifat kebersamaan dan rasa tanggungjawab terhadap amanah yang diberikan. Ini adalah antara inti pati yang perlu diwarisi oleh setiap penjawat awam pada masa hadapan bagi memastikan reputasi perkhidmatan awam berada pada tahap yang tinggi.

Kalau kita lihat sebelum ini dalam ketidaktentuan politik, cabaran utama perkhidmatan awam adalah mengekalkan prinsip keberkecualian dalam politik bagi mengelak persepsi pihak luar bahawa perkhidmatan awam cenderung kepada mana-mana parti politik. Ini perlu dilakukan tanpa menjejaskan perkhidmatan awam untuk berkhidmat kepada kerajaan hari ini.

PROFIL

TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB ABD RAHMAN

Jawatan sekarang: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Tempoh berkhidmat: 32 tahun (sejak 1988)

Umur: 58 tahun

Asal: Negeri Sembilan

Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Sains (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Ijazah Sarjana Sains Polisi (Universiti Saitama, Jepun)

Pengalaman:

- Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Pengangkutan; Setiausaha Bahagian di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
- Penasihat Pendidikan dan Latihan di Tokyo, Jepun dan London, United Kingdom

Lima prinsip asas, panduan tingkatkan produktiviti penjawat awam

RTM | Mei 1, 2020

PUTRAJAYA, 1 Mei - Penjawat awam perlu terus komited dan proaktif dalam meningkatkan produktiviti bagi memacu kestabilan pertumbuhan pesat ekonomi negara.

Ini ditegaskan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Dalam perutusannya sempena Hari Pekerja, beliau menggariskan lima prinsip asas yang harus dijadikan panduan setiap penjawat awam.

Datuk Seri Mohd Zuki berkata, COVID-19 yang melanda negara telah merubah budaya kerja kepada paradigma baharu.

Beliau yakin, pertumbuhan ekonomi negara akan kembali pulih sebaik sahaja pandemik COVID-19 berakhir.

Penjawat awam tulang belakang negara

Selangor Kini | 13 Mei 2020

KUALA LUMPUR – Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Mohd Zuki Ali mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada rakyat Malaysia terutamanya penjawat awam.

Beliau berkata penjawat awam merupakan nadi dan tulang belakang negara.


“Wabak #Covid-19 telah mengubah paradigma baharu dari segi budaya kerja dan norma sosial masyarakat.

“Namun produktiviti terus diutamakan demi kestabilan dan pertumbuhan ekonomi negara,” katanya sempena Hari Pekerja pada 1 Mei lalu.

Terdapat kira-kira 1.6 juta penjawat awam di negara ini, termasuk petugas barisan hadapan seperti tenaga kerja kesihatan dan keselamatan yang kini bertungkus lumus memerangi penularan wabak Covid-19. – BERNAMA

Amaran KP Perkhidmatan Awam

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman memberi amaran tindakan tegas akan dikenakan terhadap pegawai kerajaan yang didapati melakukan salah laku atau kecuaiian. Merujuk teguran Ketua Audit Negara yang berpendapat ada hukuman dikenakan jabatan terhadap pesalah berkenaan terlalu lembut dan ringan, beliau menegaskan tindakan bukan setakat apa yang termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam, yang termasuk diturunkan pangkat atau dibuang kerja, malah pertuduhan jenayah di mahkamah. **Muka 5**



Amaran KP Perkhidmatan Awam

Tindakan tegas termasuk dakwa di mahkamah kakitangan salah, cuai



Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman memberi amaran tindakan tegas dan serius akan diambil terhadap pegawai kerajaan yang didapati melakukan salah laku atau kecuai.

Tindakan tegas itu, katanya, bukan setakat amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat dan dibuang kerja seperti termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam, tetapi juga boleh dikenakan pertuduhan jenayah di mahkamah.

Merujuk teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang berpendapat ada hukuman dikenakan jabatan terhadap pegawai dan kakitangan awam yang cuai, tidak cekap dan tidak akur sebagai terlalu lembut dan ringan, beliau berkata, teguran itu dipandang serius oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Mohd Khairul Adib mengingatkan setiap ketua jabatan supaya mengambil tindakan tegas terhadap sebarang kesalahan dilakukan penjawat awam berdasarkan peraturan sedia ada serta merit kesalahan yang dilakukan.

"Ketua jabatan harus memainkan peranan dengan mengambil tindakan tegas dan segera terhadap penjawat awam apabila ter-

dapat teguran dan ketidakakuran di agensi masing-masing seperti dilaporkan pihak audit.

"Ini penting kerana kerajaan amat memandang serius isu ketirisan hasil negara, termasuk disebabkan oleh kesalahan atau kecuai dilakukan penjawat awam, selain komited untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, berintegriti dan proaktif," katanya kepada BH.

Pada 14 Julai lalu, Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid pada sidang media mengenai LKAN Tahun 2018 Siri 3, dilaporkan berkata, pihaknya berpendapat ada antara hukuman yang dikenakan terhadap penjawat awam yang melakukan kesalahan, sepatutnya lebih keras.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya menghormati keputusan jabatan terbabit kerana ia mungkin berlaku selepas Jawatankuasa Siasatan Dalam pada peringkat yang menyiasat, mengambil kira pelbagai faktor penentuan hukuman.

"Cuma kadang-kadang ada kita berasakan bahawa jabatan agak berlembut yang mana hukuman agak ringan tetapi Jabatan Audit Negara tidak boleh campur tangan kerana kita pun buat audit, menemukan ketidakpatuhan sahaja," kata Nik Azman seperti dipetik media.

Mohd Khairul Adib menjelaskan, dalam mengambil tindakan, setiap ketua jabatan perlu mematuhi tatacara pengurusan tatatertib selaras Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 termasuk bagi kes tindakan susulan LKAN.

Katanya, tindakan hendaklah berdasarkan tujuh jenis hukuman tatatertib seperti termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam, iaitu amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat dan dibuang kerja.

"Pegawai boleh dikenakan tindakan tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan hingga 48 bulan. Bagi tindakan buang kerja, ia bukan setakat salah laku dalam aspek



Ketua jabatan harus mainkan peranan mengambil tindakan tegas dan segera terhadap penjawat awam apabila ada teguran dan ketidakakuran di agensi masing-masing seperti dilaporkan pihak audit.

Mohd Khairul Adib Abd Rahman,
Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam

kewangan atau salah guna kuasa, tetapi juga isu disiplin seperti tidak hadir bertugas," katanya.

Mohd Khairul Adib juga mahu unit audit dalaman pada peringkat kementerian dan jabatan memainkan peranan memberi teguran tegas terhadap sebarang ketidakakuran prosedur ketika proses pengurusan kewangan, pembangunan dan perolehan.

"Amat penting untuk unit audit dalaman memantau dan menangani sebarang salah laku pada peringkat awal membabitkan pelaksanaan sesuatu aktiviti dan projek sebelum perkara itu menjadi lebih serius.

"Selepas itu, ketua jabatan di setiap kementerian atau agensi hendaklah mengambil tindakan tegas dan segera terhadap teguran serta ketidakakuran yang dilaporkan oleh pihak audit dala-

man," katanya.

Beliau menegaskan, penjawat awam yang terbabit dengan salah laku dan dikenakan hukuman tatatertib hanya sebahagian kecil iaitu 0.02 peratus atau 255 pegawai daripada jumlah keseluruhan yang ada.

Bagaimanapun, katanya, JPA tidak memandang mereka yang dikenakan hukuman tatatertib dari sudut angka kerana kesalahan yang dilakukan, wajib ditangani dengan tindakan sewajarnya.

"Setiap teguran LKAN dipandang serius dan diambil tindakan susulan sewajarnya dengan usaha penambahbaikan secara berterusan juga dilakukan untuk mengelak teguran berulang pada masa hadapan," katanya.

JPA, katanya, bertanggungjawab menggubal dasar dan peraturan tatatertib bagi perkhidmatan awam yang ditambahbaik dari semasa ke semasa, namun jenis hukuman sedia ada setakat ini dilihat memadai.

Beliau menjelaskan, bagi setiap teguran punitif iaitu membabitkan kes penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, salah laku dan kecuai, JPA akan membutuhkan jawatankuasa siasatan bagi memperoleh keterangan dari aspek kesaksian dan pembabitkan pegawai awam dalam kes dilaporkan.

Katanya, sekiranya wujud asas kukuh bahawa pegawai terbabit melakukan salah laku atau cuai, tindakan tatatertib akan diambil mengikut budi bicara pihak berkuasa tatatertib berdasarkan merit kes atau boleh dikenakan pertuduhan jenayah di mahkamah.

"Bagi pegawai yang disyorkan jawatankuasa siasatan untuk dimulakan prosiding tatatertib, kes akan dikemukakan kepada pihak berkuasa tatatertib jabatan masing-masing. Setiap pegawai diberi peluang membela diri dan diadili berdasarkan merit kes.

"JPA menghormati budi bicara pihak berkuasa tatatertib dalam menentukan hukuman tatatertib ke atas pegawai terbabit. Ingin ditegaskan, hukuman tatatertib boleh menjejaskan kemajuan kerjaya pegawai di samping memberi kesan terhadap gaji dan faedah lain.

Info

7 tindakan tatatertib

» Amaran (tidak layak dipertimbang kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan)

» Denda (tidak layak dipertimbang kenaikan pangkat bagi tempoh 18 bulan)

» Lucut hak emolumen (tidak layak dipertimbang kenaikan pangkat bagi tempoh 24 bulan)

» Tangguh pergerakan gaji (tidak layak dipertimbang kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan)

» Turun gaji (tidak layak dipertimbang kenaikan pangkat bagi tempoh 36 bulan)

» Turun pangkat (tidak layak dipertimbang kenaikan pangkat bagi tempoh 48 bulan)

» Buang kerja

"Pegawai juga masih boleh disabitkan kesalahan sivil atau jenayah di mahkamah bagi kes penyelewengan, salah guna kuasa, salah laku dan kecuai," katanya.

Mohd Khairul Adib berkata, JPA sudah menyediakan garis panduan dari segi pelaksanaan prosedur dan peraturan penentuan bentuk hukuman, namun pelaksanaannya secara khusus bergantung kepada kesesuaian merit kes pada peringkat pihak berkuasa tatatertib jabatan masing-masing.

Mengenai langkah meningkatkan kecekapan dan integriti penjawat awam, beliau berkata, antara inisiatif diambil ialah pementapan program pembangunan kompetensi dan nilai integriti, pusingan kerja tiga hingga lima tahun pegawai menjawat jawatan sensitif serta Ikrar Bebas Rasuah.



Foto hiasan - Para penjawat awam melafazkan ikrar ketika hadir pada Majlis Sambutan Hari Pekerja 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya. foto HAZROL ZAINAL, 01 MEI 2019

Penjawat awam dilarang pegang jawatan dalam parti politik

By Bernama - 3 January 2020

SEREMBAN – Penjawat awam di negara ini tidak dibenarkan untuk memegang sebarang jawatan dalam mana-mana parti politik, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman.

Beliau berkata, dasar ini adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan supaya penjawat awam tidak terlibat atau terpengaruh dengan sentimen politik kepartian dalam melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat.

“Dalam mesyuarat bersama jemaah menteri pada 1 Nov lepas, kita sudah putuskan larangan penjawat awam terlibat dalam politik, bagi menghormati hak asasi manusia, penjawat awam boleh terlibat dalam parti politik tetapi bagi menjamin (mereka) kekal neutral, penjawat awam tidak dibenarkan memegang jawatan atau bertanding dalam sebarang jawatan,” katanya kepada pemberita selepas Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan, di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin Harun dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Datuk Dr Razali Ab Malik.

Katanya, bagaimanapun ketika ini beberapa perkara sedang diperhalusi sebelum pekeliling mengenainya dikeluarkan dalam masa terdekat bagi memastikan penjawat awam mematuhi perkara tersebut.

“Keputusan itu sudah ada, kami tengah sediakan satu pekeliling untuk pastikan perkara ini diikuti, dalam masa sama masih ada sedikit lagi kajian masih perlu dilakukan,” katanya

Beliau juga berkata dalam tempoh tiga bulan lalu pihaknya telah mengambil tindakan tatatertib terhadap tiga orang penjawat awam atas kesalahan menyebarkan maklumat yang tidak benar.

– MalaysiaGazette

Keep civil service independent

3 Mar 2020

THE sudden political change and the surprise announcement of a new prime minister have created anxiety and concern over the future direction of the country. The big question is whether the new government will stay committed to implementing the reforms that are essential for our democracy to function in a progressive manner and for investors to have confidence in the economy.

More than before, the people are now looking to our civil service as a beacon of hope for good government. They expect it to take its own initiative to protect its professional integrity and independence based on the established principle that while politicians come and go, the civil service remains permanent.

Although all civil servants must be loyal to the government of the day, they must also exercise their professional duty to uphold the rule of law and institutional governance without fear or favour. The legal service must ensure that despite the change of government, the law must continue to operate by proceeding with court trials of those politicians charged with financial offences committed when they were in power. Abandoning the trials for political expediency will cause lasting damage to the country's reputation all over the world. Investors will lose confidence in our legal system and will prefer to use British or Singapore law in drafting business agreements.

The top civil servants are the secretary-generals of ministries. They are designated by law as the financial controllers of the ministries' budgetary allocations. Their duty is to advise their ministers in policymaking and lead the implementation of ministry decisions. In view of what happened in the past with many cases of wastage and leakage of public funds, the civil servants have to exercise their administrative power to undertake thorough analysis of ministerial instructions before they are implemented. Undoubtedly, this task has become more difficult over the years with the creation of so many off-budget agencies such as statutory authorities and government-linked companies (GLCs) that operate outside the civil service system even though their funding comes from federal or state government allocations.

Many of them have politically connected appointees at the board and executive levels. The ministry secretary-generals should undertake close surveillance of these off-budget agencies because they are the main cause of patronage, cronyism and corruption in the public sector. And previously, when the GLCs fell into financial difficulty, the government would conveniently take the political decision to bail them out using Treasury funds and justify this wasteful funding in the name of the New Economic Policy. Civil servants now must be brave enough to take their own initiative to discipline and reform the

governance system in GLCs so they will not be politically exploited.

The civil service must embark on emphasising meritocracy and professionalism among its rank and file so that whatever the political complexion of the Cabinet and its ministers, we the public will be protected from ministerial decisions that are not suitable for our society and economy. Civil servants must dedicate themselves to serve King and country first, as they are expected by taxpayers to run the planning and administrative machinery for the good of all citizens.

The civil service must also strengthen the culture of interagency coordination to guard itself from political influence. It should follow the example of the Economic Planning Unit (EPU) in the area of development planning. As the highest central planning agency of the government, it consults regularly with other agencies, especially the Federal Treasury in the Finance Ministry, Bank Negara Malaysia and the Statistics Department through the Interagency Planning Group. This is to ensure they coordinate closely on forecasting economic trends and prospects in the country so that the statements that each makes about the economy are consistent, professional and not swayed by political sentiments.

At one time, about 30 years ago, there was a suggestion in Cabinet that trade and

economic numbers should be politically cleared before they are released to the public. Our civil servants in the central economic agencies objected strongly to the proposal, saying it would destroy Malaysia's economic and financial credibility locally and internationally. Similarly, they also objected to suggestions that Bank Negara decisions on monetary policy should get the minister's clearance first.

Civil servants today must similarly be vigilant against attempts by their political masters to control the economic and administrative work which should rightly be left to the professionals.

The civil service must embark on emphasising meritocracy and professionalism among its rank and file so that whatever the political complexion of the Cabinet and its ministers, we the public will be protected from ministerial decisions that are not suitable for our society and economy. Civil servants must dedicate themselves to serve King and country first, as they are expected by taxpayers to run the planning and administrative machinery for the good of all citizens.

TAN SRI MOHD SHERIFF

MOHD KASSIM

Penjawat awam perlu bersikap neutral

Sinar Harian | 16 Februari 2020

PUTRAJAYA - Penjawat awam perlu berpegang kepada konsep keneutralan dan profesionalisme serta menghormati prinsip pembahagian kuasa agar kedaulatan undang-undang dapat dipertahan dalam menjunjung Perlembagaan Persekutuan.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali berkata, harapan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan yang cekap, bersih dan amanah perlu dipenuhi bagi memastikan kepercayaan yang diberi dapat dibalas dengan mutu perkhidmatan yang terbaik.

“Perkhidmatan awam merupakan jentera yang menggerakkan proses merangka, mengolah dan merealisasikan



MOHD ZUKI

dasar-dasar negara seterusnya menjadi tunjang utama kepada kejayaan negara demi kesejahteraan rakyat.

“Dalam mempersiapkan negara untuk menjadi negara maju, kecekapan penyampaian Perkhidmatan Awam perlu terus diperkukuh agar ia menyokong pertumbuhan ekonomi seterusnya meningkatkan produktiviti un-

tuk kemakmuran bersama,” katanya dalam kenyataan di laman Facebook beliau semalam.

Mohd Zuki berkata, penjawat awam juga perlu berpegang kepada lima prinsip utama iaitu kebersamaan, interaksi, dinamik, khidmat bakti dan pembudayaan integriti bagi memacu kecemerlangan perkhidmatan. - *Bernama*

Kerajaan semasa majikan kami

Mac 4, 2020



Negara sekali lagi melalui peralihan kuasa dengan Ahli Parlimen Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dilantik sebagai Perdana Menteri untuk menerajui pentadbiran kerajaan baharu.

Ia proses demokrasi yang termaktub dalam perlembagaan. Pada CUEPACS peralihan kuasa ini berjalan baik dan dalam suasana negara yang aman damai.

CUEPACS mengambil pendirian sentiasa berdiri teguh dan menyokong sepenuhnya langkah diambil Perdana Menteri untuk

membentuk kerajaan yang kukuh demi memastikan kesejahteraan serta keharmonian rakyat dan negara.

CUEPACS dan penjawat awam sentiasa bersama-sama kerajaan untuk terus memacu negara ini ke arah yang lebih cemerlang, seterusnya memberi perkhidmatan yang sangat berkesan dan berkualiti kepada rakyat dan negara.

Begitulah pendirian CUEPACS ketika ini, 'Tingkatkan Produktiviti, Kukuhkan Integriti'.

Kerajaan adalah majikan kepada kakitangan awam. Bagi CUEPACS, siapa sahaja kerajaan hari ini, itulah majikan kami.

Walaupun kerajaan datang dan pergi bersilih ganti, perkhidmatan awam tetap kekal setia dalam neutraliti meneruskan khidmat menjaga kesejahteraan negara secara menyeluruh di bawah payung institusi Raja.

Perkhidmatan awam tonggak pentadbiran kerajaan dan perlu bertindak secara profesional.

Penjawat awam perlu bijak mendepani segala cabaran. Perkhidmatan diberikan perlu dilaksanakan dengan prinsip penyampaian terbaik selaras slogan 'Saya Yang Menjalankan Amanah'.

Walau apa pun berlaku perkhidmatan kerajaan akan sentiasa dipastikan berada dalam keadaan yang terbaik untuk rakyat. Jika ada terkurang, sama-sama perbaiki, bukan diberi cacian dan memperlekeh peranan penjawat awam.

Justeru, CUEPACS mengharapkan hubungan antara kerajaan dan penjawat awam dipertingkatkan dari semasa ke semasa, demi kesejahteraan dan kemakmuran negara tercinta ini.

Tidak dinafikan timbul masalah apabila orang politik yang berada dalam kerajaan melihat penjawat awam masih menjalankan dasar kerajaan terdahulu. Di sini, persepsi istilah deep state atau daulah tersembunyi timbul.

Bagi penjawat awam tidak timbul istilah dasar kerajaan terdahulu atau kerajaan sekarang kerana bagi kami, hanya menjalankan dasar kerajaan yang termaktub dan didokumenkan.

Perasaan curiga pegawai lantikan politik wujud kerana dasar ini belum berubah.

Justeru, jika kerajaan semasa tidak selesai dengan dasar berkenaan, mereka boleh mengubahnya sebagaimana kehendak dan hala tuju kerajaan yang memerintah.

Risiko yang akan berlaku jika wujudnya deep state dalam kalangan penjawat awam ialah ketidaktenteraman dan proses pentadbiran dari semasa ke semasa tidak berjalan lancar.

Untuk pengetahuan semua, sehingga ke hari ini tiada gerakan deep state dalam kalangan penjawat awam.

Bagi CUEPACS kami menzahirkan keyakinan dan sokongan tanpa berbelah bahagi kepada Perdana Menteri. Oleh itu, CUEPACS yakin pentadbiran kerajaan baharu ini akan terus menjaga kebajikan anggota perkhidmatan awam kini dan selamanya.

*** Penulis ialah Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)**

Steadfastly neutral and apolitical

March 10, 2020

LETTERS: "We serve the government of the day" is a familiar phrase that has long been woven into the fabric of the civil service. An ethos instilled within and upheld by those who signed up for government service.

Advocating such a principle has gone blindingly obvious in the backdrop of mature democracy and the recent political turbulence.

Amid the political wobble, the government machinery in ministries, departments and agencies remains intact.

For us, the civil servants, it is still business as usual. We stand impartial, continue doing our work while offices and operations return to a semblance of normalcy. This is the epitome of professionalism and non-partisanship at work.

Ultimately, democracy necessitates the civil service to be consciously and studiously neutral, come what may. Even in dire straits, civil servants must take an unbiased position while upholding the rule of law without fear and favour in accordance with the Constitution.

We are also overwhelmed by the unprecedented political feuds, and like many, are also personally impacted and similarly concerned over how the rift would end.

The worry is justifiable because we have seen how things had turned ugly after governments in other countries changed overnight.

The infuriated could easily slip beyond the periphery of outrage, jump onto the activism bandwagon and spark riots.

The civil servants in Malaysia remain composed because of the responsibility we are entrusted with and the pride to uphold our professionalism that is above everything else.

We execute what we are expected to with professionalism — to assist and administer, to engage and disengage, to respond and question, to act and conduct, to adapt and adopt. After all, that is what a pragmatic civil service comes down to — being able to serve with integrity and to the best of one's ability.

Just because we exercise our right to vote and cast our ballot during the election, it does not mean that apolitism is a myth. Likewise, being fully entitled to vote does not mean our political leanings should stand in the way of executing any of the government's policies, goals and agenda.

Although our choice as an individual singularly impact us and may potentially impact the larger system, that does not prompt us

to violate the values we firmly hold to while serving the government of the day, whatever the political inclination is.

No matter how boiling hot the political cauldron is, we should sit composedly on the fence.

There has already been countless discussions about the direction of the country. While many are still baffled, perplexed, unsettled or still trying to internalise what had happened with the political saga, we, the civil servants continue to buckle down and get our hands to the plough.

Ideally, the door must swing both ways — as much as the civil servants should faithfully serve the government of the day, the government of the day should also respect our impartiality.

Put succinctly, against all adversity, civil servants must always be mindful of the word "servant" that we carry.

Our moral compass should be set clear to serve the nation through the government of the day with equal degree of commitment, whatever the political ideology is.

Let us all stay impartial and deliver what we say we will.

DR ZURINA MOKTAR
Putrajaya

Penjawat awam dilarang hadir, terlibat perhimpunan politik

BERNAMA || 26 Februari 2020

KUALA LUMPUR - Penjawat awam dilarang sama sekali daripada menghadiri atau terlibat dalam sebarang perhimpunan berkaitan politik serta membuat apa-apa pernyataan awam.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman berkata, penjawat awam juga dilarang mengedar atau menularkan berita palsu dalam media sosial atau sebarang medium komunikasi yang lain serta melakukan perkara-perkara bertentangan dengan kehendak dan ketetapan undang-undang dan dasar kerajaan yang berkuat kuasa.

"Penjawat awam mestilah mengekalkan pendirian 'apolitical' dan berkecuali.

"Saya juga memohon agar semua penjawat awam untuk bertenang dan meneruskan tugas mengikut undang-undang dan dasar kerajaan yang berkuat kuasa," katanya menerusi edaran surat yang bertarikh 25 Februari 2020 kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan Persekutuan.

Mohd Khairul Adib menegaskan, penjawat awam perlu terus menjunjung dan mempertahankan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong dengan melaksanakan tugas seperti yang telah dipertanggungjawabkan.

Penjawat awam juga perlu memastikan semua sistem penyampaian kerajaan terus berjalan lancar dan rakyat seharusnya mendapat perkhidmatan berkualiti seperti sedia ada.

Isnin lepas, negara dikejutkan dengan peletakan jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Kemudian Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali dalam kenyataan berkata, Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah berkenan menerima peletakan jawatan itu dan melantik Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri interim sementara menunggu pelantikan perdana menteri yang baharu.

Mohd Zuki memaklumkan Al-Sultan Abdullah, atas nasihat Perdana Menteri turut berkenan membatalkan pelantikan menteri-menteri dan sehubungan itu, tugas-tugas anggota pentadbiran (merangkumi timbalan perdana menteri, menteri, timbalan menteri dan setiausaha politik) adalah terhenti pada tarikh yang sama. - Bernama

Public Service Dept drafts HR optimisation policy, says D-G

Thursday, 10 Sep 2020

MELAKA, Sept 10 — The Public Service Department (PSD) is drafting the Human Resources Optimisation (HRO) policy in effort to optimise government services to the people.

Its director-general Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman said the new policy is being fine-tuned through engagement with all ministries before presenting to the cabinet for approval.

"Under the new policy, we will use the 1:20 ratio which is one government officer serving 20 people.

"The new policy is being drafted so that there will be no more 'oversupply of civil servants' issue, which also causes financial implication in the long run," he told reporters after a handover of post warrant for the Health Ministry at Batu Berendam public health clinic here, today

In the event, a total of 5,203 out of 10,675 new posts were handed over to the ministry to fill positions such as medical officer, dental officer, pharmacy officer, nurse and medical officer assistant in the ministry's new facilities.

However, Mohd Khairul Adib said, regardless whether the policy was approved or rejected by the cabinet, the government would still maintain a total of 1.71 million government officers in the country for the time being.

He said besides optimising public servant roles, the government was also looking into online services to increase the effectiveness of government delivery to the communities.

Even though the role of government officers would also be changed as the country becomes a developed country, there will still be differences in term of services needed in the urban area compared to the rural areas, he added.

— Bernama



PSD drafts Human Resources Optimisation policy

BERNAMA



Civil service told to use BM

11 Feb 2020

SEREMBAN: All official government correspondence must be only in Bahasa Melayu from now on, says Public Service director-general, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman (pic).

The directive includes agreements, minutes, emails, notices, memoranda, notes, reports, and internal documents for meetings involving Malaysians, he said of the latest effort to strengthen the use of the national language in the civil service.

Similarly, all official events attended by Malaysians should also be conducted solely in the national language, and these include opening remarks and speeches.

Adib said civil servants should ensure this directive is strictly adhered to at all levels.

"It is the responsibility of the respective department heads to ensure the correct usage of Bahasa Melayu in both written and spoken form.

"Public officers must also have a good command of the language, including spelling, pronunciation, terms and grammar to ensure they are able to communicate well when carrying out their duties," he said in the directive posted on the Public Service Department website.

Mohd Khairul said the latest move was also in line with National Language Act 1963/67, which stipulates that the national language should be used for all official events.

"As such, all government agencies must be highly committed and treat this effort to strengthen the use of the national language in official events seriously," he said.

Adib said all departments should also appoint Munsyi Muda Bahasa (Malay language expert), whose task include monitoring the usage of the national language.

This individual will assist his department, among others, to ensure the proper and correct use of Bahasa Melayu in all documents and speeches.

Adib said the individual would also be the link between his department and Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) whenever there was a need to verify the correct use of Bahasa Melayu.

"All agencies will also be required to conduct an audit on the official use of Bahasa Melayu to ensure it was used correctly.

"They have to do internal audits every year, while DBP will do it for them at least once in three years," he said, adding that DBP will also grade

the agencies for this.

He said the audits are important to gauge the quality of Bahasa Melayu used by these agencies.

Adib said government agencies were also encouraged to use Bahasa Melayu in their foreign correspondence, accompanied by an English version.

However, he said agreements with foreign parties should be drafted in English, and this can be translated into Bahasa Melayu for reference or record purposes.

"Meetings, discussions and presentations held with non-Malaysians in attendance can be conducted in either Malay or English," he said.

Adib said all transactions at government counters should also be conducted in the national language.

However, for the benefit of non-Malaysians, counter staff are allowed to communicate in a language both parties can understand.

He said department heads should also send their staff for continuous training to ensure they have a good grasp of Bahasa Melayu.

PERKASA BAHASA KEBANGSAAN

Sukarnya *jinak lidah*

Harian Metro
27 Januari 2020

Noor Mohamad
Shakil Hameed



W

Setiap warga yang sayangkan negara ini perlu menghargai dan berbangga dengan bahasa kebangsaan. Ayuh mari kita biasakan yang betul dan betulkan yang biasa

walaupun kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terpatери kemas dalam Perlembagaan Persekutuan namun usaha memperkasa dan memartabatkan kedudukan bahasa kebangsaan itu perlu diteruskan sepanjang masa.

Oleh itu, memandangkan kedudukan bahasa kebangsaan itu dari segi praktikal, amalan serta penerimaan itu masih membimbangkan serta mengecewakan maka sudah tiba masanya kita ambil langkah agresif dan proaktif untuk mempertahankan, memperkasa dan memartabatkan kedudukan bahasa kebangsaan dalam semua peringkat kehidupan dan urusan seharian kita supaya semua pihak menghargai dan tahu betapa pentingnya nilai dan kedudukan bahasa kebangsaan.

Dalam hal ini, penulis menyambut baik langkah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2020 yang bertajuk Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam bertujuan memperkukuhkan penggunaan bahasa kebangsaan bagi urusan rasmi dalam perkhidmatan awam.

Maksudnya, setiap penjawat awam dan agensi kerajaan perlu terlebih dulu menghayati pekiling ini dan memperkasa penggunaan bahasa kebangsaan yang betul dalam semua urusan rasmi dalam agensi terbabit dan kemudian bertindak sebagai guru bahasa dengan menggunakan bahasa yang betul serta boleh perbetulkan kesilapan orang ketika berurusan dengan

pelanggan. Melalui kaedah ini kita dapat mengajar dan mendidik pelanggan menggunakan laras bahasa yang betul.

Walaupun pahit kita perlu akui bahawa proses dan inisiatif untuk memperkasa bahasa kebangsaan di agensi kerajaan sememangnya agak suam-suam kuku dan bermusim saja. Misalnya pada kebanyakan masa, kita hanya akan memberi perhatian kepada kepentingan bahasa kebangsaan jika ada sebarang kempen atau ketika sambutan bulan bahasa kebangsaan. Pada waktu lain budaya bahasa rojak terutama dalam kalangan pengurusan tertinggi akan terus mengambil tempat.

Agak menyedihkan walaupun Surat Pekeliling Am pada 2006 dan Pekeliling Perkhidmatan pada 2011 sebelum ini dengan jelas menyatakan keperluan penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan dan program rasmi, tetapi kepatuhan kepada arahan itu sangat lemah. Buktinya, kita masih boleh lihat hari ini baik dalam mesyuarat, taklimat, seminar atau apa jua program rasmi yang semuanya terdiri dari kalangan warga tempatan, budaya penggunaan bahasa rojak atau bahasa Inggeris sepenuhnya masih berleluasa. Malah, ia boleh dikatakan sudah menjadi amalan dan budaya sehingga dianggap sesuatu yang biasa serta lazim dan tidak pernah dilihat sebagai sesuatu

yang menyalahi peraturan.

Jadi, kalau kita mahu pihak swasta dan anggota masyarakat menghormati bahasa kebangsaan, proses itu perlu bermula di agensi kerajaan. Kita tidak mahu berlaku umpama ketam mengajar anaknya berjalan lurus. Oleh itu, besarlah harapan kita kepada setiap penjawat awam dan agensi kerajaan agar benar-benar menghayati dan mempraktikkan apa yang disarankan dalam pekiling ini. Antara yang diberi penekanan ialah memastikan penggunaan bahasa kebangsaan dilaksanakan secara menyeluruh dan digunakan dengan betul dalam semua urusan rasmi sama ada dalam bentuk tulisan mahupun lisan di mana ketua jabatan perlu memikul tanggungjawab untuk mematuhi peraturan ini. Ini antara aspek yang penting kerana kita tidak mahu pekiling hanya tinggal pekiling semata-mata sebaliknya perlu disertakan dengan langkah dan tindakan proaktif yang sewajarnya.

Dalam konteks ini, arahan pelantikan Munsyi Muda Bahasa serta melaksanakan aktiviti pengauditan bahasa kebangsaan secara berkala dilihat antara kaedah strategik untuk memperkasa bahasa kebangsaan.

Setiap agensi awam perlu ambil peluang ini untuk melatih dan melantik individu yang difikirkan sesuai dan layak sebagai Munsyi Muda Bahasa supaya boleh

menjadi perujuk untuk menyelesaikan kemusykilan tentang bahasa kebangsaan. Di samping itu aktiviti audit bahasa secara berkala pula boleh memainkan peranan semak dan imbang untuk memperbaiki segala kelemahan yang ada agar proses pemerkasaan bahasa kebangsaan akan menjadi satu amalan dan budaya yang berterusan.

Kesimpulannya, kita berharap anggota masyarakat baik secara langsung mahupun tidak langsung akan dididik dan diajar di setiap agensi kerajaan yang berfungsi sebagai 'sekolah bahasa kebangsaan' untuk menggunakan bahasa kebangsaan dengan betul serta memahami kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ini. Malah, besar juga harapan kita akan pihak swasta dan korporat turut serta mengikut langkah agensi kerajaan untuk sama-sama memperkasa bahasa kebangsaan di pejabat. Harus diingat bahasa Melayu adalah satu-satunya bahasa kebangsaan kita dan ia milik setiap rakyat negara ini dan bukannya milik orang Melayu semata-mata. Justeru, setiap warga yang bertanggungjawab dan sayangkan negara ini perlu menghargai dan berbangga dengan bahasa kebangsaan. Ayuh mari kita biasakan yang betul dan betulkan yang biasa.

>>Penulis Timbalan Pengarah Pejabat Strategi Korporat Dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia

Dalam mesyuarat, taklimat atau seminar penggunaan bahasa rojak masih berleluasa



FOTO : KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



PANDEMIK COVID-19

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia pada tahun ini menuntut penjawat awam seluruh negara, terutamanya petugas barisan hadapan yang terdiri daripada anggota kesihatan dan keselamatan negara untuk berganding bahu bagi menghentikan penularan wabak Covid-19.

Bagi menjamin kesejahteraan penjawat awam dan kesinambungan perkhidmatan kerajaan, konsep Bekerja Dari Rumah (BDR) dan Waktu Bekerja Fleksibel (WBF) telah dilaksanakan.

Penjawat Awam Bekerja Dari Rumah

Pegawai kerajaan disyaki dijangkiti Covid-19 bekerja di rumah

Sinar Harian | 17 Mac 2020

SHAH ALAM - Pegawai kerajaan yang disyaki dijangkiti koronavirus (Covid-19) diberikan pelepasan khas untuk bekerja di rumah bertujuan mengurangkan risiko penularan penyakit Covid-19.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman berkata, kerajaan bersejajua untuk memperuntukkan pelepasan khas itu bagi membolehkan ketua jabatan mengurus pegawai terbabit.

Sehubungan itu, pihaknya mengeluarkan garis panduan pengendalian isu berhubung penularan jangkitan wabak Covid-19 di premis kerajaan berkuatkuasa semalam.

"Ini terpakai khusus untuk menangani penularan wabak Covid-19 bagi tempoh sehingga negara dimaklumkan bebas Covid-19 oleh pihak berkenaan atau kerajaan. Tertakluk kepada penerimaan pihak berkuasa masing-masing.

"Garis panduan ini keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Kanun dan Pihak Berkuasa Tempatan," katanya dalam ke-



nyataan di sini semalam.

Garis panduan tersebut terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kesejahteraan pegawai, pengendalian kebersihan di premis kerajaan dan pengu- rusan pelangan.

Kementerian atau jabatan yang dikesan mempunyai kes positif Covid-19 perlu melakukan penutupan sementara premis bagi tujuan pembersihan dan disinfeksi.

Garis panduan tersebut turut menerangkan pelepasan kerja bagi pegawai yang disahkan positif Covid-19 mengikut beberapa situasi.

theSundaily

PSD orders civil servants to work from home

17 MAR 2020



PUTRAJAYA: All civil servants have been ordered to work from home following the nationwide movement control order which will be enforced from tomorrow until March 31 to curb the spread of Covid-19.

However, Public Service Department (PSD) director-general Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman (pix) through a circular today said it was for the department heads to decide which essential services required officers to come in to work at the office.

He said those who have been ordered to work from home must adhere to the instructions given including to be at home during the stipulated fixed working hours.

"Always be prepared to be called to the

office or any other location and make sure to be reachable during the working hours," he said.

Mohd Khairul Adib said disciplinary action could be taken against officers who failed to comply with the said matters except with the permission of their department heads.

"Officers are subject to the Public Officers Regulations (Conduct and Discipline) 1993 [P.U.(A) 395/1993] and other regulations issued from time to time whichever is appropriate," he said.

Mohd Khairul Adib said the order is also applied to all state public services, statutory bodies and local authorities.

- Bernama

Tempoh bekerja dari rumah bagi penjawat awam dilanjutkan 14 April

Sinar Harian | 25 Mac 2020

PUTRAJAYA - Tempoh bekerja dari rumah bagi penjawat awam dilanjutkan sehingga 14 April depan selaras dengan pengumuman Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman berkata, Surat Edaran JPA rujukan JPA.SARAAN(S) 256/6/31 Jld.6(2) bertarikh 17 Mac 2020 mengenai Arahan Bekerja Dari Rumah Berikutan PKP dan Penutupan Premis Kerajaan berserta soalan lazimnya adalah terpakai bagi tempoh lanjutan PKP itu.

"Selari dengan itu juga, sebahagian penjawat awam telah diarahkan bekerja dari rumah berikutan arahan penutupan premis kerajaan. Manakala, sebahagian lagi penjawat awam telah diarahkan bertugas seperti biasa mengikut keperluan keadaan semasa," katanya dalam kenyataan hari ini. Antara sektor perkhidmatan awam yang terlibat dalam perkhidmatan penting adalah sektor kesihatan, keselamatan,

makanan, logistik dan utiliti, katanya.

"Mereka kini bersama berganding bahu, berkhidmat sepenuh jiwa dan raga untuk mengawal serta membanteras penularan wabak Covid-19 dan dalam masa yang sama turut memastikan keperluan asas rakyat tidak terjejas," katanya.

Adib berkata, sepertimana ikrar dan sumpah setia sebagai penjawat awam, para pegawai sentiasa dilatih dan dididik untuk mengutamakan negara, jauh melebihi kepentingan diri.

"Kita dilantik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara dan rakyat. Cabaran yang dihadapi ketika ini, jelas menggambarkan khidmat bakti yang ditumpahkan sematamata untuk negara dan rakyat.

"Tidak kira apa pun yang berlaku, walaupun terpaksa berjauhan daripada keluarga dan berhadapan dengan ancaman wabak, namun demi tugas tetap dipastikan ia dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh," katanya.

Bekerja dari rumah sepanjang PKP perlu disiplin tinggi

Selangor Kini | April 9, 2020

KUALA LUMPUR, 9 APRIL: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan di seluruh negara sudah masuk ke fasa kedua dan pihak yang menerima kesan besar daripada perintah ini adalah golongan pekerja.

Pelaksanaan PKP bukanlah bermaksud mereka mendapat cuti percuma. Kerja tetap harus dibuat tetapi pelaksanaannya adalah secara bekerja dari rumah (BDR) dan ia adalah tidak mudah.

Ada beberapa perkara yang perlu difahami dan diselesaikan sebelum seseorang itu boleh bekerja dengan cekap di luar pejabat.

Bekerja dari rumah bererti perlu bijak menguruskan tuntutan kerja di pejabat dan di rumah pada waktu yang sama. Ramai pekerja memakai 'topi' yang pelbagai dalam satu masa sebagai pekerja, ibu, anak, dan suami.

Bagi pegawai kerajaan, arahan bekerja dari rumah yang diumumkan

oleh Ketua Setiausaha Negara Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman dalam surat bertarikh 17 Mac 2020 menetapkan, setiap pegawai kerajaan yang bekerja dari rumah mestilah mematuhi tiga syarat.

Syarat pertama adalah sentiasa berada di dalam rumah dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan kerajaan; kedua adalah sentiasa bersedia sekiranya diarah ketua jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain dan ketiga memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

Surat tersebut turut menyatakan tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai yang gagal mematuhi tiga perkara di atas melainkan mendapat kebenaran daripada ketua jabatan masing-masing.

Pegawai kerajaan juga tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Arahan bekerja dari rumah penjawat awam belum ditarik balik

Berita Harian | 21 May, 2020

Putrajaya: Arahan bekerja dari rumah untuk penjawat awam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), belum ditarik balik.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata buat masa ini, 80 peratus penjawat awam sudah kembali bekerja di pejabat, manakala bakiannya dari rumah.

“Kita sudah membuka kembali pejabat kerajaan walaupun bukan sepenuhnya. Daripada jumlah yang dibuka, 80 peratus bekerja di pejabat, 20 peratus masih bekerja dari rumah.

“Alasan 20 peratus ini kerana TASKA dan pusat asuhan belum dibenarkan beroperasi, itu sebab arahan bekerja dari rumah masih dikekalkan,” katanya semalam.

Beliau mengulas sama ada penerikan semula arahan kerja dari rumah mendapat kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berikutan banyak pejabat sudah dibuka, namun pusat asuhan masih tutup.

Pertimbang waktu kerja anjal penjawat awam

Berita Harian | 4 May, 2020

Ketua jabatan diminta laksana penggiliran tanpa abai tuntutan tugas

Putrajaya: Ketua jabatan boleh mempertimbang dan memberi kelonggaran kepada sebahagian pegawai awam menggunakan waktu kerja anjal, manakala sebahagian lagi bekerja di rumah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula hari ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, menerusi surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 2 Mei mengenai operasi pejabat semasa PKPB berkata, kelonggaran itu boleh dibuat secara penggiliran atau sepenuh masa agar penggunaan sumber manusia dapat dioptimumkan.

Katanya, ini bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam sentiasa berada di tahap yang baik dan efektif serta mengambil berat keselamatan dan kebajikan penjawat awam.

“Pertimbangan dan kelonggaran kepada mana-mana pegawai bekerja dari rumah sama ada secara penggiliran atau sepanjang tempoh ditetapkan perlu berasaskan urusan atau tugas pegawai berkenaan tidak memerlukan keberadaan mereka di pejabat pada setiap masa atau sepanjang tempoh ditetapkan,” katanya.



Ketua jabatan diminta mempertimbang waktu kerja anjal penjawat awam sepanjang tempoh PKPB yang bermula hari ini. (Foto hiasan)

Pada 1 Mei lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan hampir semua sektor ekonomi dibenarkan beroperasi, tertakluk kepada syarat ditetapkan pihak berkuasa bermula hari ini di bawah PKPB.

Semua pejabat kerajaan juga akan beroperasi sepenuhnya mulai hari ini.

Mohd Khairul Adib berkata, bagi pegawai awam yang mempunyai anak berusia bawah 12 tahun atau anak-anak berstatus orang kurang upaya (OKU) bersekolah dan memerlukan penjagaan berterusan, ketua jabatan boleh mempertimbangkan mereka bekerja dari rumah.

“Bagi pasangan suami isteri penjawat awam, hanya seorang boleh menggunakan



Ketua jabatan perlu memastikan pematuhan kepada semua peraturan.

Mohd Khairul Adib Abd Rahman,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

kemudahan bekerja dari rumah pada satu-satu masa sehingga sekolah atau pusat jagaan dibuka semula,” katanya.

Sehubungan itu, Mohd Khairul Adib berkata, ketua jabatan perlu memastikan pematuhan kepada semua peraturan, garis panduan dan surat edaran yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan (KKM) dan JPA sebagai langkah pencegahan wabak COVID-19.

Beliau berkata, arahan itu pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua perkhidmatan awam negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan, tertakluk kepada penerimaan pihak berkuasa masing-masing. **BERNAMA**

Kerajaan pertimbang teruskan pelaksanaan kerja dari rumah bagi penjawat awam

Bername
Julai 13, 2020

Kerajaan sedang mempertimbangkan secara mendalam untuk meneruskan pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) sebagai amalan normal baharu dalam perkhidmatan awam, kata Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Bagaimanapun, katanya ia memerlukan kajian lebih terperinci bagi memastikan ia dapat menepati hasrat pelaksanaannya.

"Terdapat dua objektif utama yang telah dikenal pasti iaitu untuk mitigasi risiko seperti pencemaran dan penularan penyakit, dan untuk menguruskan prestasi pegawai dengan mengimbangi keperluan kerja dan keluarga, serta

meningkatkan kepuasan kerja dan produktiviti," katanya dalam satu wawancara bertulis pada Ahad.

Antara aspek yang perlu diperjelaskan melalui kajian lanjut adalah keperluan sokongan teknologi digital, keselamatan maklumat, kesesuaian pelaksanaan kepada skim-skim perkhidmatan tertentu, serta implikasi perundangan yang terlibat.

Menurutnya selari dengan inisiatif kerajaan untuk menimbangakan pelaksanaan BDR sebagai suatu normal baharu, penilaian juga akan dilaksanakan ke atas beberapa kemudahan awam lain yang berkaitan terutamanya kemudahan-kemudahan cuti dan pelepasan.

Katanya semua inisiatif berkenaan adalah usaha berterusan bagi memastikan penjawat awam dapat terus meningkatkan produktiviti mereka dalam konteks perubahan-perubahan faktor luaran yang terkini.

Mohd Zuki berkata pengalaman semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menunjukkan perkhidmatan awam boleh berfungsi dengan berkesan walaupun dengan pelaksanaan BDR dan BDR secara fleksibel.

"Bermula dengan pelaksanaan BDR secara arahan ke atas semua penjawat awam, ia kemudian berubah kepada pelaksanaan berlandaskan kes-kes tertentu.

Dalam kedua-dua keadaan tersebut, impak kepada produktiviti penjawat awam adalah minimum, dan perkhidmatan awam terus dapat menyokong pembukaan sektor ekonomi dan perniagaan," katanya.

Dalam tempoh tersebut, sektor ekonomi dan perniagaan telah dapat beroperasi hampir 100 peratus untuk memastikan ekonomi negara dapat dilonjakkan, dan ini dapat dicapai bilamana penjawat awam dapat terus melaksanakan tanggungjawab mereka melalui kedua-dua mod tersebut, katanya.

-- BERNAMA

Penjawat awam diarah patuh Surat Edaran JPA

Mac 25, 2020

KUALA LUMPUR: Semua penjawat awam diminta mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilanjutkan sehingga 14 April depan, bagi memastikan rantaian penularan wabak Covid-19 di negara ini dapat dihentikan.

Sehubungan itu, Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung penutupan premis kerajaan serta arahan bekerja daripada rumah dikeluarkan pada 17 Mac lalu, masih terpakai sepanjang tempoh lanjutan PKP berkenaan.

Ketua Pengarah JPA, Datuk Mohd Khairul

Adib Abd Rahman, berkata sebahagian penjawat awam sudah diarahkan supaya bekerja daripada rumah berikutan arahan penutupan premis kerajaan.

"Bagi sebahagian penjawat awam diarahkan bertugas seperti biasa mengikut keperluan keadaan semasa. Antara sektor perkhidmatan awam yang terbabit adalah dalam segmen penting seperti kesihatan, keselamatan, makanan, logistik, utiliti dan sebagainya.

"Mereka kini bersama berganding bahu berkhidmat sepenuh jiwa dan raga untuk

mengawal serta membanteras penularan wabak Covid-19 dan dalam masa sama turut menjaga keperluan asas rakyat tidak terjejas.

Mohd Khairul Adib dalam kenyataan itu turut menyeru kepada semua penjawat awam supaya bersama-sama bersatu hati dan berganding bahu serta berpegang teguh dengan ikrar supaya meneruskan khidmat bakti untuk negara.

Beliau turut mengingatkan kepada penjawat awam supaya tidak terbabit dalam penyebaran berita tidak sahih

yang boleh menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat.

"Sebagai penjawat awam, kita wajar menyampaikan maklumat betul daripada sumber yang sahih dan tepat. Saya mendoakan agar semua rakyat di negara ini khusus kepada penjawat awam dan keluarga mereka sentiasa terpelihara daripada aspek keselamatan, kesihatan dan kekal bersemangat demi negara," katanya.

Ketua jabatan awam wajib patuh perintah Akta 342

Berita Harian | 17 April 2020

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memaklumkan, ketua jabatan kerajaan perlu patuh terhadap segala perintah sah yang dikeluarkan pegawai yang diberi kuasa mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata ketidakpatuhan terhadap apa-apa perintah sah dikeluarkan mana-mana pegawai diberi kuasa mengikut Ak-

ta 342 adalah suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mengikut akta sama.

"Dalam hal ini, ketua jabatan atau penyelia tidak boleh mengarahkan pegawai mereka yang menerima apa-apa perintah yang sah dikeluarkan pegawai diberi kuasa mengikut Akta 342 untuk hadir bekerja kerana dikhuatiri boleh membahayakan tahap kesihatan dan menularkan wabak COVID-19 kepada orang lain.

"Tindakan tegas termasuk ta-



tatertib boleh dikenakan terhadap mana-mana pegawai termasuk ketua jabatan atau penyelia yang mengarahkan pegawai mereka hadir bekerja boleh diambil mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993," katanya dalam surat diedarkan, semalam.

Beliau berkata, tujuan Kebenaran Bekerja Dari Rumah (BDR) sebelum ini adalah untuk memastikan penjarakan sosial dapat dipatuhi sepenuhnya.

Selain itu, ketua jabatan perlu meminimumkan bilangan kehadiran pegawai di pejabat dan menggunakan sepenuhnya teknologi untuk bermesyuarat atau berkomunikasi bagi membincangkan sesuatu perkara.

Beliau berkata, bagi membendung penularan COVID-19 daripada terus merebak, kehadiran pegawai di pejabat hanya dibenarkan jika terdapat keperluan kritikal dan perlu dilaksanakan secara penggiliran bekerja.

BERNAMA

Penjawat awam perlu patuh SOP PKPB elak tindakan tatatertib

Mei 26, 2020

KUALA LUMPUR: Penjawat awam perlu menyedari risiko yang mereka perlu tanggung jika melanggar perintah, peraturan dan pekeliling dikeluarkan kerajaan termasuk Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Justeru, penjawat awam yang melanggar prosedur operasi standard (SOP) PKPB dengan melakukan perjalanan rentas negeri untuk menyambut Aidilfitri, tidak terkecuali daripada berdepan tindakan tatatertib.

Perkara itu ditegaskan Presiden CUEPACS, Adnan Mat yang mengingatkan semua penjawat awam perlu mematuhi SOP PKPB ditetapkan kerajaan.

"CUEPACS senada dan menyokong sepenuhnya kenyataan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman mengenai arahan setiap penjawat awam untuk mematuhi segala peraturan dan SOP di bawah PKPB pada musim perayaan ini.

"Setiap SOP dan larangan rentas negeri untuk pulang ke kampung harus dipatuhi dengan sepenuhnya. Penjawat awam harus sedar dan mengetahui implikasi yang bakal dikenakan sekiranya tidak mematuhi pekeliling atau peraturan ditetapkan kerajaan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.



Presiden CUEPACS, Adnan Mat. Foto fail NSTP

Beliau mengulas kenyataan Mohd Khairul Adib yang penjawat awam boleh dikenakan tindakan tatatertib jika tidak kembali bekerja selepas Aidilfitri kerana terperangkap di kampung, akibat melanggar larangan rentas negeri dalam tempoh PKP dan PKPB.

Ketua jabatan masing-masing katanya boleh mengenakan tindakan tatatertib pada penjawat awam yang tidak hadir ke pejabat tanpa mengemukakan surat cuti.

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, penjawat awam

yang melakukan kesalahan boleh dikenakan hukuman tatatertib seperti amaran, denda, dilucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat atau dibuang kerja.

Penjawat awam yang dikenakan tatatertib juga tidak layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh tertentu mengikut jenis hukuman, seperti amaran (12 bulan), denda (18 bulan), lucut hak emolumen (24 bulan), tangguh pergerakan gaji (30 bulan), turun gaji (36 bulan) dan turun pangkat (48 bulan).

Adnan berkata, sebagai penjawat awam, mereka perlu menjadi contoh terbaik kepada masyarakat dengan mematuhi setiap SOP dan peraturan yang dikuatkuasakan di bawah PKPB.

"Janganlah tindakan atau perbuatan yang terlalu mengikut perasaan memberi kesusahan kepada kita kelak. Setiap peraturan yang ditetapkan kerajaan bukan bertujuan menghukum kita, tetapi untuk membawa semula keamanan dan kemakmuran kepada negara," katanya.

Maksimum 30 peratus penjawat awam berada di pejabat mulai esok

Oktober 21, 2020

KUALA LUMPUR: Hanya 30 peratus daripada jumlah maksimum pegawai perkhidmatan awam Persekutuan, dibenarkan berada di pejabat bermula esok sehingga tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata peraturan itu terpakai untuk negeri yang berada dalam PKPB iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Selangor, Putrajaya serta Sabah.

Beliau berkata, dengan jumlah kehadiran sebanyak 30 peratus itu, ketua jabatan juga harus memastikan perkhidmatan asas agensi tidak terjejas dan berterusan dapat dicapai oleh pelanggan berdasarkan Piagam Pelanggan kementerian, jabatan atau agensi masing-masing.

Katanya, arahan kehadiran bertugas ini bagaimanapun terkecuali kepada penyampaian perkhidmatan penting yang ditentukan ketua jabatan.

"Bermula 22 Oktober (esok) hingga tamatnya tempoh PKPB, ketua jabatan hendak memastikan keberadaan pegawai perkhidmatan awam Persekutuan ke pejabat adalah pada tahap maksimum 30 peratus.

"Bagi maksud ini, ketua jabatan diarah supaya memastikan semua pegawai di peringkat pengurusan dan pentadbiran kementerian, jabatan dan agensi yang tidak diperlukan berada di pejabat sepenuh masa, dijadualkan supaya bekerja dari rumah (BDR).



"Ia boleh dilakukan secara sama ada secara penggiliran atau sepenuh masa supaya kehadiran mereka di pejabat dioptimumkan pada kadar minimum sepanjang PKPB dikuatkuasakan," katanya, di sini, hari ini.

Mohd Adib mengeluarkan senarai edaran itu melalui surat kepada semua ketua setiausaha, ketua jabatan Persekutuan, setiausaha kerajaan negeri dan ketua pengurusan di negeri yang dikuatkuasakan PKPB.

Pada masa sama, Mohd Adib berkata, susulan arahan itu, semua aktiviti bersemuka seperti mesyuarat, perbincangan atau latihan tidak dibenarkan dan hendaklah dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya.

Katanya, sebagai langkah berterusan bagi mencegah

COVID-19, ketua jabatan hendaklah memastikan pematuhan sepenuhnya kepada semua peraturan, garis panduan dan surat edaran dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN); Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Dokumen rahsia rasmi tidak dibenarkan untuk dibawa keluar sepanjang tempoh ini.

"Namun, ketua jabatan boleh mempertimbangkan atas kepentingan tugas dan prinsip BDR untuk memberi kebenaran membawa keluar dari pejabat dokumen rahsia rasmi termasuk salinan berpandukan garis panduan membawa rahsia rasmi keluar dari pejabat semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Semalam, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengarahkan pekerja dari sektor swasta dan awam yang dijangkakan berjumlah sejuta orang bekerja dari rumah bermula esok sepanjang tempoh PKPB ini.

PKPB mula dikuatkuasakan di Sabah mulai 13 hingga 26 Oktober ini manakala, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Selangor serta Putrajaya bermula 14 hingga 27 Oktober ini.



BDR: Ketua jabatan boleh tetapkan kaedah pantau pegawai

25 Oktober 2020

SHAH ALAM - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi peringatan kepada semua pegawai yang diarahkan bekerja dari rumah (BDR) supaya sentiasa berada di rumah sepanjang waktu bekerja.

Menerusi satu surat edaran peringatan yang dikeluarkan hari ini, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman berkata, pegawai yang BDR diingatkan sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh ketua jabatan untuk hadir ke pejabat atau lokasi lain.

Menurutnya, pegawai terbabit juga perlu memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

"Sehubungan itu, ketua jabatan boleh menetapkan kaedah pemantauan masing-masing dalam memastikan serta menyemak keberadaan pegawai di pejabat, rumah atau mana-mana lokasi diarahkan.

"Pegawai yang melanggar ketetapan, ketua jabatan boleh mengambil tindakan tatatertib kerana ingkar perintah selaras dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. "Selain itu, pegawai yang melanggar per-

aturan dan dikenakan hukuman oleh mahkamah atau pihak berkuasa kerana melanggar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tindakan tatatertib boleh juga diambil kerana kesalahan mencemarkan nama perkhidmatan awam," katanya dalam surat edaran peringatan itu di laman rasmi JPA.

Dalam surat sama, beliau berkata, ketua jabatan hendaklah memastikan semua pegawai sama ada yang bertugas di pejabat atau BDR mempunyai tugas yang seimbang.

Menurutnya, semua tugas yang diberi perlu mempunyai output atau keperluan pencapaian yang jelas untuk memudahkan urusan pemantauan.

"Arahan ini juga dipanjangkan kepada semua perkhidmatan awam negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)," ujarnya.

Perakuan kebenaran bertugas dikeluarkan

Sinar Harian | 21 Mac 2020

FOTO: BERNAMA

Atasi kekeliruan yang timbul ketika melalui sekatan polis

PUTRAJAYA

Perakuan kebenaran bertugas akan diberikan kepada petugas sektor awam dan swasta yang terlibat dalam perkhidmatan penting sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang masuk hari ketiga semalam.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perakuan itu adalah untuk mengatasi masalah dan kekeliruan yang timbul dan apabila melalui sekatan polis sepan-



Anggota polis membuat sekatan jalan raya di Lebuhraya AMJ di Melaka bagi memantau pergerakan orang ramai semalam.

jang tempoh perintah berkenaan sehingga 31 Mac ini.

Menurutnya, perakuan

dalam bentuk surat dan pas akan dikeluarkan Ketua Setiausaha (KSU) di setiap ke-

mentarian bagi jabatan kerajaan, manakala Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali akan menyelaras surat-surat daripada pihak swasta.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Menteri-Menteri Berkenaan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di sini semalam.

“Kemungkinan ada kesu-sahan pekerja terutama jabatan kerajaan dan swasta apabila ditahan polis kerana tiada bukti pergi ke pejabat sedangkan mereka dibenarkan,” katanya yang berharap isu itu dapat diselesaikan melalui pas kebenaran perjalanan yang dikeluarkan. - *Bernama*

KSU dan majikan perlu sedia surat kebenaran perjalanan

Utusan Borneo Sarawak | 24 Mac 2020

PUTRAJAYA: Semua Ketua Setiausaha di kementerian yang menyediakan perkhidmatan keperluan, perlu mengeluarkan surat kebenaran perjalanan kepada semua kakitangan yang bertugas, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, mesyuarat khas menteri-menteri berhubung Perintah Kawalan Pergerakan pagi semalam memutuskan, arahan tersebut turut meliputi semua majikan di sektor swasta, yang ditakrifkan sebagai perkhidmatan keperluan.

Ismail Sabri menjelas, surat itu bagi memudahkan pergerakan pekerja yang menetap jauh dari tempat kerja, khususnya yang terpaksa merentas antara negeri atau daerah.

“Di sekatan jalan raya, timbul isu apabila ada petugas (awam dan swasta) terpaksa berpatah balik ke rumah, kerana tiada bukti mereka diarahkan bekerja.

“Surat itu perlulah dibawa apabila pergi dan pulang dari kerja, pameran surat kepada pihak polis ketika sekatan

“ Di sekatan jalan raya, timbul isu apabila ada petugas (awam dan swasta) terpaksa berpatah balik ke rumah, kerana tiada bukti mereka diarahkan bekerja. ”

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob
Menteri Kanan (Kluster Keselamatan)

jalan raya,” katanya pada sidang media di sini.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa 18 Mac hingga 31 Mac ini, sebagai langkah membendung penularan COVID-19 di negara ini.

Dalam pada itu, Ismail Sabri juga Menteri Pertahanan, sekali lagi mengingatkan selain mereka yang bekerja di sektor perkhidmatan keperluan, pergerakan orang ramai dari negeri ke negeri atau dari daerah ke

COVID-19: Kakitangan bekerja perlu ada surat pelepasan perjalanan

Mac 20, 2020

KUALA LUMPUR: Setiap agensi kerajaan dan majikan swasta diarah mengeluarkan surat pelepasan perjalanan kepada setiap kakitangan yang terpaksa bekerja sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia bagi mengelakkan ada pihak sengaja bergerak bebas keluar tanpa alasan munasabah dengan segelintirnya mendakwa perlu memenuhi tuntutan bekerja.

Katanya, Ketua Setiausaha (KSU) setiap kementerian akan mengeluarkan surat pelepasan dan kebenaran perjalanan kepada setiap pekerja, manakala Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali akan mendapatkan surat yang sama daripada majikan swasta.

"Ada masalah melalui sekatan polis (beralasan pergi bekerja), ini akan dapat diselesaikan melalui pas perjalanan (dikeluarkan) KSU kementerian dan pejabat swasta," katanya pada sidang medianya yang disiarkan secara langsung, hari ini.

Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan, berkata majikan juga tidak dibenarkan menyekat gaji pekerja yang terpaksa diberi cuti sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

"Kita akan berbincang dengan Menteri Kewangan supaya gaji mereka (yang diberi cuti) berjalan seperti biasa. Kita tidak benarkan jika ada majikan ambil kesempatan, ada majikan minta pekerja tandatangan bersetuju cuti tanpa gaji. Kita tidak benarkan mereka bekerja, tapi gaji jalan seperti biasa," katanya.



KUALA LUMPUR: Setiap agensi kerajaan dan majikan swasta diarah mengeluarkan surat pelepasan perjalanan kepada setiap kakitangan yang terpaksa bekerja sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Penularan COVID-19

Ramai kena tahan kerana halang tugas penjawat awam

Berita Harian | 6 April 2020

Kebanyakan kes dipenjarakan bukan sebab gagal patuh PKP

Kuala Lumpur: Kebanyakan kes individu ditangkap dan dipenjarakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan menghalang tugas penjawat awam serta memaki hamun anggota penguat kuasa.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata polis kini menggunakan peruntukan akta Kanun Keseksaan (KK) bagi mendakwa individu melakukan kesalahan ketika ditahan di sekatan jalan raya.

Pendekatan itu, katanya, diambil kerana kesalahan individu terbabit tidak termaktub dalam peruntukan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Kita lihat kes dipenjarakan bukan saja berpunca kerana gagal patuhi PKP, tetapi kerana kes lain seperti menghalang tugas pihak berkuasa.

"Jadi, selain kes pelanggaran arahan PKP, ada kes lain yang mereka dituduh mengikut Kanun Keseksaan, bukan lagi Akta 342 seliaan



Polis menggunakan peruntukan Akta Kanun Keseksaan bagi mendakwa individu ingkar PKP.

(Foto hiasan)

Kementerian Kesihatan (KKM).

"(Kanun Keseksaan) ini membawa hukuman berat, iaitu dipenjarakan lapan bulan dan sebagainya, justeru saya harap apabila ditahan polis, beri kerjasama dan usaha cuba halang atau maki hamun kerana tindakan lain akan dilakukan.

"Seperti kita sedia maklum, 'mod' pemeriksaan polis sudah berubah daripada nasihat kepada tegas, kini kepada keras," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri Mengenai

PKP di Putrajaya, semalam.

Mengulas kekerasan digunakan polis dalam insiden di Kunak, Sabah, Ismail Sabri menyifatkan pihak berkuasa juga adalah manusia biasa yang tidak lekang daripada mengalami kepenatan ketika menjalankan tugas.

Sehubungan itu, katanya, rakyat tidak harus menggunakan kata-kata kesat dengan memaki hamun dan terus berdegil mematuhi arahan PKP yang dikuatkuasakan polis serta tentera.

"Bagaimanapun, dalam hal insiden kekerasan ini, kita serahkan kepada Kementerian Dalam Ne-

geri (KDN) kerana polis ada SOP dan tatacara mereka sendiri.

"Apa pun kita kena ingat bahawa polis manusia biasa, kita yang duduk di rumah memikirkan pelbagai perkara, jadi mereka juga berpanas, berhujan, bertugas dari pagi sampai ke malam jaga keselamatan.

"Kita kena beri pertimbangan sewajarnya, kalau niat baik, selamatkan nyawa, tetapi dimaki hamun, pasti ada yang buat tindak balas.

"Jalan terbaik, tolong beri kerjasama kepada polis untuk me-

nyelamatkan kita semua," katanya.

Mengemukakan statistik harian, Ismail Sabri berkata, jumlah tangkapan yang ingkar PKP masuk hari ke-19 perintah itu berkuat kuasa didapati terus menunjukkan penurunan 11 peratus berbanding hari sebelumnya.

Selain itu, katanya, seramai 309 daripada 368 yang ditangkap kelmarin direman, manakala 59 diberikan jaminan, selepas mereka ditahan kerana mengingkari arahan PKP.

"Semalam (kelmarin), polis dan tentera mengadakan 745 sekatan jalan raya di seluruh negara dan melakukan pemeriksaan terhadap 331,839 kenderaan.

"Mereka juga membuat 25,554 pemeriksaan mengejut, termasuk membabitkan 4,399 premis," katanya.

Mengulas perkembangan nyah cemar, beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, operasi dijalankan di 83 kawasan membabitkan 11 negeri, termasuk 41 di Johor dan 13 di Kuala Lumpur, kelmarin.

Menumpukan kawasan berisiko atau zon merah, beliau berkata, operasi nyah cemar itu turut dilakukan di rumah ibadat, pasar raya, pusat jualan awam dan 32,268 unit Projek Perumahan Rakyat.

2 bulan penjara halang penjawat awam

Harian Metro | 24 Mac 2020

Kuala Lumpur: Dua lelaki menjadi individu pertama dihukum penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana menggunakan kekerasan jenayah terhadap seorang pegawai polis yang menjalankan tugas membuat pencegahan penyakit berjangkit Covid-19 susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan selama 14 hari mulai 18 Mac lalu.

S Sugendran, 31, pembantu kedai dan pengawal keselamatan M Annblagan, 37, masing-masing dihukum penjara dua bulan oleh Majistret M.Saravanan selepas mengaku bersalah atas pertuduhan dibacakan terhadap mereka.

Mahkamah memerintah kedua-dua lelaki menjala-

ni hukuman penjara bermula semalam.

Mereka didakwa bersama-sama menggunakan kekerasan jenayah dengan berlaku pergelutan dan melawan Inspektor Nik Faidrul Nik Fauzi iaitu seorang pegawai polis dalam melaksanakan kewajipan rasminya sebagai penjawat awam, semasa tangkapan polis dijalankan.

Kedua-dua lelaki itu dituduh melakukan kesalahan terbabit di persimpangan lampu isyarat, Jalan Pantai Permai, Pantai Dalam di sini, pada jam 5 petang, 19 Mac lalu mengikut Seksyen 353 Kanun Keseksaan yang memper-

tukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.

Mengikut fakta kes, pada hari kejadian pegawai polis berkenaan menjalankan tugas pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit Covid-19 di kawasan pentadbiran Balai Polis Pantai dan didapati sebuah motosikal dinaiki oleh dua lelaki (tertuduh) dalam keadaan mencurigakan.

Pegawai polis itu mengarahkan penunggang memberhentikan motosikal untuk diperiksa namun penunggang motosikal terbabit enggan berhenti dan memecut laju serta melarikan diri.

Pegawai polis itu kemudiannya mengejar motosikal terbabit dan berlaku pergelutan semasa tangkapan dilakukan ke atas kedua-dua tertuduh.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Ilyya Syaheedah Mohd Razif memohon hukuman setimpal berbentuk pengajaran kerana mereka melakukan kesalahan semasa PKP dilaksanakan.

Kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam merayu hukuman ringan atas alasan mereka menanggung keluarga dan isteri.

Di mahkamah sama, Sugendran didenda RM2,000 atau penjara dua bulan jika gagal membayar denda manakala Annblagan dihukum penjara tiga minggu selepas masing-masing mengaku bersalah.

**Mereka didakwa
guna kekerasan
dan melawan
pegawai polis**

Penularan COVID-19

'Tak patut pertikai tugas penjawat awam'

Berita Harian | 7 April 2020

CUEPACS minta ketua jabatan elak keluar kenyataan lunturkan semangat pekerja

Kuala Lumpur: CUEPACS meminta ketua jabatan kerajaan agar membuat pertimbangan sewajarnya sebelum meletakkan kesalahan pada bahu penjawat awam yang menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Presidennya, Adnan Mat turut berharap ketua jabatan mengelak daripada mengeluarkan kenyataan atau mengambil tindakan yang boleh melunturkan motivasi kerja penjawat awam.

Katanya, setiap keputusan diambil tidak boleh semata-mata untuk menjaga hati rakyat, sedangkan petugas barisan hadapan melaksanakan tugas dengan



Adnan Mat

baik mengikut situasi semasa.

"Sokongan ketua jabatan amat diperlukan dalam situasi penjawat awam berdepan tekanan kerja tinggi ketika ini. Justeru, CUEPACS berharap semua pihak berlapang dada dan memberikan kerjasama terbaik kepada semua petugas kerajaan di barisan hadapan ketika ini.

"Sokongan dan kerjasama setiap rakyat dalam mencapai kesepakatan semangat kenegaraan amat diperlukan bagi memastikan kejayaan negara menyekat penularan wabak COVID-19. Kita mesti menang supaya rutin kehidupan sebelum ini dapat kita jalani seperti biasa," katanya da-

lam kenyataan, semalam.

Beliau turut menyatakan kesal dengan tindakan segelintir masyarakat yang mempertikaikan tugas penjawat awam sepanjang penguatkuasaan PKP.

"Kongres terima aduan mengenai sikap segelintir pihak yang ingkar PKP, selain ramai mengeluarkan kata jelik kepada anggota penguat kuasa. Malah, ada buat hantaran (di media sosial) mencabar pihak berkuasa hanya kerana tidak puas hati dengan tindakan penguat kuasa menjalankan tugas penuh bertanggungjawab," katanya.

Adnan berkata, rakyat tanpa mengira pangkat, kedudukan atau status, perlu memberi kerjasama kepada anggota penguat kuasa yang menjalankan tugas dan perlu juga tahu bahawa petugas barisan hadapan seperti polis dan tentera bertugas 24 jam secara bergilir untuk memastikan keadaan negara terkawal.

"Jangan kita sengaja mencabar kesabaran petugas barisan hadapan dengan membuat provokasi seolah-olah mahu melanggar undang-undang," katanya.

Semua pejabat kerajaan, kaunter khidmat dibuka

Berita Harian | 14 Mei 2020

Operasi tertakluk pematuhan SOP ketat

Kuala Lumpur: Kabinet semalam memutuskan semua pejabat kerajaan, termasuk kaunter perkhidmatan awam, dibuka sepenuhnya berkuat kuasa serta-merta.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perkara itu diputuskan pada mesyuarat Kabinet semalam, namun ia tertakluk kepada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Beliau berkata, antara SOP

digariskan ialah saringan suhu badan sebelum memasuki premis pejabat kerajaan, selain penyediaan cecair pembasmikuman dan pelaksanaan nyah cemar secara berkala.

“Kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sudah dibuka kepada orang ramai, semalam dan ia akan diikuti pejabat atau kaunter perkhidmatan awam jabatan kerajaan lain.

“Bagaimanapun, semua SOP ditetapkan wajib dipatuhi,” katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, dalam satu kenyataan berkata, perkhidmatan kerajaan di bawah Kerajaan Persekutuan seluruh negara beroperasi sepenuhnya dengan keberadaan penjawat awam se-

banyak 70 peratus.

Beliau berkata, keputusan berkuat kuasa serta-merta itu bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada perniagaan dan rakyat tidak ter-

 **Kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan sudah dibuka kepada orang ramai, semalam dan ia akan diikuti pejabat atau kaunter perkhidmatan awam jabatan kerajaan lain.**

Ismail Sabri Yaakob,
Menteri Kanan (Keselamatan)

jejas, seterusnya menyokong pertumbuhan semula ekonomi negara.

“Dalam pada itu, penggunaan aplikasi dalam talian perlu terus digalakkan bagi meminimumkan kehadiran pelanggan ke kaunter selari dengan amalan penjarakan sosial,” katanya.

Mohd Zuki berkata, sistem penggiliran dan bekerja dari rumah masih diteruskan seperti Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Rujukan JPA.SA-RAAN(S) 256/6/31JLD.6(6) bertarikh 2 Mei lalu.

“Ketua jabatan perlu memastikan semua SOP keselamatan dan kesihatan dipatuhi sepenuhnya seperti melaksanakan saringan suhu badan, mengamalkan penjarakan sosial, memakai pelitup muka dan menyediakan cecair sanitasi tangan,” katanya.



Pejabat kerajaan beroperasi dengan kehadiran berpadanan pada hari pertama PKPB

Mei 5, 2020

Pejabat kerajaan beroperasi dengan kehadiran yang berpadanan pada hari pertama penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), pada Isnin, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman.

Beliau berkata laporan catatan kehadiran semasa daripada Kementerian serta jabatan masing-masing mendapati purata peratusan kehadiran penjawat awam ke pejabat adalah 15 hingga 35 peratus.

"Dapatan laporan yang diterima menerusi Kementerian serta jabatan menunjukkan peratusan kehadiran penjawat awam pada hari pertama PKPB tidak seperti yang digambarkan oleh sesetengah pihak.

"Data pelaporan peratusan yang diterima ini jelas menunjukkan bahawa walaupun pejabat kerajaan mula beroperasi sepenuhnya bermula 4 Mei, namun pendekatan yang diambil oleh ketua jabatan masing-masing telah meminimumkan kehadiran penjawat awam ke pejabat dengan opsyen bekerja dari rumah," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Mohd Khairul berkata antara laporan kehadiran yang diperolehi seperti Kementerian Tenaga dan Sumber Asli adalah 15 peratus; Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan



Malaysia (MAMPU), 24 peratus; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (29 peratus); Kementerian Pengangkutan (27 peratus).

Unit Perancang Ekonomi (28 peratus); Kementerian Dalam Negeri (38 peratus); Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (20 peratus); Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (28.18 peratus); Kementerian Pertahanan (27.48 peratus); Kementerian Pengajian Tinggi (35.01 peratus); Kementerian Kerja Raya (30 peratus) dan Kementerian Wilayah Persekutuan (15 peratus). Jelasnya, peratusan kehadiran itu akan berubah mengikut masa dan keperluan tanpa menjejaskan prinsip asas dan objektifnya.

"Pendekatan bekerja dari rumah dan bekerja mengikut waktu fleksi adalah pendekatan yang digalakkan dan diamalkan pada ketika ini untuk membendung penularan wabak COVID-19.

"Semua Kementerian dan jabatan diarah supaya memastikan sistem penyampaian kerajaan berfungsi sepenuhnya. Budi bicara ketua jabatan dalam menguruskan sumber manusia di pejabat masing-masing adalah dibenarkan dalam memastikan sistem penggiliran atau mereka yang diminta untuk bekerja dari rumah dapat dikawal selia bagi menjamin penyampaian perkhidmatan berterusan," katanya.

Mohd Khairul berkata ketua jabatan perlu memastikan peraturan sedia ada dipatuhi sepenuhnya selari dengan arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Dalam pada itu, JPA berharap semua pihak yang berurusan dengan pejabat kerajaan dapat mematuhi normal baharu melalui garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan dan Kementerian serta jabatan berkaitan.

"Perkhidmatan yang dapat dilakukan secara dalam talian perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Kita harus cepat mengadaptasi pendekatan dan persekitaran yang berbeza dalam normal baharu kerja pada masa sekarang bagi memastikan penularan wabak COVID-19 ini dapat dibendung dengan kadar segera," katanya.

-- BERNAMA

PKPB: Kehadiran penjawat awam ke pejabat ikut keperluan

Mei 5, 2020

KUALA LUMPUR: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman menegaskan, purata peratusan kehadiran penjawat awam ke pejabat pada hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) semalam adalah antara 15 hingga 35 peratus.

Katanya, peratusan berkenaan hasil dapatan laporan menerusi kementerian dan jabatan yang menunjukkan kehadiran penjawat awam pada hari pertama PKPB tidak seperti digambarkan oleh sesetengah pihak.

Antara laporan kehadiran yang dilaporkan adalah 15 peratus bagi Kementerian Tenaga dan Sumber Asli; Unit Permodenan Tadbir dan Perancangan Pengurusan (24 peratus); Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (29 peratus).

Kementerian Pengangkutan (27 peratus); Unit Perancang Ekonomi (28 peratus); Kementerian Dalam Negeri

(38 peratus); Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (20 peratus); Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (28.18 peratus) Kementerian Pertahanan (27.48 peratus), Kementerian Pengajian Tinggi (35.01 peratus); Kementerian Kerja Raya (30 peratus) dan Kementerian Wilayah Persekutuan (15 peratus).

“Peratusan kehadiran ini akan berubah-ubah mengikut masa dan keperluan tanpa menjejaskan prinsip asas dan objektifnya,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Katanya, data pelaporan peratusan itu jelas menunjukkan bahawa walaupun pejabat kerajaan telah mula beroperasi sepenuhnya semalam, pendekatan diambil ketua jabatan adalah dengan meminimumkan kehadiran penjawat awam ke pejabat dengan opsyen bekerja dari rumah (BDR).

Ia, katanya, selaras dengan pendekatan seperti yang disarankan menerusi

surat edaran dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai Operasi Pejabat Kerajaan Semasa Tempoh PKPB bertarikh 2 Mei lalu.

“Pendekatan bekerja dari rumah dan bekerja mengikut waktu fleksi adalah pendekatan yang digalakkan dan diamalkan pada masa kini sebagai mendokong usaha berterusan untuk membendung penularan wabak COVID-19.

“Namun, semua kementerian, jabatan telah diarahkan supaya memastikan sistem penyampaian kerajaan berfungsi sepenuhnya,” katanya.

Beliau berkata, budi bicara ketua jabatan dalam mengurus sumber manusia di pejabat adalah dibenarkan dalam memastikan sistem penggiliran atau mereka yang diminta bekerja dari rumah dapat dikawal selia bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang berterusan.

Pada masa sama, katanya, ketua jabatan



juga berperanan memastikan peraturan sedia ada dipatuhi sepenuhnya selari dengan arahan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Beliau juga berharap semua pihak yang berurusan dengan pejabat kerajaan dapat mematuhi normal baharu melalui garis panduan dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kementerian serta jabatan berkaitan.

“Sebaik mungkin juga, perkhidmatan yang dapat dilakukan secara dalam talian dimanfaatkan sepenuhnya. Kita harus cepat mengadaptasi pendekatan dan persekitaran yang berbeza dalam normal baharu kerja pada masa sekarang.

“Ia bagi memastikan penularan wabak COVID-19 ini dapat dibendung dengan kadar segera,” katanya.

70 peratus penjawat awam mulai bekerja

13 Mei 2020

PUTRAJAYA - Perkhidmatan kerajaan di bawah kerajaan Persekutuan seluruh negara beroperasi sepenuhnya dengan keberadaan penjawat awam sebanyak 70 peratus.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali berkata, keputusan berkuat kuasa serta-merta itu bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada perniagaan

dan rakyat tidak terjejas seterusnya menyokong pertumbuhan semula ekonomi negara.

“Dalam pada itu, penggunaan aplikasi dalam talian perlu terus digalakkan bagi meminimumkan kehadiran pelanggan ke kaunter selari dengan amalan jarak sosial,”katanya dalam kenyataan hari ini.

Bagaimanapun menurutnya, sistem

penggiliran dan bekerja dari rumah masih diteruskan sebagaimana Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Rujukan JPA.SARAAN(S) 256/6/31JLD.6(6) bertarikh 2 Mei lalu.

“Ketua jabatan perlu memastikan semua SOP (prosedur operasi standard) keselamatan dan kesihatan dipatuhi sepenuhnya seperti melaksanakan saringan suhu badan, mengamalkan

jarak sosial, memakai pelitup separuh muka dan menyediakan cecair pensanitasi tangan,” katanya.

Terdahulu, Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan mesyuarat Kabinet hari ini memutuskan perkhidmatan kerajaan di bawah kerajaan Persekutuan seluruh negara beroperasi sepenuhnya.



PKPP : Kehadiran penjawat awam ditingkatkan - KPPA

Jun 10, 2020

KUALA LUMPUR: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berkuat kuasa, hari ini, akan menyaksikan kehadiran penjawat awam ditingkatkan selari pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial, termasuk sekolah.

Katanya, ketika ini, perkhidmatan kementerian dan agensi kerajaan pulih dengan kehadiran ke pejabat melebihi 70 peratus.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berterusan pada tahap 100 peratus, beliau berkata,

semua pengarah bahagian sektor perkhidmatan awam hendaklah mengimbangi antara keperluan kehadiran pekerja masing-masing di pejabat dengan kemudahan bekerja dari rumah.

“Pertimbangan fleksi bekerja dari rumah harus diberi kepada mereka yang masih menghadapi isu penjagaan anak di rumah sementara menantikan sekolah dibuka semula,” katanya dalam perutusan kepada penjawat awam, semalam.

Dalam menghadapi situasi pandemik COVID-19, beliau menggesa semua kakitangan

memberi keutamaan memastikan keselamatan serta kesihatan diri, keluarga dan rakan sepejabat.

“Jika kita mendatangkan risiko jangkitan atau penularan, adalah wajar kita bertindak segera sebagaimana arahan pihak berkuasa.

“Pada peringkat jabatan, segala usaha akan diganda bagi memastikan persekitaran kerja mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang diumumkan Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN),” katanya.

Mohd Khairul Adib berkata, pengarah bahagian juga diminta supaya

memantau dan memastikan persekitaran kondusif serta selamat bagi memberi keyakinan penjawat awam kembali bertugas di pejabat.

Beliau berkata, kesegeraan dalam tindakan proaktif adalah kemestian bagi membantu membangunkan semula sektor ekonomi negara.

Katanya, perkhidmatan, sumbangan dan disiplin sebagai penjawat awam amat dituntut, terutama dalam situasi negara sedang melalui krisis kesihatan dan ekonomi paling mencabar ketika ini. – BERNAMA

Ordinary heroes

While Malaysians in general stay home to prevent the spread of Covid-19, essential services personnel are stepping up to the plate to ensure life continues with a degree of normality. *StarMetro* speaks to a few workers who are taking the risk in their stride. >3



The Star | Mac 23, 2020



Hargai Peranan *Frontliners*

Krisis menuntut penjawat awam komited gelas tugas

Mac 20, 2020

PENGUMUMAN Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengenai Perintah Kawalan Pergerakan dalam usaha mengurangkan risiko penularan COVID-19 membuka lembaran baharu kepada penjawat awam negara.

Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berkuat kuasa hingga 31 Mac ini antaranya mengarahkan premis kerajaan ditutup operasinya dengan membenarkan kakitangan kerajaan bertugas dari rumah

Pekeliling dan panduan tambahan dikeluarkan Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) agar semua penjawat awam terus memberikan perkhidmatan terbaik, walaupun menjalankan urusan dari rumah. Ia satu komitmen amat tinggi digarapkan perkhidmatan.

Bukan itu sahaja, seperti dimaklumkan beberapa perkhidmatan kritikal seperti pasukan keselamatan dan bantuan kecemasan, terutama di bawah Kementerian Kesihatan dikehendaki terus bertugas dan menyambung bakti sejak tiga bulan lalu, bagi menangani krisis negara berkaitan COVID-19.

Hakikatnya, dalam keadaan negara yang tidak pasti dari segi pasaran ekonomi dan penurunan beberapa sektor penting akibat COVID-19, penjawat awam terus memainkan peranan penting dalam menyampaikan serta melaksanakan pakej rangsangan serta perlindungan keselamatan dan pencegahan kesihatan.

Ketika inilah dapat dilihat nilai komitmen tinggi dizahirkan penjawat awam pelbagai peringkat jawatan dan perkhidmatan sehingga mempertaruhkan nyawa dengan risiko yang diketahuinya.

Matlamatnya hanya satu, iaitu demi memastikan krisis negara dapat dibendung dengan efektif

dan berkesan, terutama membabitkan penjawat awam dalam sektor kesihatan.

Jika dilihat, kakitangan kesihatan, bomba, polis dan agensi bantuan lain dalam apa jua keadaan sehingga virus berstatus pandemik dan kini memasuki tahap pembendungan akhir, terus menerus bertungkus-lumus membendung penularan jangkitan daripada menjadi lebih serius di Malaysia.

Situasi ini harus diberi perhatian semua rakyat dengan tidak memperlekeh tugas pasukan hadapan ini, sebaliknya terus memberi sokongan dan bertindak atas nasihat dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan.

Dalam apa keadaan sekalipun, semua lapisan kakitangan universiti awam (UA) di Malaysia khususnya dan anggota perkhidmatan awam yang lain akan melaksanakan tugas hakiki dengan penuh integriti dan proaktif sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan.

Malah, ada juga institusi dan agensi yang mengaktifkan bilik gerakan bencana masing-masing sejak sebulan lalu dalam mengatur perancangan dan tindakan proaktif bagi memastikan institusi perkhidmatan awam ini terus berfungsi untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Saya sarankan rakyat Malaysia bersama-sama membendung penularan virus ini dan hentikan maklumat tidak tepat, sebaliknya lebih bertanggungjawab dalam memastikan kebersihan diri, keluarga dan kenalan terdekat dipertingkatkan setiap masa seperti mana saranan pihak berwajib.

Penulis adalah Presiden Majlis Persatuan PENTADBIR Universiti Awam Malaysia

Hargai peranan petugas barisan hadapan semasa pandemik: Cuepacs

Harian Ekspres | 18 Ogos 2020

Mardinah Jikur

SANDAKAN: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) amat menghargai peranan petugas barisan hadapan yang bertugas sepanjang musim pandemik Covid-19 untuk memutuskan rantai penularan.

Presidennya, Adnan Mat berkata ia bukan tugas mudah kerana mereka bertugas tanpa mengira masa, keadaan cuaca, terpaksa mengorbankan masa bersama keluarga dan banyak lagi.

"Kita amat menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan ini," katanya.

"Pada masa sama, kita juga menyangkal dakwaan orang ramai bahawa penjawat awam tidak harus diberikan gaji penuh bagi yang bekerja dari rumah semasa peringkat awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan kerana mereka tidak layak.

"Tetapi orang ramai tidak tahu peranan mereka sepanjang musim pandemik ini. Ini kerana, walau dalam apa sahaja situasi, baik semasa pandemik ini atau berlakunya perubahan kerajaan, penjawat kerajaan tetap memastikan tugas dan amanah diberikan kepada mereka terus dilaksanakan.

"Ini dapat dilihat apabila sistem penyampaian penjawat awam terus berada pada tahap yang baik meski apa juga perubahan semasa yang berlaku, "katanya apabila berucap pada Majlis Penyerahan Sijil Penghargaan Petugas Barisan Hadapan Covid-19 di Sabah Hotel , pada Isnin.

Peranan petugas barisan hadapan perangi Covid-19 dapat pengiktirafan dunia - PM

Mstar | 21 April 2020

PERDANA Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menzahirkan penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus berusaha mengekang penularan wabak Covid-19 sehingga Malaysia mendapat pengiktirafan dunia.

Pada satu sidang video bersama petugas kesihatan Hospital Sungai Buloh, Muhyiddin menyifatkan pengiktirafan itu hasil daripada peranan yang dimainkan mereka dan kesemua barisan hadapan yang lain.

"Saya sampaikan kepada mereka yang dunia kini mengiktiraf keupayaan negara dalam menangani penularan Covid-19. Ini semua adalah kerana peranan yang dimainkan oleh mereka dan semua barisan hadapan dalam menjayakan langkah yang diambil kerajaan.

"Kita adalah antara yang terbaik di dunia! Namun, saya ingatkan bahawa perjuangan belum berakhir. Masih banyak yang perlu kita lalui," katanya dalam hantaran menerusi laman Facebooknya pada Selasa.

Sidang video pagi ini turut disertai Pengarah Hospital Sungai Buloh Dr Kuldip Kaur, Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit Dr Yasmin Mohamed Gani dan tujuh anggota perubatan di pelbagai peringkat yang terlibat memerangi Covid-19 di hospital itu.

Muhyiddin berkata, situasi terkini perkembangan kes Covid-19 dalam negara yang menunjukkan trend penurunan adalah hasil peranan dimainkan petugas kesihatan serta semua anggota barisan hadapan seperti Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan pelbagai agensi lain termasuk para sukarelawan yang bertungkus-lumus melaksanakan tugas masing-masing.

Perdana Menteri turut menyifatkan kesemua mereka sebagai wira negara yang bekerja keras sejak dari awal wabak ini dikesan.

"Saya bagi pihak kerajaan telah menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan atas kerja keras dan sumbangan cemerlang yang ditunjukkan mereka sehingga wabak ini mampu ditangani dengan baik.

"Mereka sanggup mengambil risiko berdepan sesuatu yang cukup asing, yang tidak pernah mereka tangani sebelum ini," tambahnya yang turut berkongsi gambar beliau memberikan tepukan sebagai simbolik menghargai pengorbanan para petugas.

Muhyiddin juga melahirkan perasaan gembira apabila mengetahui petugas barisan hadapan kini sudah mempunyai masa untuk bertemu ahli keluarga masing-masing, selain berterima kasih kepada ahli keluarga petugas yang memahami dan merestui tugas mereka.

Para petugas kini kelihatan ceria, sihat dan bersemangat untuk terus bekerja membasmi penularan Covid-19, katanya.

Pada sidang video itu, Muhyiddin turut dimaklumkan bahawa bekalan peralatan perlindungan diri (PPE) di hospital kini mencukupi berbanding pada peringkat awal kes Covid-19 dikesan dahulu. - BERNAMA

Dr Noor Hisham sebagai ikon

Harian Metro
24 Ogos 2020

Noor Mohamad
Shakil Hameed



Kecemerlangan
sesebuah
organisasi itu
banyak
bergantung
kepada kualiti
kepemimpinan
yang dimiliki
ketua yang
perlu
bertindak
sebagai
pemimpin
yang mampu
menggembleng
sumber yang
ada untuk
mencapai
kejayaan

Tiada siapa boleh menafikan peranan signifikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam mengurus dan mengendalikan serangan wabak Covid-19 di negara ini.

Sehingga ke saat ini, Dr Noor Hisham dan anak buahnya di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terus bertungkus-lumus untuk memberikan rawatan yang terbaik kepada pesakit yang didapati positif di samping berusaha keras memutuskan rantaian penularan wabak.

Hasil kerja keras mereka akhirnya membolehkan kita mengawal penularan wabak dengan cukup berkesan berbanding negara luar termasuk negara maju seperti Amerika Syarikat yang masih bergelut dengan serangan wabak ini.

Jelas sekali Dr Noor Hisham tampil tepat pada masanya untuk membuktikan perkhidmatan awam juga tidak ketandusan ketua dan pemimpin yang hebat.

Dalam konteks ini, kita merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan yang pantas mengiktiraf sumbangan dan peranan besar Dr Noor Hisham dengan dua pengiktirafan tertinggi negara yang besar maknanya kepada seluruh penjawat awam.

Justeru, kita perlu mengiktiraf Dr Noor Hisham sebagai ikon penjawat awam yang membanggakan perkhidmatan awam, rakyat dan negara. Perkara ini sangat penting kerana tatakala segelintir penjawat awam cuba merosakkan imej dan nama baik

perkhidmatan awam apabila terpalit dengan isu integriti seperti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan, Dr Noor Hisham muncul tepat pada masanya untuk membuktikan masih ramai dalam kalangan penjawat awam berkhidmat dengan penuh dedikasi, amanah, jujur dan ikhlas kepada rakyat dan negara.

Jelas sekali, Dr Noor Hisham memiliki ciri dan kualiti kepemimpinan hebat yang sewajarnya menjadi suri teladan kepada seluruh penjawat awam. Antara ciri kepemimpinan terpuji beliau ialah mampu dan bijak menggembleng semua sumber yang ada seperti sumber manusia (seluruh anggota pasukan perubatan) dan kemudahan serta fasiliti kesihatan secara efisien untuk mengendalikan serangan wabak ini.

Sebagai seorang ketua, Dr Noor Hisham mewujudkan semangat kerjasama yang erat dalam kalangan pasukan perubatan sehingga mampu memberikan perkhidmatan yang sangat cemerlang sehingga ke hari ini.

Satu lagi kualiti kepemimpinan yang dimiliki Dr Noor Hisham ialah sentiasa tenang dan memperlihatkan kematangan dalam menguruskan situasi yang cemas atau ketika krisis. Misalnya kemunculan Dr Noor Hisham dengan raut wajah yang begitu tenang dan sentiasa senyum di kaca televisyen untuk melaporkan situasi semasa dan langkah yang sedang diambil KKM didapati cukup meyakinkan rakyat.

Malah, beliau juga dilihat

begitu matang dan profesional ketika menjawab setiap persoalan yang diajukan media. Ini juga menunjukkan Dr Noor Hisham memiliki kemahiran komunikasi yang sangat baik.

Dr Noor Hisham juga dilihat sangat bijak dalam membuat keputusan di samping berani mengambil risiko. Misalnya, kita percaya keputusan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac yang lalu banyak dibantu nasihat profesional dari Dr Noor Hisham yang berjaya membuat keputusan tepat dalam menilai tahap keseriusan serangan wabak ini pada ketika itu.

Hasilnya, hari ini, kita berjaya mengawal penularan virus ini.

Satu lagi kualiti kepemimpinan Dr Noor Hisham ialah memiliki nilai integriti yang sangat tinggi. Perkara ini dapat dinilai melalui keikhlasan dan kejujuran beliau dalam membentangkan kepada rakyat segala data dan fakta berkaitan situasi semasa wabak. Jelas sekali, beliau tidak menyembunyikan apa-apa dari pengetahuan rakyat. Ini membolehkan rakyat sedar keseriusan ancaman wabak ini sekali gus membantu mencegah penularan virus.

Sebagai pemimpin, kita perlu menzhahirkan komitmen tinggi bila diberikan suatu amanah dan tanggungjawab. Jelas sekali, keputusan kerajaan meletakkan tanggungjawab besar di bahu Dr Noor Hisham adalah satu keputusan yang sangat tepat kerana tiada siapa boleh mempersoalkan mahupun meragui kualiti komitmen beliau

dalam menguruskan krisis ini. Buktinya, setiap hari baik siang mahupun malam beliau bersama-sama dengan pasukan perubatan bekerja keras untuk menangani penularan wabak ini.

Di samping itu, Dr Noor Hisham juga membuktikan seseorang pemimpin itu perlu bertindak pantas serta sentiasa proaktif memikirkan jalan penyelesaian untuk sebarang masalah yang muncul.

Malah, sikap positif Dr Noor Hisham ketika meyakinkan rakyat bahawa krisis ini sedang dikendalikan dengan baik dan semuanya berada dalam kawalan juga mencerminkan satu lagi kualiti kepimpinan yang terpuji.

Justeru, semua ketua jabatan wajar menjadikan Dr Noor Hisham sebagai suri teladan dalam memimpin jabatan masing-masing ke arah menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara. Kepada penjawat awam, jadikanlah Dr Noor Hisham sebagai ikon.

Hakikatnya, kecemerlangan sesebuah organisasi itu banyak bergantung kepada kualiti kepemimpinan yang dimiliki ketua yang perlu bertindak sebagai pemimpin yang mampu menggembleng sumber yang ada untuk mencapai kejayaan. Semoga Dr Noor Hisham akan menjadi sumber inspirasi yang dapat melahirkan lebih ramai lagi ikon yang hebat dalam kalangan penjawat awam.

**Penulis pentadbir
di universiti awam dan
penganalisis isu semasa**

Setuju kurangkan ITK bantu tabung Covid-19

Harian Metro | 10 April 2020

Putrajaya: Potong imbuhan tetap kerajaan diperolehi untuk membantu tabung Covid-19

Itu keputusan diambil pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan Tertinggi Kerajaan yang bersetuju melakukan pengurangan Imbuhan Tetap Kerajaan (ITK) diterima Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA).

Melalui kenyataan semalam, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali berkata, keputusan itu dibuat ketika mesyuarat bersama Ketua-Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan pada Selasa lalu.

"Kadar pengurangan ITK bagi Gred Utama / Khas B dan C adalah sebanyak lima peratus serta 10 peratus bagi Gred Utama / Gred Khas A dan ke atas,"katanya.

JUSA potong elaun kerajaan untuk tabung COVID-19

Berita Harian | 10 April 2020

Kuala Lumpur: Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan Tertinggi bersetuju mengurangkan Imbuhan Tetap Kerajaan (ITK) Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) masing-masing untuk disumbangkan kepada Tabung COVID-19.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, dalam satu kenyataan semalam memaklumkan perkara itu dipersetujui melalui satu mesyuarat bersama Ketua-Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan yang diadakan kelmarin.

"Kadar pengurangan ITK bagi Gred Utama/Khas B dan C adalah sebanyak lima peratus serta 10 peratus bagi Gred Utama/Gred Khas A dan ke atas.

"Bagaimanapun, pengurangan ITK ini dikecualikan kepada pegawai petugas barisan hadapan yang menerima elaun khas dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat.

"Segala penjimatan daripada pengurangan ITK akan disalurkan ke dalam Tabung COVID-10,"katanya.

Mohd Zuki berkata, inisiatif itu dilaksanakan atas rasa tanggungjawab penjawat awam dan sebagai tanda sokongan kepada negara dalam menangani penularan wabak COVID-19.

 **Pengurangan ITK ini dikecualikan kepada pegawai petugas barisan hadapan yang menerima elaun khas dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat.**

Mohd Zuki Ali,
Ketua Setiausaha Negara

Top govt officers to chip in to Covid-19 fund

April 10, 2020


PUTRAJAYA: Officers in the Top Management Group of the Public Service have agreed to contribute to the Covid-19 Fund through deduction of Fixed Entertainment Allowance (ITK) for key posts in the public sector (JUSA).

Chief Secretary to the Government (KSN) Datuk Seri Mohd Zuki Ali, in a statement issued here Thursday, said the decision was made at a meeting with the secretaries general and chief of service last Tuesday (April 7).

"The rate of the ITK deduction for Premier Grade/Special Grade B and C is five per cent and 10 per cent for Premier Grade/Special Grade A and above," he said.

However, he said, the ITK deduction is exempted for those on duty as frontliners who received special allowance under the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package.

"All savings from the ITK deduction will be channeled to the Covid-19 Fund," he said, adding that the initiative reflected the sense of responsibility of the civil servants and show of support to the country in addressing the Covid-19 pandemic. – Bernama





EX-GRATIA KEMATIAN
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017

1 JAN 2020

BERLAKU KEPADA
Majikan / Pemandu
Majikan / Pem. Lain

Majikan / Pemandu
yang meninggal dunia dan
tidak telah 240 BULAN

**JUMLAH PEMBERIAN
EX-GRATIA KEPADA MAJIKAN**

A man in a blue police uniform stands in front of a banner. The banner has the date '1 JAN 2020' and some text that is partially obscured. The man's name tag reads 'AMINUDIN'.

KEBAJIKAN PENJAWAT AWAM

Penjawat awam diibaratkan sebagai penggerak utama yang memainkan peranan penting dalam memacu ke arah negara mampan. Tambahan pula, segala dasar yang dirangka oleh kerajaan perlu dilaksanakan dengan sempurna oleh penjawat awam sejajar dengan gelarannya sebagai salah satu pihak yang penting kepada pembangunan negara.

Oleh itu, terdapat pelbagai insentif dan kemudahan telah diberikan oleh pihak kerajaan bagi menjamin dan mengutamakan kebajikan penjawat awam yang berperanan sebagai kunci utama negara. Antara insentif dan kemudahan tersebut ialah Bantuan Khas Aidilfitri, Elaun Khas *Frontliners* dan lain-lain.

Penjawat awam, pesara terima bantuan Aidilfitri

Berita Harian | 12 Mei 2020

Kakitangan Gred 56 ke bawah terima RM500, pencen RM250

Kuala Lumpur: Kerajaan semalam, mengumumkan bayaran Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020, sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam Persekutuan Gred 56 ke bawah.

Menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2020 itu, golongan pesara kerajaan pula akan menerima bantuan sebanyak RM250.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata bantuan khas itu akan dibayar kepada mereka yang layak pada 20 Mei ini.

“Pegawai yang layak Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 adalah seperti berikut: pegawai lantikan tetap, sementara dan ‘contract of service’; pegawai yang bercuti bergaji penuh; pegawai yang bercuti separuh gaji; pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Aidilfitri ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.”

“Bantuan khas ini juga di-

panjangkan kepada guru interim; pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak mendapatkan khidmat pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya,” katanya menerusi pekeliling itu.

Mohd Khairul Adib berkata, pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran, Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman, berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan Akta Saraan Hakim 1971, turut layak menerima bantuan itu.

Katanya, Pekerja Sambilan



Mohd Khairul Adib Abd Rahman

Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 20 Mei ini turut menerima bantuan khas itu RM500 dengan syarat tempoh kontrak masing-masing berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.

“Pesara yang dilantik semula secara ‘contract of service’ dan masih berkhidmat pada 20 Mei ini juga layak diberi bantuan khas sebanyak RM500.

“Pembayaran RM250 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, manakala bakinya RM250 akan dibayar jabatan di mana pegawai itu sedang berkhidmat,” katanya.



Seorang anggota tentera membeli barang keperluan di sebuah pasar raya di Kuantan, semalam. Bantuan khas Aidilfitri dapat meringankan beban penjawat awam menyambut hari raya. (Foto BERNAMA)

Civil servants, pensioners grateful for Aidilfitri special assistance

Mei 12, 2020



The special Aidilfitri 2020 assistance of RM500 to federal civil servants and RM250 to government pensioners is considered timely, especially amid the COVID-19 pandemic.

The civil servants and pensioners who were contacted expressed their gratitude for the aid and had planned to use it in the best possible manner.

A civil servant in Kuantan, Mohd Alhamadi Abu Bakar, 53, said he would use the money to buy food supplies for his family in Permatang Badak, Kuantan.

"The aid will definitely help in the Aidilfitri preparation for our family of six... I believe our Aidilfitri celebration would still be lively although we would celebrate it in moderately as we are still wary of the COVID-19 outbreak," he told Bernama here yesterday.

Meanwhile, a Kuantan pensioner, Abd Razak Hassan, 57, said the

RM250 aid he received would be used in the Aidilfitri preparation, mainly for purchasing food items to be served on Hari Raya.

"My family-of-four will celebrate Hari Raya at Peramu, Kuantan, and this aid could ease the burden on my wife, and one of my children, who has helped to cover our expenses," he said.

Meanwhile, Fairuz Saidi, 34, a civil servant in Kota Kinabalu, Sabah, planned to use the special aid to settle utility bill as she did not see the need to splurge on Aidilfitri this year.

"The electricity bill has increased since the work-from-home routine following the implementation of the Movement Control Order (MCO) in March," she said while expressing her gratitude for the aid.

Another civil servant, Zuraidah Ahmad, 40, is also grateful that the special aid could to a certain extent ease the burden of preparing for

Hari Raya, although the merriment of Shawal this year would be different from previously.

"Nevertheless, the preparation for the celebration must proceed because I have a large family. Hence, this aid is very helpful," she said, adding that she will use the special aid to buy new pairs of clothes for her nieces and nephews. Meanwhile, Sabah Small and Medium Enterprises Association (SME) president Foo Ngee Kee hoped that the civil servants would spend the special aid by purchasing goods from local entrepreneurs to help revive their businesses affected by the MCO.

Earlier yesterday, Public Service Department director-general Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, in a circular, said federal civil servants of Grade 56 and below, as well as pensioners, would receive the aid by May 20.

-- BERNAMA

Bantuan khas untuk penjawat awam

Selangor Kini | 3 Jun 2020

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM – Kerajaan Negeri mengumumkan bantuan khas kewangan RM1,000 sekali bayar kepada kakitangan awam Gred 56 ke bawah yang akan disalurkan mulai 9 Jun ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata bantuan tanda terima kasih turut meliputi pihak berkuasa tempatan, badan berkanun negeri dan anak syarikat Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri ingin mengucapkan terima kasih kepada penjawat awam, datuk bandar, yang dipertua majlis, pegawai daerah dan mereka yang mengendalikan pusat kuarantin serta terlibat aktif dalam pengendalian wabak Covid-19.

"Bantuan ini membabitkan implikasi kewangan berjumlah RM18.5 juta. Bagaimanapun, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yakni EXCO dan Ahli Dewan Negeri tidak termasuk dalam bantuan ini," katanya dalam sidang media pada 15 Mei lalu.

Turut mendapat manfaat, ahli-ahli Majlis Penguasaan Komuniti Kampung di 371 kampung tradisi melalui pemberian RM300 kepada setiausaha dan AJK Biro.

Untuk masjid seluruh negeri, Amirudin berkata seorang nazir, dua imam, dua bilal dan dua siak menerima RM400 setiap seorang.

Bagi surau pula, katanya, pengerusi, dua imam, seorang bilal dan seorang siak menerima RM300 seorang.

"Jumlah keseluruhan bantuan kewangan buat masjid dan surau adalah sebanyak RM4.171 juta yang akan dibayar sebelum Hari Raya Aidilfitri," katanya.



Dato' Seri Amirudin Shari melancarkan penubuhan badan penyelaras Selangor Darul Ehsan Aerospace Industry Coordination Office (S-DAICO) bagi memperkasa Pelan Tindakan Hala Tuju Khusus Aeroangkasa Selangor di Shah Alam pada 18 Mei lalu. Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya (kiri), EXCO Pelaburan, Dato' Teng Chang Khim (dua dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad, Dato' Hasan Azhari Idris (kanan). Foto oleh FIKRI YUSOF

Kerja dari rumah: Elaun khas bantu tanggung kos utiliti - KSN

Mei 14, 2020



KETUA Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali

KUALA LUMPUR: Pemberian elaun khas kepada penjawat awam yang bekerja dari rumah, ialah antara insentif sesuai untuk membantu sektor awam mengadaptasi normal baharu dalam perkhidmatan.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, berkata elaun khas itu bagi membantu penjawat awam menanggung sebahagian daripada kos utiliti mereka di rumah.

Beliau berkata, apabila bekerja dari rumah menjadi normal baharu, kerajaan dapat melakukan penjimatan dari segi kos utiliti kerana jumlah penjawat awam di pejabat berkurangan.

"Kurangannya pegawai atau penjawat awam hadir ke pejabat dapat menjimatkan bil utiliti jabatan. Namun apabila penjawat awam berkhidmat dari rumah, mungkin kos utiliti mereka naik seperti kos elektrik.

"Dengan penjimatan di jabatan itu, kita

boleh pertimbang untuk memberi elaun khas kepada penjawat awam yang berkhidmat dari rumah supaya mereka dapat memberi perkhidmatan lebih baik lagi.

"Ini naratif yang kita perlu fikir pada masa depan jika normal baharu perkhidmatan awam ini dapat diterima kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam rancangan #BicaraNaratif mengupas topik 'Norma Baharu Perkhidmatan Awam' yang disiarkan secara langsung menerusi Facebook Radio Televisyen Malaysia (RTM), malam ini.

PKP yang dilaksanakan pada 18 Mac lalu menyaksikan hampir keseluruhan urusan perkhidmatan awam ditangguhkan dan kerajaan terpaksa memperkenalkan cara kerja baharu, iaitu bekerja dari rumah bagi bidang tertentu.

COVID-19: Bayaran RM500 untuk penjawat awam, pesara kerajaan - Muhyiddin

Mac 27, 2020

Bayaran secara 'one-off' (sekali bayaran) sebanyak RM500 akan diberikan kepada 1.5 juta penjawat awam, dan 850,000 pesara kerajaan, sebagai usaha membantu mereka menghadapi impak ekonomi akibat wabak COVID-19 ini, kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sewaktu membentangkan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN) hari ini, beliau berkata, ia adalah sebagai bukti kerajaan tidak akan mengabaikan kebajikan semua penjawat awam yang terus setia menjalankan amanah kepada negara.

"Bagi menghargai sumbangan mereka, kerajaan akan memberikan bantuan tunai sebanyak RM500 secara one-off kepada lebih 1.5 juta penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk mereka yang bekerja secara kontrak. Bayaran akan dibuat pada bulan April 2020.

"Sumbangan pesara Kerajaan juga tidak dilupakan. Dengan ini, Kerajaan akan menyalurkan bantuan 7 sebanyak RM500 secara one-off kepada lebih 850,000 pesara Kerajaan juga pada bulan April 2020," katanya lagi.



Untuk mereka yang menyimpan dalam Skim Persaraan Swasta (PRS) pula, Perdana Menteri berkata golongan berkenaan dibenarkan untuk membuat pengeluaran maksimum RM1,500 sebulan, bermula April hingga hujung tahun ini.

"Dalam keadaan yang sukar pada waktu ini, tentulah saudara-saudari memerlukan wang tunai daripada apa jua bentuk simpanan untuk digunakan bagi menampung perbelanjaan harian.

"Sehubungan itu, Kerajaan membenarkan pengeluaran pra-persaraan dari akaun B Skim Persaraan Swasta sehingga jumlah RM1,500 bagi setiap ahli tanpa sebarang penalti cukai dalam tempoh bulan April hingga Disember 2020," katanya lagi.

Civil servants not overlooked

New Sarawak Tribune | 28 Mac 2020

PUTRAJAYA: The frontliners in the health sector and others involved in the battle against Covid-19 had good news in the RM250-billion economic stimulus package announced yesterday by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

The frontliners doctors, nurses and other healthcare workers had their RM400 monthly special allowance raised to RM600 from April 1 to the end of the pandemic.

The government is to also pay a monthly RM200 special allowance to the military, police, customs, immigration, Civil Defence Force and Rela personnel directly involved in enforcing the movement control order (MCO) now in force until April 14. Their allowance will be paid from April 1 to the end of the pandemic.

Civil servants have not been overlooked either. Over 1.5 million of them, on Grade 56 and below, as well as contract employees will get a RM500 one-off cash aid in April.

"The contribution of the government pensioners has not been forgotten. The government will give a RM500 one-off cash aid to the over 850,000 government pensioners in April," said Muhyiddin. - Bernama

Penularan COVID-19

'Elaun khas bukan untuk semua warga KKM'

Berita Harian | 8 April 2020

Ketua Pengarah Kesihatan ulas dakwaan netizen kerajaan bezakan petugas

Kuala Lumpur: Pemberian elaun khas seperti diumumkan akhir bulan lalu bukan untuk semua 260,000 kakitangan Kementerian Kesihatan (KKM), sebaliknya hanya kepada barisan hadapan yang bertugas menangani wabak COVID-19.

Sehubungan itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah menasihatkan pihak yang kurang jelas mengenai perkara berkenaan supaya meneliti semula ucapan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 27 Mac lalu.

"Elaun (khas) bukan untuk semua 260,000 warga KKM. (Sebaliknya) untuk mereka di barisan hadapan dan terbabit dengan COVID-19 sahaja.

"Apa pun, sila rujuk ucapan Perdana Menteri," katanya ketika dihubungi *BH* semalam.



Elaun khas hanya diberi kepada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan yang terbabit dalam pengurusan COVID-19. (Foto hiasan)

Beliau mengulas ketidakpuasan hati individu dan netizen di media sosial apabila mendakwa kerajaan membeza-bezakan petugas kesihatan sehingga ada yang tidak menerima elaun khas meskipun cuti mereka dibekukan dan dipanggil balik bertugas.

Mereka yang cuti dibekukan dan dipanggil bertugas gara-gara pandemik COVID-19 juga tergo-

long sebagai barisan hadapan dan beranggapan patut menerima elaun khas berkenaan.

Justeru, mereka mahu kerajaan melihat semula pemberian elaun khas itu supaya adil kepada kakitangan kesihatan yang terpaksa mengorbankan cuti dan bekerja lebih masa gara-gara COVID-19.

Jika diteliti semula pengumu-

man Perdana Menteri pada 27 Mac lalu, kerajaan menambah elaun khas kepada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan yang terbabit dalam pengurusan COVID-19 daripada RM400 kepada RM600 sebulan.

Elaun itu mula dibayar pada 1 April lalu dan akan diberikan sehingga wabak berkenaan berakhir.

Petugas barisan hadapan terima elaun RM222.4 juta

Ogos 19, 2020

PUTRAJAYA: Kakitangan barisan hadapan menerima elaun khas berjumlah RM222.4 juta membabitkan 694,447 tuntutan setakat 7 Ogos lalu, kata Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Beliau berkata, tuntutan Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners) itu terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terbabit secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan COVID-19.

"Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) yang terbabit secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan

mengenai laporan terkini pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), hari ini.

la laporan ke-17 Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA).

Pada 27 Mac lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika membentangkan PRIHATIN peningkatan elaun khas daripada RM400 kepada RM600 untuk petugas kesihatan seperti doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terbabit secara langsung dalam pengurusan serta membendung COVID-19.

Bagi anggota tentera, polis, kastam, imigresen, APM dan RELA yang terbabit secara langsung dalam melaksanakan PKP, mereka akan



Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz

menerima elaun khas RM200 sebulan.

Elaun itu dibayar mulai 1 April 2020 hingga wabak COVID-19 berakhir.

Sementara itu, Tengku Zafrul berkata, kerajaan turut memperuntukkan RM1 bilion bagi membiayai pembelian peralatan perubatan seperti ventilator dan peralatan ICU, peralatan perlindungan diri (PPE) kakitangan perkhidmatan perubatan awam serta keperluan makmal untuk saringan COVID-19.

"Setakat 7 Ogos lalu, sejumlah RM512.5 juta sudah disalurkan dalam usaha meningkatkan lagi keupayaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memerangi COVID-19.

"Ini kerana, pembendungan penularan wabak COVID-19 adalah faktor kritikal dalam pemulihan ekonomi," katanya.

Elaun, insentif cuma sementara

Berita Harian | 11 Januari 2020

Kita bersetuju keputusan kerajaan menangguhkan pelaksanaan pemansuhan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK). Terlalu banyak kekeliruan hingga ramai membantahnya. Puncanya kerana banyak pihak tidak faham hingga mengkritiknya tanpa usul periksa.

Penjawat awam perlu faham tujuan ia diperkenalkan ketika pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) pada 1992. Kita kekurangan sumber manusia dalam kepakaran atau bidang tertentu ketika itu seperti perubatan dan kejuruteraan. Jawatan terbabit jika tidak diisi, boleh menjejaskan program pembangunan negara serta mutu perkhidmatan kepada rakyat. Justeru, bagi menarik graduan menyertai sektor awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memperkenalkan elaun kritikal bagi menyamai ganjaran diterima jika bekerja di sektor swasta.

Sejak diperkenalkan, ada skim atau bidang baharu dimasukkan dan ada juga digugurkan. BIPK dikaji setiap lima tahun sekali untuk menilai tahap kritikal dan keperluan semasa. Namun dalam proses itu, pemberian elaun itu dianggap bersifat selama-lamanya.

Apapun kita menyokong tindakan kerajaan menangguhkannya hingga kajian semula mengenainya dilaksanakan. Namun, ketika mengumumkan keputusannya kelak, elok JPA terlebih dahulu mendedahkan hasil kajian serta memberi penjelasan sepenuhnya supaya ia dapat diterima.

PSD: Critical allowance cut postponed, pending Cabinet decision

9 Jan 2020

PUTRAJAYA: The abolition of the Critical Service Incentive Allowance (BIPK) for civil servants will be put on hold until a review on the matter is done and decided by the Cabinet, says the Public Service Department (PSD).

Its director-general Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman said Thursday (Jan 9) that the move to no longer grant the allowance for new intakes for 33 professions in the civil service has been postponed.

In a Dec 20 circular last year, the PSD announced that the BIPK for new appointments in 33 professions in the civil service beginning Jan 1 this year will be eliminated.

The professions are medical officers, pharmacists, dentists, nurses, engineers, air traffic controllers, architects, marine architects, legal officers, agricultural officers, vocational training officers, marine officers and research officers, among others.

The decision caused an uproar, especially among upcoming medical

professionals who will be joining the civil service to do their housemanship and compulsory service. The circular, however, said that no current staff, permanent or temporary ones, would be affected by the move.

The PSD, in the circular, also said that existing contractual staff would continue to receive their allowance as long as their contracts were renewed without any disruption to their service.

The PSD reasoned that the PIBK was not meant to be a permanent fixture, adding that it could be revoked if any service sector was deemed no longer critical.

It noted that a recent study done last year found that all 33 professionals receiving BIPK no longer meet the criteria of the intended allowance, which was to attract candidates for the positions that are in short supply and difficult to fill.

Among them were the Good Conduct Allowance, the Snake Poisoning Allowance, Special Stenographer Allowance, Mail Train Allowance and Accountant Encouragement Allowance.

Following the study, a Cabinet committee on civil service chaired by Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad decided that existing BIPK recipients would continue to receive the allowance but not the new ones.

According to the department, 27 allowances had been abolished, merged or rebranded since 1992 as they did not meet the granting criteria.

This decision, however, did not go down well and associations, as well as lawmakers had urged the government to reconsider its decision.



Ex-Gratia Kematian: Insentif Kepada Waris Penjawat Awam

Sinar Plus | August 15, 2020

BERTUAHNYA kepada mereka yang bergelar penjawat awam. Kerajaan menyediakan insentif ex-gratia kematian sehingga RM150,000!

Barangkali ramai lagi yang tak tahu, Ex-Gratia Kematian adalah pemberian kerajaan kepada tanggungan penjawat awam yang meninggal dunia dalam perkhidmatan, dengan tempoh perkhidmatan kurang daripada 20 tahun atau 240 bulan.

Tujuannya adalah bagi membantu meringankan beban tanggungan atau waris penjawat awam yang meninggal dunia dalam tempoh tidak lebih 240 bulan perkhidmatan.

Ia diberikan kepada balu, duda, anak, ibu atau bapa yang layak. Bagaimanapun, Ex-Gratia Kematian ini tidak diberikan kepada kes-kes kematian penjawat awam yang disahkan akibat daripada membunuh diri.

Pelaksanaan Ex-Gratia ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2020 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019.

Ini bermakna, kematian penjawat awam yang berlaku pada 1 Januari 2020 dan selepasnya akan layak untuk diberikan Ex-Gratia Kematian.

TheStar

New death benefit for civil servants

18 Feb 2020

SEREMBAN: The next of kin of civil servants who die while in service will get ex-gratia payment of RM150,000 if the deceased had been working less than five years under a scheme introduced by the government.

Family members of a public sector employee who dies after having served between five and 10 years will get RM100,000, while the beneficiaries of those who had put in between 10 and 15 years would be given RM75,000.

Public Service director-general Datuk Mohd Khairul Adib Rahman (pic) said the new regulations took effect on Jan 1, 2020.

The next of kin of a civil servant who dies after having served between 15 years and 20 years would be given RM50,000 but the family members of an employee who passes on after having served more than 20 years would not be paid anything.

"The government has decided to give this ex-gratia payment to the next of kin of those eligible in addition to other benefits they are already entitled to under the pension and EPF schemes.

"This additional benefit is given based on the current scene, some family members of civil servants who die while in service get low benefits depending on the retirement

scheme chosen by the employee," Mohd Khairul said in a directive. There are some 1.6 million civil servants in the country.

Civil servants hired on a permanent or temporary basis in federal and state governments, statutory bodies and local councils are entitled to this benefit.

Mohd Khairul said the definition of next of kin would include the employee's parents, spouse and children aged below 21.

"If the deceased was not married, then the entire amount would be paid to his or her parents.

"Also, if his or her parents were already dead, then the money will go to the spouse and children," he said.

He said the next of kin of a civil servant would not be entitled to any ex-gratia if the individual was found to have committed suicide.

In the event of a dispute on the quantum of payment, the Public Service director-general will have the final say on the recipient(s) and the amount to be paid.

"The director-general's decision is final," said Mohd Khairul.

Pakej istimewa Cuti-Cuti Malaysia kepada penjawat awam

September 3, 2020



Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri (tengah) merasmikan majlis pelancaran "pakej istimewa cuti-cuti Malaysia" di MaTIC. - Foto Shahmi Imran

KUALA LUMPUR: Tourism Malaysia hari ini, melancarkan pakej istimewa sempena kempen Cuti-cuti Malaysia khas untuk penjawat awam sebagai penghargaan kepada mereka yang mencurahkan khidmat bakti khususnya ketika negara dibelenggu pandemik COVID-19.

Program dengan kerjasama Kesatuan Pekerja-pekerja Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) dan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) itu adalah inisiatif jangka masa

pendek untuk meningkatkan usaha promosi pelancongan domestik dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Nancy Shukri berkata sebagai permulaan, pakej itu akan mempromosikan produk-produk dan destinasi pelancongan di sekitar Lembah Klang.

"Saya berharap pakej ini akan diperluaskan ke daerah-daerah serta negeri-negeri yang

lain pada masa akan datang untuk memberi peluang melihat keindahan tempat menarik dalam negara," katanya ketika berucap merasmikan program itu di sini hari ini.

Beliau berkata, pelaksanaan program itu adalah hasil daripada kajian keinginan melancong dalam kalangan masyarakat tempatan oleh Tourism Malaysia baru-baru ini yang mendapati 71.3 peratus responden menyatakan minat untuk melancong dalam negara.

Nancy berkata, daripada 13,797 jumlah responden yang ditinjau, 31.4 peratus adalah penjawat awam. "Berdasarkan hasil kajian ini saya percaya di samping menikmati keindahan semula jadi, penjawat awam juga mampu menyumbang ke arah membangunkan sektor pelancongan negara," katanya.

Sementara itu, bercakap pada sidang media, Ketua Pengarah Tourism Malaysia Datuk Musa Yusof berkata pihaknya menganggarkan sebanyak RM3 bilion pendapatan boleh dijana menerusi program itu dalam tempoh setahun.

Beliau berkata rata-rata pelancong domestik membelanjakan wang mereka untuk membeli-belah dan perbelanjaan minyak yang akan meningkatkan ekonomi negara.

"Kalau sekarang kita ada 1.2 juta penjawat awam yang masih bekerja, kita ada juga penjawat awam yang sudah bersara. Mereka juga ada pencen yang mana digunakan untuk

melancong sekali gus menyumbang kepada pelancongan domestik," katanya.

Antara pakej istimewa yang ditawarkan adalah percutian 2 hari 1 malam dan juga 3 hari 2 malam yang melibatkan hotel ternama di sekitar Lembah Klang dengan tawaran harga sekitar RM120 seorang dan bagi produk pelancongan lain, pengunjung harian akan mendapat tawaran diskaun sehingga 30 peratus untuk pembelian tiket.

Mereka yang menempah pakej ini juga berpeluang untuk mendapatkan tiket lawatan sekitar Kuala Lumpur dengan menaiki bas Hop On Hop Off secara percuma tetapi terhad kepada 5,000 tiket sahaja.

Penjawat awam digalakkan mengambil peluang ini kerana terdapat pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 untuk perbelanjaan pelancongan domestik sehingga 31 Dis 2021 susulan pengumuman pakej rangsangan PENJANA.

Mereka boleh mendapatkan pakej ini menggunakan pas pekerja penjawat awam di agensi pelancongan terpilih dan pakej ini boleh dilayari di laman sesawang Tourism Malaysia www.malaysia.travel.

Tempoh tempahan pakej sehingga 30 Sept 2020 manakala tempoh sah lawatan ialah sehingga 31 Dis 2020. – BERNAMA

Kerajaan kaji semula dasar penebusan GCR

14 Julai 2020

KUALA LUMPUR - Kerajaan berhasrat mengkaji semula dasar penebusan Ganti Cuti Rehat (GCR) kepada wang tunai selama 75 hari yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 lalu kerana dilihat tidak menguntungkan penjawat awam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), Datuk Takiyuddin Hassan berkata, terdapat dua simulasi bagi memperjelaskan perkara tersebut.

Menurutnya, sebagai contoh jika seorang pegawai bergred M54 menebus GCR apabila bersara penuh, mereka akan mendapat sejumlah RM55,107.90

"Tetapi jika mereka menebus dalam masa perkhidmatan dengan mengambil penebusan selama 75 hari, mereka mendapat RM15,355.05 dan kemudian semasa bersara, mereka mendapat RM27,553.95

"Jumlah kedua-dua mereka dapat hanya RM42,909 berbanding kalau mereka mengambil semasa bersara penuh.

"Bezanya mereka rugi sebanyak RM12,198.90. Jadi atas dasar inilah

kerajaan sekarang ini bercadang mengkaji semula untuk faedah dan kepentingan penjawat awam," katanya pada Mesyuarat Kedua Persidangan Dewan Rakyat Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan daripada Shaharizukirnain Abd Kadir (Pas-Setiu) mengenai status pelaksanaan penebusan GCR kepada wang tunai selama 75 hari bagi penjawat awam yang berkhidmat selama 15 tahun seperti diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2020.

Menurut Takiyuddin, bentuk pelaksanaan baharu bagi dasar tersebut belum diputuskan kerana masih dalam kajian.

"Boleh jadi dikekalkan dasar dibuat pada Belanjawan 2020 dengan pemambahbaikan dengan memikirkan kerugian penjawat atau dasar baharu.

"Belum diputuskan lagi," katanya bagi menjawab soalan tambahan daripada Akmal Nasrullah Mohd Nasir (PKR-Johor Bharu).



Kaji impak penebusan Ganti Cuti Rehat penjawat awam

14 Julai 2020

DEWAN Rakyat diberitahu bahawa pelaksanaan pembayaran Ganti Cuti Rehat (GCR) untuk tempoh 75 hari ketika penjawat awam masih berkhidmat adalah lebih rendah berbanding sekiranya dibayar ketika bersara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Takiyuddin Hassan berkata, kerajaan kini sedang menjalankan kajian impak pelaksanaan penebusan GCR kepada wang tunai selama 75 hari kepada penjawat awam yang berkhidmat lebih 15 tahun.

Menurutnya, ketika ini pembayaran GCR adalah sebanyak 150 hari sebaik penjawat awam bersara sebagai penghargaan kerajaan atas sumbangan penjawat awam ketika berkhidmat.

“Kerajaan memutuskan untuk mengkaji semula cadangan berkenaan (untuk pembayaran 75 hari ketika perkhidmatan) kerana ia dilihat tidak menguntungkan penjawat awam kerana jumlah diterima jauh lebih rendah.

“Ini kerana gaji akhir ketika perkhidmatan adalah lebih tinggi berbanding gaji semasa jika GCR dibayar ketika mereka berkhidmat,” katanya.

Takiyuddin (PAS-Kota Bharu) berkata demikian pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau menjawab soalan Shaharizukirnain Abd Kadir (PAS-Setiu) yang mahu tahu status pelaksanaan penebusan GCR kepada wang tunai selama 75 hari

bagi penjawat awam yang berkhidmat selama 15 tahun seperti yang diumumkan dalam Bajet 2020.

Takiyuddin juga memberi contoh sekiranya GCR dibayar kepada pegawai gred M54, mereka hanya akan menerima RM55,107.90 tetapi hanya menerima RM15,355.05 jika ditebus untuk 75 hari ketika berkhidmat.

Beliau berkata, kajian masih diteruskan dan sama ada dikekalkan seperti yang diumumkan kerajaan sebelum ini atau ditambah baik hanya akan diketahui sebaik ia selesai dilaksanakan.



Persidangan Dewan Rakyat. Foto Bernama

Cadangan penebusan ganti cuti rehat dengan wang tunai dikaji semula

Julai 14, 2020

KUALA LUMPUR: Kerajaan memutuskan untuk mengkaji semula cadangan penebusan Ganti Cuti Rehat (GCR) selama 75 hari kepada wang tunai bagi penjawat yang berkhidmat selama 15 tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Takiyuddin Hassan, berkata kajian semula itu adalah wajar kerana penebusan awal GCR ketika dalam perkhidmatan tidak menguntungkan kepada penjawat awam.

Beliau menjelaskan, jumlah yang diterima menerusi penebusan awal semasa dalam perkhidmatan adalah jauh lebih rendah berbanding semasa bersara kerana gaji akhir diterima ketika itu lebih tinggi.

"Dasar untuk penebusan GCR selama 75 hari bukan 150 adalah dasar kerajaan sebelum ini. Oleh itu, apabila dikaji semula dasar ini,

kerajaan berhasrat untuk membuat kajian semula.

"Saya nak berikan dua simulasi. Sebagai contoh, sekiranya seorang pegawai bergred M54 menebus GCR ini apabila mereka bersara penuh, mereka akan mendapat sejumlah RM55,107.90.

"Tetapi kalau mereka menebus dalam masa perkhidmatan dengan mengambil 75 hari, mereka mendapat RM15,355.05 dan apabila bersara mereka mendapat lagi RM27,553.95. Jumlahnya hanya RM42,909 berbanding kalau mereka ambil ketika bersara penuh," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Shaharizukirnain Abd Kadir (PAS-Setiu) pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, hari ini.

Mengulas lanjut, Takiyuddin berkata,

masih ada perbezaan jika dibanding antara jumlah diterima waktu bersara dan ketika masih berkhidmat.

"Bezanya mereka rugi RM12,198.90, maka atas dasar inilah kerajaan bercadang membuat kajian semula demi faedah dan kepentingan penjawat awam sendiri," katanya

GCR adalah faedah persaraan yang dibayar kepada pegawai apabila bersara pilihan, bersara wajib atau meninggal ketika dalam perkhidmatan.

Pemberian pencen, ganjaran dan GCR apabila penjawat awam bersara adalah penghargaan kerajaan atas sumbangan bakti sepanjang perkhidmatan dan sumber pendapatan kepada pegawai dan keluarga.

Cadangan penebusan GCR yang diumumkan ketika pembentangan



Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019 sepatutnya dibayar awal Januari lalu tetapi belum dilaksanakan.

Pada 31 Mei lalu, Presiden CUEPACS, Adnan Mat, dalam kenyataannya menggesa kerajaan menyegerakan proses pindaan Peraturan Pencen 1980 bagi membolehkan penebusan awal GCR dilaksanakan.

JPA pada 6 Februari lalu telah memaklumkan bahawa kerajaan perlu melakukan pindaan ke atas peraturan yang berkaitan Peraturan Pencen 1980 untuk melaksanakan GCR.

Langkah itu supaya pelaksanaan penebusan awal GCR itu dibuat teratur mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.



Sistem saraan baharu penjawat awam perlu kajian teliti

Julai 29, 2020

KUALA LUMPUR: Pembaharuan dalam sistem saraan penjawat awam masih memerlukan pertimbangan teliti selain pelaksanaannya amat bergantung kepada keupayaan kewangan negara.

Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata kajian menyeluruh perlu dilakukan sebelum Sistem Saraan Malaysia (SSM) ditambah baik atau hendak digantikan.

"Kita akan kaji dulu bersama pihak lain termasuk Kementerian Kewangan untuk melihat kebolehlaksanaannya. Kali terakhir kita mengkaji sistem saraan ini agak terkebelakang dan kita perlu melihat sama ada mampu atau tidak.

"Ia bergantung kepada keupayaan kewangan kita dan kajian perlu dilakukan sebelum diangkat kepada Kabinet untuk melihat ke mana arahnya selepas itu," katanya kepada pemberita selepas

menyampaikan surat kenaikan pangkat kepada pegawai pakar bidang khusus (SME) Jabatan Kerja Raya (JKR), di Melaka, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) supaya sistem saraan baharu dilaksanakan susulan penetapan gaji minimum penjawat awam yang digunakan ketika ini berada di bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Presidennya, Adnan Mat, dipetik sebagai berkata, ketika ini kerajaan masih mengekalkan SSM yang ditambah baik selepas melalui beberapa siri pemansuhan antaranya Sistem Saraan Baru (SSB) pada 1992 dan Jawatankuasa Gaji Kabinet pada tahun 1976.

Sementara itu, Mohd Khairul berkata, pihaknya mengalu-alukan cadangan

daripada CUEPACS terhadap pelaksanaan sistem saraan baharu itu.

Dalam pada itu, beliau berkata, analisis JPA terhadap impak pelaksanaan tugas khas SME (SSA), kerajaan dianggarkan dapat menjimatkan kos sebanyak RM19 juta dalam aspek khidmat rundingan, pelaksanaan projek dan program latihan sejak ia dilaksanakan pada tahun 2016.

Katanya, JKR adalah agensi pertama yang melaksanakan inisiatif SME selepas Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016: Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan diwartakan.

"Sehingga 24 Julai lalu, sebanyak 70 bidang kepakaran sudah dibangunkan dan 69 pegawai perkhidmatan awam Persekutuan dari pelbagai skim perkhidmatan diiktiraf sebagai pakar bidang khusus," katanya.

Semak semula Skim Saraan Malaysia hanya cadangan – Zuki Ali

12 September 2020

SHAH ALAM – Kerajaan masih belum melakukan sebarang semakan semula terhadap skim persaraan penjawat awam susulan kenaikan kos dan kekangan kewangan negara.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali berkata, setakat ini perkara itu masih belum dibawa secara rasmi kepada pihaknya dan ia hanya cadangan daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs).

“Ia baru cadangan, ia belum diangkat kepada kita secara rasmi, ia mungkin permintaan atau cadangan daripada Cuepacs.

“Saya rasa belum sampai ke peringkat pertimbangan kerajaan,” katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Pelancaran Koperasi Kebuniti Selangor Berhad (KOBUNITI), di sini, hari ini.

Khamis lalu, Cuepacs mengemuka dan membentangkan cadangan sistem saraan baharu bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) kepada kerajaan, awal bulan depan.

Timbalan Presiden 1, Aminuddin Awang berkata, cadangan sistem saraan baharu itu lebih komprehensif dan menyeluruh kerana merangkumi semua skim perkhidmatan penjawat awam.

Menurutnya, draf cadangan itu sudah hampir siap dan akan dibentangkan kepada kerajaan, Oktober ini.

Sementara itu, mengulas mengenai Penunjuk Prestasi Utama (KPI) baharu kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) dan Ketua Pengarah (KP), Mohd Zuki berkata, setakat ini mesyuarat pertama telah dilaksanakan.

“Cuma selepas ini saya telah beri ingatan kepada semua KSU dan KP akan keperluan mereka untuk memastikan agar KPI yang dikenakan kepada mereka ditetapkan mereka akan tercapai.

“Kita kena cari jalan, kerana ia satu faktor untuk menggerakkan ekonomi negara,” katanya. – MalaysiaGazette

JPA kaji semula pembaharuan sistem saraan

Julai 29, 2020

ALOR GAJAH, 29 Julai- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengkaji semula cadangan pembaharuan sistem saraan seperti yang dicadangkan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata, penelitian perlu dibuat kerana ia melibatkan aspek kewangan.

Namun pembaharuan akan tetap dilakukan bagi memastikan penjawat awam dapat memberikan kualiti kerja yang baik.

Beliau ditemui di Alor Gajah, Melaka.





KENEGARAAN DAN PENJAWAT AWAM

Penghayatan kepada aspek kenegaraan bukanlah bersifat teoritikal semata-mata, malah sepatutnya dihayati dan diterjemah secara praktikal dalam aktiviti seharian. Penjawat awam sebagai jentera perkhidmatan kerajaan hendaklah sentiasa menghayati roh dan semangat Rukun Negara.

Dalam menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan penjawat awam, pelbagai program, aktiviti dan latihan berkonsep kenegaraan telah dilaksanakan bagi menambah pengetahuan penjawat awam yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

F.A.S.T.E.R principle should be practised by civil servants - KSN

Borneo Post | 27 Ogos 2020

PUTRAJAYA: The F.A.S.T.E.R principle – flat, agile, streamlined, tech-enabled, efficient and resilient – need to be grasped by every civil servant in the face of the COVID-19 pandemic, said Chief Secretary to the Government (KSN) Tan Sri Mohd Zuki Ali.

He said every department should work ‘flatter’, which is to be open without being bound by outdated rules and constrained by bureaucracy.

“For example, in the process of getting information between ministries and departments, we cannot work in our cocoon alone. When something requires a quick solution, we should immediately sit down and discuss as a public service family,” he said.

Mohd Zuki said this when officiating

the KSN@Merdeka programme with civil servants in conjunction with the national month and fly the Jalur Gemilang celebration at Dataran Putra, here today. Also present were Public Service Department director-general Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman and Ministry of Communications and Multimedia secretary-general, Datuk Suriani Ahmad.

He said the ‘agile’ principle in the execution of work was so that civil servants were more flexible and responsive in the implementation of work systems and processes.

Mohd Zuki said civil servants need to be more adaptive and sensitive to current changes and needs of the people and stakeholders, especially in the COVID-19 pandemic situation. “For example, in the face of the situation after the Recovery

Movement Control Order (RMCO), what is the form of new service delivery that needs to be done so that it is in line with the changing environment?”

“If during the RMCO period we can only process 100 applications in three days, maybe after RMCO we can process 100 applications in a day or a few hours only,” he said.

He said the services provided to the people should be tech-enabled so that digital technology is utilised due to the changing times driven by the industrial revolution 4.0 in the delivery of public services.

Mohd Zuki said every implementation of the initiative must be done efficiently and effectively, especially in a situation where the country is still in the period of economic recovery because every

mistake made means a loss that has to be borne by the government.

“If we overlook any target group in providing an incentive, then it results in a loss in terms of slow spending. In fact, it can also arouse the anger of the people towards the civil service. This we must avoid,” he said.

Mohd Zuki said the principle of resilient means that every civil servant must remain strong together with the civil service leadership, to realise the strategies outlined by the government.

He also reminded civil servants to adhere to the values of integrity, togetherness, dynamics, interaction and service as the basis in ensuring the sustainability of public service based on first class culture in achieving the Shared Prosperity



Vision 2030.

On the KSN@Merdeka programme, Mohd Zuki said the feeling of love for the country should be displayed through flying of the Jalur Gemilang at homes, offices and on vehicles during the national month celebration

He said the theme of National Day and Malaysia Day this year ‘Malaysia Prihatin’ (Malaysia cares) coincided with the government’s aspirations where all citizens are united in fighting the COVID-19 pandemic.



Penjawat awam perlu hayati maksud kemerdekaan

13 Ogos 2020

PENJAWAT awam perlu menghayati maksud kemerdekaan dan menerapkan semangat kemerdekaan sebagai tanda rasa cinta kepada negara, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman.

Beliau berkata dalam melaksanakan tugas masing-masing, semangat patriotisme harus dipupuk dan sentiasa mekar dalam diri penjawat awam.

"Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang bukan sekadar gimik tetapi memberi ingatan kepada perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan.

"Kemerdekaan bermakna kita bebas untuk mencorakkan masa depan, kita tidak perlu terikat atau patuh kepada mana-mana kuasa penjajah yang menentukan apa yang baik sebaliknya pemilihan di

tangan kita sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Bersama Penjawat Awam, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Mohd Khairul turut menyempurnakan pelepasan konvoi Info On Wheels Merdeka Peringkat Daerah Langkawi.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Datuk Suriani Ahmad dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Datuk Ammar Shaikh Mahmood Naim.

Mengulas lanjut, Mohd Khairul turut berpuas hati dengan sokongan diberikan penjawat awam apabila menyemarakkan sambutan bulan kebangsaan dengan mengibarkan Jalur Gemilang bukan sahaja

di tempat kerja malahan di rumah masing-masing.

"Teruskan inisiatif kibar Jalur Gemilang di rumah masing-masing, kenderaan rasmi jabatan kerajaan juga boleh main peranan kibarkan Jalur Gemilang apabila bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

"Kita bawa semangat bulan kemerdekaan sekali gus menunjukkan solidariti semangat penjawat awam untuk mempertahankan kemerdekaan," katanya. – BERNAMA

Penjawat awam diminta kibar Jalur Gemilang

Oleh Hamzah Osman | Ogos 13, 2020



LANGKAWI: Penjawat awam di seluruh negara diminta meneruskan amalan mengibarkan Jalur Gemilang di bangunan, kenderaan dan kediaman sebagai solidariti mempertahankan kemerdekaan negara.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata amalan itu sekian lama diyakini mampu membangkitkan rasa cinta kepada negara dalam kalangan rakyat.

“Penjawat awam perlu mengambil inisiatif mengibarkan Jalur Gemilang di rumah dan kenderaan masing-masing, malah amalan sama perlukan dilakukan pada bangunan dan kenderaan rasmi jabatan.

“Ke mana kita bergerak, kita membawa semangat bulan kemerdekaan dan masuk ke kawasan bangunan kerajaan dan kediaman penjawat awam pula nampak Jalur Gemilang dikibar menunjukkan solidariti mempertahankan kemerdekaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Bersama Penjawat Awam di sini, hari ini.

Yang turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Ammar Shaikh Mahmood Naim dan Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Suriani Ahmad.

Mohd Khairul berkata, kibaran Jalur Gemilang di tepi jalan, kenderaan dan kediaman mampu menjadikan semangat patriotik sentiasa mekar dalam hati rakyat.

Sambutan Hari Kebangsaan akan berlangsung di Kuala Lumpur pada 31 Ogos ini, manakala sambutan Hari Malaysia berlangsung di Sibul, Sarawak pada 16 September.

Lonjak patriotisme penjawat awam

27 Ogos 2020

Berita Harian | 27 Ogos 2020

Program KSN@Merdeka semarakkan sambutan Bulan Kebangsaan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Penyerahan Jalur Gemilang kepada Jabatan Perkhidmatan Awam semalam, adalah simbolik dalam menggelorakan sambutan Bulan Kebangsaan dalam kalangan penjawat awam.

Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Suriani Ahmad, berkata acara itu adalah sebahagian daripada program KSN@Merdeka yang dilancarkan sempena sambutan Hari Kebangsaan dan kibar Jalur Gemilang bersama penjawat awam.

Penyerahan Jalur Gemilang itu disampaikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman di Dataran Putra di sini.

“Program ini anjuran Jabatan Penerangan (JaPen) bertujuan

meningkatkan semangat patriotisme dan cinta kepada negara dalam kalangan masyarakat terutama penjawat awam,” katanya selepas pelancaran program KSN@Merdeka oleh Mohd Zuki di Dataran Putra, di sini.

Aktiviti lain pada program berkenaan meliputi pelepasan konvoi *Info On Wheels* (IOW) Merdeka yang terdiri 44 kenderaan kementerian, jabatan dan agensi untuk menggelorakan sambutan dan menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.

Konvoi itu akan bergerak sekitar Putrajaya dalam usaha menggalakkan penjawat awam dan masyarakat untuk mengibarkan Jalur Gemilang di bangunan kerajaan, premis kediaman dan kenderaan.

Suriani berkata, pelbagai program dilaksanakan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dalam mengekang penularan COVID-19 antaranya penjarakan fizikal, pengambilan suhu badan dan pendaftaran melalui MySejahtera.

Mohd Zuki dalam ucapannya berkata, perasaan cinta kepada negara perlu diterjemahkan melalui tindakan mengibarkan Jalur Gemilang di kediaman, ruang pejabat dan kenderaan sepanjang sambutan Bulan Kebangsaan.

PM: UNITE IN THE SPIRIT OF ‘MALAYSIA PRIHATIN’

New Straits Times | 19 Julai 2020

MALAYSIANS have been urged to liven up the spirit of the National Day and Malaysia Day celebrations, themed “Malaysia Prihatin” (Malaysia Cares), not only in the battle against Covid-19 but also in efforts to revive the economy.

Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin noted that people from all walks of life had started displaying the “Malaysia Prihatin” spirit when they came forward to provide assistance to others, irrespective of race, religion or creed.

This, said Muhyiddin, was a sign that Malaysians would become stronger and united not only in good times but also when facing challenging periods.

At the launch of the National Month Celebration and Fly the Jalur Gemilang Campaign 2020 here yesterday, Muhyiddin explained the meaning behind the theme of this year’s National Day and Malaysia Day.

“The theme for National Day and Malaysia Day celebrations very much reflects the aspirations of the government, in which all the people in Malaysia, irrespective of whether they are civil servants, from the private sector, volunteers of non-governmental organisations or individuals, are together in the battle against the enemy at this time, that is, the Covid-19 pandemic.

“‘Prihatin’ reflects the initiatives of the government in the economic, welfare and sustainability aspects of the community.”




Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin (front row, second from right) at the launch of the National Month Celebration and Fly the Jalur Gemilang Campaign 2020 in Putrajaya yesterday. PIC BY LUQMAN

HAKIM ZUBIR













PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Bagi membangunkan sumber manusia yang berpengetahuan, terlatih dan kompeten untuk keperluan strategik sektor awam dan negara, Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa melaksanakan program-program latihan dan penajaan yang dinamik.

Pelbagai program penajaan ditawarkan dari semasa ke semasa kepada pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat selanjutnya.

4,500 pelajar terima dermasiswa B40 JPA

Program beri peluang lepasan SPM ke peringkat diploma dalam bidang TVET, Sijil Profesional

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

Alor Gajah: Seramai 4,500 pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah B40 ditawarkan Program Dermasiswa B40 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tahun ini, bagi membantu membiayai pengajian mereka pada peringkat diploma dalam bidang Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan Sijil Profesional, yang mempunyai prospek kebolehpasaran tinggi dalam industri.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman menjelaskan, biasiswa berkenaan ditawarkan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sejajar Prinsip Panduan Utama Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang memfokuskan kepada akses pendidikan, khususnya bagi kumpulan B40.

"Ia penting untuk dilaksanakan dengan mengambil kira jurang pendapatan isi rumah kumpulan 20 peratus teratas dengan kum-

pulan 40 peratus ter bawah yang semakin melebar.

"Program Dermasiswa B40 diperkenalkan di bawah Model Baharu Penajaan pada 2016 bagi membantu pelajar lepasan SPM dalam kalangan B40 untuk melanjutkan pengajian," katanya berucap pada program Ramah Mesra Dengan Pelajar Tajaan JPA Dermasiswa B40 di Akademi Laut Malaysia (ALAM), Kuala Sungai Baru dekat sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pengangkutan, Normah Osman,



Mohd Khairul Adib menyampaikan surat tawaran penajaan dermasiswa B40 JPA kepada pelajar ALAM, sambilan diperhatikan Normah dan Zulkapli di Kuala Sungai Baru, Melaka semalam. (Foto Hassan Omar /BH)

Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan JPA, Datuk Dr Zulkapli Mohamed dan Pengarah Transformasi ALAM, Rafiq Khan Akhbar Khan.

Mohd Khairul menyerahkan surat tawaran penajaan dermasiswa berkenaan kepada 24 pelajar ALAM yang mengikuti pengajian Diploma Pengajian Nautika dan tiga pelajar Diploma Kejututeraan Marin.

Katanya, sejak 2016 biasiswa berkenaan diberikan kepada hampir 5,000 pelajar dalam bidang TVET dan Sijil Profesional di pelbagai institusi pengajian tinggi.

Bagi pelajar ALAM, mereka diberikan biasiswa RM150,000 bagi tiga tahun pengajian pe-

ringkat diploma.

Sementara itu, ketika berdialog dengan pelajar, beliau meminta mereka memberikan tumpuan untuk mengungguli diploma dalam bidang masing-masing sebelum merangka pelan kehidupan selepas itu sama ada melanjutkan pengajian di peringkat ijazah atau melangkah ke alam pekerjaan.

Pelajar Diploma Pengajian Nautika, Nur Aleya Delaila Hussain, 18, berkata beliau amat bersyukur menerima tawaran berkenaan dan berjanji akan mencuba segala upaya untuk mengungguli diploma.

"Insya-Allah saya mahu melihat ibu tersenyum riang menyaksikan saya mengungguli diploma

itu dan saya berjanji akan memberikan sumbangan kepada industri pelayaran di negara ini," katanya.

Mohd Fahmi Abdul Arif, 18, berkata beliau amat berminat belajar di tengah samudera bukan setakat untuk bekerja, malah menimba pengalaman melihat keadaan negara lain.

"Jauh berjalan luas pemandangan dan pepatah itulah yang sering terpahat dalam kepala saya ketika saya masih belajar di sekolah," katanya.

Beliau berazam mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan dan mendapatkan pekerjaan yang baik bagi membantu keluar-



"Jauh berjalan luas pemandangan dan pepatah itulah yang sering terpahat dalam kepala saya ketika masih belajar di sekolah."

Mohd Fahmi Abdul Arif,
Pelajar Diploma Pengajian Nautika



"Saya berjanji memberikan sumbangan kepada industri pelayaran di negara ini."

Nur Aleya Delaila Hussain,
Pelajar Diploma Pengajian Nautika

Tiga pelajar tajaan JPA luar negara menang anugerah

Mei 18, 2020



KUALA LUMPUR: Tiga pelajar Malaysia tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang menuntut pengajian Ijazah Sarjana Muda Mikrobiologi di Michigan State University, Amerika Syarikat merangkul kejayaan Class of 2020 Departmental Award daripada Jabatan Mikrobiologi dan Genetik Molekular, College of Natural Science.

JPA dalam satu kenyataan berkata ketiga-tiga pelajar ialah Nurul Izzati Mohamed, Nurul 'Iffa Nazirah Taini Achim, masing-masing menerima anugerah Dietrich C Bauer Scholarship Award (High Honor Distinction), manakala Nuur Aqilah Izzati Othman pula Russel Duvall Endowed Scholarship Award (Research).

"Sebanyak lapan anugerah dipertandingkan dan tiga anugerah itu dibolot oleh pelajar-pelajar berkenaan. Penganugerahan ini berdasarkan kepada kecemerlangan akademik sepanjang tempoh pengajian dan kualiti serta potensi kajian yang dijalankan," menurut kenyataan itu.

Nuur Aqilah Izzati, 23, adalah penerima tunggal Anugerah Russel Duvall Endowed Scholarship dan penganugerahan itu berdasarkan penilaian panel terhadap pembentangan kajian Wheat Allergy: Do Wheat Genotypes Differ in Allergenicity.

Pelajar yang berasal dari Batu Pahat, Johor itu juga menjalankan kajian bersama dengan pelajar

peringkat doktor falsafah (PhD) untuk kajian bertajuk Transdermal Sensitization and Oral Elicitation of Anaphylaxis to Salt-Soluble Wheat Protein in An Adjuvant-Free Mouse Model of Wheat Allergy.

Menurut JPA, hebahan mengenai penganugerahan ketiga-tiga pelajar itu disiarkan dalam laman web rasmi Department of Microbiology and Molecular Genetics, College of Natural Science, Michigan State University. - BERNAMA

Three PSD-sponsored students win awards in US

Borneo Post | 19 Mei 2020

KUALA LUMPUR: Three Malaysian students under the sponsorship programme of Public Service Department (PSD) have won the Class of 2020 Departmental Award from the Department of Microbiology and Molecular Genetics, College of Natural Science, Michigan State University, United States.

The PSD, in a statement, said the students Nurul Izzati Mohamed, Nurul 'Iffa Nazirah Taini Achim and Nuur Aqilah Izzati Othman are currently pursuing a bachelor's degree in Microbiology at the university.

Nurul Izzati and Nurul 'Iffa Nazirah both received the Dietrich C. Bauer Scholarship Award (High Honour Distinction) while Nuur Aqilah Izzati received the Russel Duvall Endowed Scholarship Award (Research).

"A total of eight awards were contested and three awards went to Malaysian students.

The awards are based on

academic excellence throughout the course and the quality and potential of the study conducted," the statement said.

Nuur Aqilah Izzati, 23, the sole recipient of the Russel Duvall Endowed Scholarship, was given the award based on panel assessment on the presentation of a study on Wheat Allergy: Do Wheat Genotypes Differ in Allergenicity.

Born in Batu Pahat, Johor, Nuur Aqilah Izzati was also conducting a joint study with Doctor of Philosophy (PhD) students on a research entitled Transdermal Sensitisation and Oral Elicitation of Anaphylaxis to Salt-Soluble Wheat Protein in An Adjuvant-Free Mouse Model of Wheat Allergy.

The announcement of the award of the three students was published on the official website of the Department of Microbiology and Molecular Genetics, College of Natural Science, Michigan State University, the statement said. - Bernama

Penerima BYDPA pakar pelbagai bidang

30 September 2020

SEJAK diperkenalkan hampir 15 tahun lalu, Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) menjadi pendorong semangat kepada kesemua penerima untuk berjaya dalam hidup termasuk tiga daripadanya kini bergelar pakar dalam bidang kejuruteraan, matematik dan undang-undang.


Dengan kepakaran yang dimiliki, penerima biasiswa berprestij dinaungi institusi tertinggi negara iaitu Yang di-Pertuan Agong serta Majlis Raja-Raja itu yang kini berkhidmat di sektor kerajaan dan swasta turut menyumbangkan kepada pembangunan negara.

Jurutera di Gamuda Bhd (Gamuda), Boon Chia Weng, 33, berkata, BYDPA membantunya melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kejuruteraan Geoteknik di University of Oxford, England dan beliau menamatkan pengajian pada tahun 2013.

"Saya bertuah kerana sejak tujuh tahun lepas, Gamuda memberikan peluang kepada saya untuk menggalas tanggungjawab sebagai Jurutera Geoteknik untuk pakej kerja-kerja bawah tanah bagi dua projek mega iaitu Aliran Transit Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang (SBK) dan Sungai Buloh-Serdang Putrajaya (SSP).

"Walaupun terlibat dengan kerja-kerja pembinaan yang agak mencabar, saya berasa bangga kerana terowong MRT telah siap dibina di Kuala Lumpur. Saya juga gembira kerana subkontraktor dan pembekal tempatan telah bekerjasama dalam menjayakan projek-projek ini," katanya kepada Sinar Harian.

Ditanya mengenai perkara utama yang boleh diaplikasikan bagi menambah baik bidang kejuruteraan di negara ini berdasarkan pengajiannya di University of Oxford, Chia Weng berkata, ketika pengajian, salah seorang



penyelianya merupakan seorang pensyarah terkenal di dunia, iaitu Rankine Lecturer.

"Topik utama beliau adalah offshore foundations. Tetapi, pada masa itu, saya lebih yakin aplikasi terowong batu lebih berguna di Malaysia dan saya mendalami bidang ini hasil perkongsian ilmu beliau selain saya jadikan matematik sebagai bidang sampingan.

"Setakat ini, hasil komputer algorithm open-source digunakan untuk mengkaji batu telah digunakan di Eropah, Amerika Syarikat dan Brazil.

"Nama Malaysia juga ditayangkan di laman web International Society for Rock Mechanics and Rock Engineering (ISRM) kerana tesis saya telah dianugerahkan dengan Rocha Medal pada tahun 2016," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Matematik, Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM), Fatimah Abdul Razak, 36, berkata, menerusi tajaan BYDPA, beliau berjaya memperoleh PhD dalam bidang matematik di Imperial Collage, London pada tahun 2013.

Menurutnya, melalui kepakarannya dalam bidang matematik, beliau fokus untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pelbagai unsur matematik dalam kehidupan yang sangat banyak tetapi tidak disedari.

Menyedari tajaan BYDPA merupakan idaman setiap pelajar, beliau sering berkongsi aspirasi supaya pelajar menggunakan kelebihan masing-masing untuk mengejar kecemerlangan.

"Setiap orang ada kelebihan dan kekurangan. Fikirkanlah cara terbaik untuk menggunakan kelebihan itu. Buatlah sesuatu bukan kerana mengejar kestabilan kewangan sahaja tetapi kerana



ia cara terbaik untuk menyumbang kepada dunia dan masyarakat sekeliling," katanya.

Dalam pada itu, kejayaan sama turut dicapai, pemegang Ijazah Sarjana Undang-Undang dari Universiti Harvard, Shivanand Sivamohan, 30, yang kini berkhidmat sebagai Penolong Pengarah di Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia di bawah Kementerian Luar Negeri.

Beliau mula menjawat jawatan itu pada Jun 2017 dan berkhidmat sehingga kini selepas mula dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada 27 Mei 2017.

Menurutnya, dengan kelulusan yang dimilikinya, beliau mempunyai impian untuk melakukan transformasi dalam perkhidmatan awam seiring dengan penekanan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terhadap pembinaan modal insan yang berkualiti.

"Saya berhasrat untuk turut menyumbang

dalam inisiatif meningkatkan pengetahuan awam mengenai program biasiswa JPA termasuk BYDPA.

"Pada pandangan saya, usaha-usaha pihak JPA untuk mempromosikan biasiswa ini akan mendorong lebih ramai golongan muda di negara kita untuk melanjutkan pengajian di institusi terkemuka tempatan dan antarabangsa serta membangunkan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu," katanya.

Susulan itu, beliau berharap lebih banyak program bimbingan dan mentorship boleh dipertimbangkan untuk penerima biasiswa JPA sepanjang tempoh pengajian mereka, termasuk sesi dialog bersama pegawai-pegawai kanan kerajaan serta internship bersama pelbagai kementerian dan jabatan. Berkongsi petua kejayaan menerima tajaan BYDPA pula, Shivanand berkata, kriteria yang ditetapkan untuk penerima biasiswa itu bukan hanya merangkumi aspek akademik, tetapi juga

penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum atau kemasyarakatan.

Justeru katanya, pemohon-pemohon yang berminat seharusnya mengambil pendekatan menyeluruh dalam merangka visi peribadi mereka selain persediaan rapi juga diperlukan untuk melalui proses saringan dengan jayanya.

"Generasi muda di negara ini perlu mempunyai keyakinan penuh untuk memohon kemasukan ke program-program bertaraf antarabangsa, tanpa meragui bakat dan kebolehan masing-masing.

"Mereka perlu beriltizam untuk melanjutkan pengajian di bawah BYDPA iaitu biasiswa unggul yang ditawarkan kerajaan Malaysia di bawah JPA," katanya.

Sehingga kini seramai 172 pelajar telah menikmati penajaan BYDPA

yang membabitkan 84 peringkat Ijazah Sarjana dan 88 peringkat PhD sejak ia diperkenalkan pada tahun 2006.

Biasiswa itu ditawarkan untuk mengiktiraf kebolehan luar biasa warganegara Malaysia, di samping memberikan mereka peluang untuk melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana dan PhD di universiti dalam dan luar negara.

Bidang pengajian di bawah tajaan BYDPA meliputi empat bidang utama iaitu Sains dan Teknologi yang mula ditawarkan pada 2006, Ekonomi (2007), Undang-undang (2007) dan Kewangan Islam (2014).

Al-Sultan Abdullah berkenan anugerah 11 biasiswa YDPA

Julai 21, 2020

Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) 2020/2021 kepada 11 penuntut institusi pengajian tinggi di Istana Negara di sini, hari ini.

Semua penerima biasiswa itu dipilih oleh Jawatankuasa BYDPA untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam pelbagai bidang meliputi sains dan teknologi, kejuruteraan dan undang-undang di pelbagai universiti tempatan dan luar negara.

Enam yang menerima biasiswa bagi pengajian PhD ialah Noor Amiera Alias, pelajar rehabilitasi kanak-kanak di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Amalina Hanani (Kejuruteraan Sivil dan Alam Sekitar, Imperial College of London); Mohammad Hafizul Hazmi Wahab (Sains Komputer, UPM); Ong Yi Ni (Kimia, University of Oxford); Bryan Lim Wei Tern (Kepintaran Buatan dan Robotik, Imperial College of London) dan K. Sivasanghari (Kejuruteraan Aeroangkasa, UPM).

Sementara itu, pelajar yang menerima biasiswa bagi pengajian Sarjana ialah Mohamad Khairul Hafizi Rahimi (Kejuruteraan Elektrik, UKM); Nur Khairina Khairu Najihan (Mekatronik, Universiti of Tokyo); Farah Syazana Aspar (Etika dan Perundangan Perubatan, University of Melbourne); Rohaisha Jamil (Undang-undang, King's College, London) dan Low Suey Yee (Parasitologi, UPM). Sehingga kini, BYDPA sudah menaja 161 pelajar,

membabitkan 82 pelajar di peringkat PhD dan 79 lagi di peringkat Sarjana sejak diperkenalkan pada 2006.

Turut hadir pada majlis penganugerahan biasiswa itu ialah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman dan Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan JPA, Datuk Dr Zulkapli Mohamed.

Pada masa sama, Mohd Khairul Adib berkata pihaknya melakukan saringan dan penilaian yang ketat walaupun proses pemilihan tersebut berlangsung dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pada tahun ini, kita menerima permohonan yang agak banyak lebih daripada 700 orang yang memohon. Daripada jumlah itu, 290 permohonan yang memenuhi semua syarat dan selepas ditapis, hanya 62 untuk ditemu duga.

"Disebabkan oleh PKP, temu duga dilakukan secara dalam talian yang mana barisan panel terdiri daripada pensyarah-pensyarah, profesor-profesor universiti untuk melihat dari segi kertas cadangan masing-masing," katanya.

Beliau yang merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima biasiswa turut berharap mereka dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang dan seterusnya memberi sumbangan kepada negara pada masa hadapan.



Biasiswa YDPA: “Masih bawa nama negara, tapi cara berbeza” - Bryan Lim

Julai 21, 2020

Membawa nama Malaysia sebagai penerima Biasiswa Yang Di-Pertuan Agong (BYDPA) lebih besar perannya berbanding ketika menjadi atlet kebangsaan yang mewakili negara dalam kejohanan antarabangsa.

Itu pengakuan bekas atlet tenis kebangsaan, Bryan Lim Wei Tern, yang bakal melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kepintaran Buatan (AI) dan Robotik di Imperial College, London.

“Perasaan kali ini cukup berbeza. Sebelum ini, saya hanya (bertanding) di peringkat junior dalam acaran sukan tenis.

“Sekarang ini, tanggungjawab beza sedikit kerana kali ini saya perlu

melakukan kajian untuk mendapatkan penemuan terbaharu dalam AI.

“Memang berbeza tetapi tanggungjawab sama iaitu untuk bawa nama negara di peringkat antarabangsa,” katanya ketika ditemui media di Istana Negara hari ini.

Dia yang akan menjalankan kajian berkaitan 'Autonomous Legged Locomotion in Unstructured Environments' berharap kajiannya itu mampu diaplikasi di negara ini sekaligus memberi impak yang besar terhadap perubahan teknologi.

Bryan Lim menjadi antara 11 penerima BYDPA yang disampaikan sendiri oleh Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara pada Selasa.



Selain Bryan, lima lagi penerima biasiswa bagi pengajian PhD ialah Noor Amiera Alias, pelajar rehabilitasi kanak-kanak di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Amalina Hanani (Kejuruteraan Sivil dan Alam Sekitar, Imperial College of London); Mohammad Hafizul Hazmi Wahab (Sains Komputer, UPM); Ong Yi Ni (Kimia, University of Oxford) dan K. Sivasanghari (Kejuruteraan Aeroangkasa, UPM).

Sementara itu, pelajar yang menerima biasiswa bagi pengajian Sarjana ialah Mohamad Khairul Hafizi Rahimi (Kejuruteraan Elektrik, UKM); Nur Khairina Khairu Najihan (Mekatronik, Universiti of Tokyo); Farah Syazana Aspar (Etika dan Perundangan Perubatan, University of Melbourne); Rohaisha Jamil (Undang-undang, King's College, London) dan Low Suey

Yee (Parasitologi, UPM).

Sementara itu, bagi Mohamad Khairul Hafizi, dia akui BYDPA diterimanya menjadi perangsang untuk terus komited dalam kajiannya.

Dia yang ketika ini bekerja sebagai tutor sambilan amat berharap kajiannya itu dapat memberi manfaat kepada pelbagai latar masyarakat di negara ini.

“Saya ingin anak-anak muda sekarang supaya perkembangan lagi teknologi yang ada di Malaysia bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi dapat digunakan oleh semua orang tidak kira yang kaya mahupun miskin,” katanya.

Al-Sultan Abdullah kurnia biasiswa

Sinar Harian | 22 Julai 2020

Pengiktirafan istimewa kepada 11 pelajar Malaysia yang menunjukkan keputusan akademik dan kokurikulum luar biasa

Oleh JUNHAIRI ALYASA

KUALA LUMPUR

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong kepada 11 penuntut cemerlang di Istana Negara semalam.

Penganugerahan biasiswa bagi sesi pengajian 2020/2021 itu terdiri daripada enam penerima yang akan melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD), manakala lima penerima yang lain untuk program Sarjana.

Biasiswa Yang di-Pertuan Agong merupakan pengiktirafan istimewa ke-



Al-Sultan Abdullah mengurniakan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong 2020/2021 kepada Bryan Lim (kanan) di Istana Negara semalam.

pada pelajar Malaysia yang menunjukkan keputusan akademik dan kokurikulum luar biasa.

Biasiswa tersebut mula diperkenalkan pada 2006 dan sebanyak 14 sesi

penawaran bagi pengajian peringkat Sarjana dan PhD telah dilaksanakan sehingga tahun 2019.

Bidang pengajian yang ditaja di bawah biasiswa tersebut melibatkan empat

bidang iaitu sains dan teknologi, ekonomi, undang-undang dan kewangan Islam.

Senarai penerima biasiswa PhD terdiri daripada Noor Amiera Alias yang melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Amalina Hanani Ismail (Imperial College of London), Muhammad Hafizul Hazmi Wahab (Universiti Putra Malaysia), Ong Yi Ni (Universiti Oxford), Bryan Lim Wei Tem (Imperial College of London) dan K Sivasanghari di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Senarai penerima Sarjana pula ialah Mohamad Khairul Hafizi Rahimi (UKM), Nur Khairina Khairu Najihan (Universiti of Tokyo), Farah Syazana Aspar (Universiti Melbourne), Rohaisha Jamil (King's College London) dan Low Suey Yee (UPM).

Sementara itu, seorang penerima biasiswa tersebut, Bryan Lim, 24, berharap dapat menyumbang semula kepada negara dalam bidang kecerdasan buatan (AI).

"Bidang AI adalah bidang yang sedang meningkat naik dan saya harap dapat membangunkan bidang ini di Malaysia," kata beliau.

Permohonan biasiswa Yang di-Pertuan Agong dibuka 10 Feb

Februari 7, 2020

Permohonan bagi Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) sesi pengajian 2020/ 2021 untuk peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) di dalam dan luar negara dibuka bermula pada 5 petang 10 Feb ini.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam kenyataan hari ini berkata permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang secara dalam talian melalui portal <http://esilav2.jpa.gov.my> sehingga tarikh tutup pada 6 Mac 2020.

Katanya tarikh akhir bagi mengemukakan borang permohonan yang lengkap secara serahan tangan atau pos juga pada 6 Mac 2020.

"BYDPA menawarkan sebanyak 12 biasiswa iaitu enam di peringkat Sarjana dan enam di peringkat PhD untuk calon mengikuti pengajian dalam bidang Sains dan Teknologi, Ekonomi, Undang-Undang dan Kewangan Islam," katanya.

Menurut JPA, keutamaan diberikan kepada calon yang mendapat keputusan akademik

amat cemerlang iaitu Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) sekurang-kurangnya 3.75 atau kelas pertama atau setaraf dengannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana.

JPA berkata keutamaan juga diberikan kepada calon yang mempunyai keupayaan luar biasa seperti penguasaan pelbagai bahasa, kebolehan istimewa, aktif dalam aktiviti kemasyarakatan atau menghasilkan kerja kreatif dan inovatif.

Katanya calon yang telah mendapat tawaran atau memulakan pengajian pada tahun penajaan di universiti penyelidikan tempatan atau universiti terkemuka di dunia turut diberi keutamaan.

Syarat kelayakan lain ialah warganegara Malaysia dan berumur tidak lebih 35 tahun pada tahun memulakan pengajian.

"Calon-calon yang layak dan berjaya disenarai pendek akan melalui proses

pemilihan termasuk temu duga," katanya. JPA berkata penerima BYDPA adalah terikat untuk berkhidmat di Malaysia dalam tempoh tidak kurang dari lima tahun.

"Oleh itu, penerima biasiswa yang telah menamatkan pengajian di luar negara diwajibkan pulang ke tanah air selepas tamat tempoh tajaan," katanya.

Maklumat lanjut mengenai penawaran itu boleh didapati melalui portal <http://esilav2.jpa.gov.my> atau hubungi talian 03-8885 3371/ 3879/ 3438/ 3569 pada setiap hari bekerja mulai pukul 9 pagi hingga 5 petang atau emel kepada penawaranldp@jpa.gov.my.

-- BERNAMA



A person wearing glasses and a light-colored shirt is seen from the side, operating a professional video camera on a tripod. The background is a bright, slightly blurred studio environment with a window and a light fixture. The text 'LENSA MEDIA' is overlaid in a large, bold, black font on a semi-transparent white rectangular background.

LENSA MEDIA



3 Januari 2020

Lawatan Kerja
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
ke Negeri Sembilan

14 Januari 2020

Wacana Sinar Perkhidmatan Awam;
Beban Tugas vs Pendapatan



26 Februari 2020

Majlis Penyerahan Ex-Gratia Kematian Kepada Balu Pesara di SMK Seri Bintang Utara, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur



LANGSUNG
ZOOM MEETING

tv1
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
18 MAC - 14 APRIL 2020



PENGORBANAN PENJAWAT AWAM HADAPI COVID-19

6 April 2020

Slot Selamat Pagi Malaysia RTM: Penghargaan Kepada Barisan Hadapan Penjawat Awam Menangani Penularan Wabak Covid-19



21 Julai 2020

Majlis Penganugerahan
Basiswa Yang di-Pertuan Agong
Sesi Pengajian 2020/2021 di Istana Negara





29 Julai 2020

Majlis Penyampaian Surat Kenaikan Pangkat
Kepada Pakar Bidang Khusus (SME)
Bagi Jabatan Kerja Raya



11 Ogos 2020

Slot Selamat Pagi Malaysia RTM:
Biasiswa Yang di-Pertuan Agong



13 Ogos 2020

Sambutan Bulan Kebangsaan dan
Kibar Jalur Gemilang Bersama
Penjawat Awam Negeri Kedah

26 Ogos 2020
Program KSN@Merdeka
di Dataran Putra, Putrajaya





10 September 2020

Majlis Penyerahan Waran Perjawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
di Klinik Kesihatan Batu Berendam, Melaka



11 September 2020

Majlis Penyampaian
Sijil Pengiktirafan Pangkalan Latihan
Pasukan Gerakan Udara Ipoh



2 Oktober 2020

Majlis Penyampaian Amanat dan Perjumpaan
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bersama
Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Persekutuan
di Wilayah Persekutuan Labuan



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Blok C1-C3, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62510 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia.
Tel: 603 8000 8000



www.jpa.gov.my



Jabatan Perkhidmatan Awam



@jpagov



Jabatan Perkhidmatan Awam



@jpa2day